UMT Supports the Sustainable Development Goals

IKAN INGGU

Ikan Inggu boleh ditemui di perairan beriklim tropika. Habitatnya adalah di kawasan terumbu karang, terumbu berbatu atau lagun. Fizikalnya yang berwarna terang menyebabkan ia mudah menarik perhatian pemangsa. Justeru, ikan ini memiliki hubungan simbiosis dengan buran (anemone laut), sejenis haiwan invertebrata marin yang akan melindunginya daripada pemangsa. Ikan ini juga merupakan satu-satunya ikan yang dapat hidup bersama buran tanpa terkena sengatan yang terdapat pada tentakel buran tersebut. Ikan ini akan mengeluarkan mukus atau menyalut tubuhnya dengan mukus sebagai isyarat kepada buran agar tidak memakannya. Sebagai timbal balas, ikan inggu akan membersihkan badan buran dan memakan alga serta pelbagai invertebrata yang membahayakan kelangsungan hidup buran.

Sifat ikan inggu yang agresif dan warna tubuhnya yang menyerlah dan menarik melambangkan UMT sebagai sebuah universiti yang unik, biarpun kecil namun tetap menonjol di mata dunia. Manakala hubungan simbiosis yang dijalin menggambarkan nilai kebersamaan antara warga UMT yang saling melengkapi antara satu sama lain. Penyatuan ini diterjemahkan menerusi pencapaian cemerlang UMT dalam pelbagai aspek dan disiplin ilmu sekali gus melonjak keterlihatan UMT dalam bidang tujahan ilmu kelautan dan sumber akuatik.


LAPORAN TAHUNAN 2023

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU


Menerajui Ekonomi Biru

FAKTA DAN ANGKA

BILANGAN STAF MENGIKUT TARAF JAWATAN | 1,864



STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK) | 735




Catatan:

*Termasuk Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Sepenuh masa) & Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Bersekutu)

**Termasuk empat jawatan Pengurusan Tertinggi

STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK) | 272



Catatan: Termasuk Guru Bahasa


STAF PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK ANTARABANGSA) MENGIKUT NEGARA

9 Indonesia	6 Bangladesh	5 India	4 Iran	4 Jepun	3 Nigeria	3 Pakistan
3 New Zealand	2 Jerman	2 Itali	2 Korea	2 Uzbekistan	2 Yaman	2 Australia
1 Belgium	1 Brunei	1 Kanada	1 China	1 Hong Kong	1 Iraq	1 Mynmar
1 Romania	1 Somalia	1 United Kingdom	1 Republik Czechoslovakia			


Jumlah : 60



STAF PELAKSANA | 857



BILANGAN PROGRAM



BILANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH



Pelajar Tempatan | **10,565**
Pelajar Antarabangsa | **706**

Jumlah **11,271**

Peratusan Pelajar Antarabangsa | **6.7%**

LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SOROTAN KEJAYAAN UMT 2023

UMT TERSENARAI DALAM TUJUH KATEGORI PENARAFAN OLEH TIMES HIGHER EDUCATION (THE) WORLD UNIVERSITY RANKINGS

THE World University Rankings (1,001-1,200)
THE World University Rankings: Asia University Rankings (401-500)
THE World University Rankings by Subject: Business and Economics (401-500)
THE World University Rankings by Subject: Engineering (501-600)
THE World University Rankings by Subject: Physical Sciences (801-1,000)
THE World University Rankings by Subject: Life Sciences (801-1,000)
THE World University Rankings by Subject: Social Sciences (801+)

UMT BERADA PADA TANGGA 401-500 YOUNG UNIVERSITY RANKINGS 2023

THE World University Rankings turut menyenaraikan UMT di tangga 401-500 Young University Rankings 2023. Penarafan ini membuktikan UMT sebagai antara universiti "muda" yang kian disegani global

UMT BERADA PADA TANGGA 601-800 THE IMPACT RANKINGS 2023

Komitmen UMT dalam menyokong dan melaksanakan agenda Sustainable Development Goals (SDG) di bawah United Nations diiktiraf apabila berada dalam kelompok 800 universiti terbaik dunia

UMT BERADA PADA KEDUDUKAN 1,001-1,200 DUNIA DAN KELOMPOK 200 TERBAIK ASIA DALAM QS UNIVERSITY RANKINGS

Reputasi UMT sebagi sebuah institusi pendidikan tinggi terus terserlah di peringkat global apabila berjaya mengekalkan kedudukan dalam kalangan 1,200 universiti terbaik dunia melalui QS World University Rankings dan berada dalam kelompok 200 terbaik di Asia melalui QS Asian University Rankings.

UMT TERSENARAI DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT

Keterserlahan UMT dalam salah satu bidang iaitu Agriculture & Forestry terus diiktiraf apabila berada pada kelompok 350 universiti terbaik dunia.

UMT BERADA PADA KELOMPOK 500 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS: SUSTAINABILITY

Komitmen dan inisiatif UMT dalam memastikan keupayaan dan kemampanannya dalam menghadapi pelbagai cabaran diiktiraf dunia apabila berjaya berada dalam kelompok 500 universiti terbaik dunia melalui QS World University Rankings: Sustainability.

UMT BERADA PADA TANGGA 227 DUNIA DALAM PENARAFAN UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKINGS

UMT berjaya berada pada tangga ke-227 dunia daripada 1,182 penyertaan dan berada pada tangga ke-12 daripada 43 penyertaan di Malaysia. Kejayaan ini membuktikan komitmen dan polisi UMT dalam menyediakan persekitaran kampus hijau dan lestari.

WEBOMETRICS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2023: UMT BERADA PADA TANGGA 1,662 DUNIA DAN KE-16 DI MALAYSIA

Inisiatif UMT dalam membangun dan menyediakan laman web yang berinformatif, menyeluruh dan mudah diakses berjaya menempatkannya pada kelompok 2,000 terbaik dunia daripada lebih 30,000 institusi dan kelompok 20 terbaik di Malaysia daripada lebih 300 institusi yang dinilai.

UMT TERSENARAI SEBAGAI SALAH SEBUAH UNIVERSITI YANG BERDAYA SAING DALAM PENARAFAN SETARA

Pengiktirafan ini adalah berdasarkan pencapaian, kualiti dan kecemerlangan UMT dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

UMT RAIH 5 BINTANG DALAM PENARAFAN MYMOHES 2023 DAN SATU-SATUNYA UA YANG MENDAPAT SKOR 100%

Pengiktirafan ini membuktikan UMT sebagai salah sebuah Universiti Awam (UA) terbaik dalam pengurusan data merangkumi aspek ketepatan dan kelengkapan data, konsistensi, kredibiliti dan sentiasa dikemas kini.

11 ORANG SAINTIS UMT BERJAYA TERSENARAI DALAM KELOMPOK 2% "MOST-CITED SCIENTISTS IN THE WORLD" DARIPADA LEBIH 150,000 SAINTIS SELURUH DUNIA DALAM PELBAGAI BIDANG:

- Tenaga
- Perikanan
- Bioteknologi
- Pemprosesan Imej dan Kepintaran Buatan
- Kejuruteraan Geologi dan Geomatik
- Pengurusan dan Perniagaan
- Botani dan Biologi Tanaman
- Sains Makanan
- Sains Sekitaran



Funded by the European Union

PENYELIDIK UMT TERIMA GERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA BERNILAI RM4.088 JUTA

Kumpulan penyelidik UMT menerima geran daripada European Union-Erasmus CBHE-LS bagi projek kerjasama dengan beberapa universiti antarabangsa bertajuk HEIs for Sustainable Blue Economy in Malaysia and Indonesia (SustainaBlue) bagi tempoh Disember 2023 – Disember 2026.

PENYELIDIK UMT TERPILIH MENYERTAI EKSPEDISI PENYELIDIKAN DI ANTARTIKA

Penyelidik UMT terpilih menyertai 24th Kaiyodai Antarctic Research Expedition (KARE24) pada 17 Januari – 8 Februari 2023, melalui geran penyelidikan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan bagi penyelidikannya bertajuk "The Fate of Salps in a Changing Ocean: Emerging Environmental Consequences for the Indian Ocean Sector of the Southern Ocean".





PELAJAR UMT RANGKUL KEMENANGAN PADA KEJOHANAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA

Pasukan pelayaran yang diwakili oleh pelajar UMT berjaya mendapat tempat ke-2 Match Race dan tempat ke-3 Fleet Race pada Kejohanan Kapal Layar Kingdom Fleet & Match Race Event 2023 yang berlangsung di Bahrain pada 14-17 Disember 2023.

THE OCEAN GIRL RANGKUL TEMPAT KETIGA PADA 19TH ROYAL LANGKAWI INTERNATIONAL REGATTA LANGKAWI 2023

Pasukan Kapal Layar UMT yang diwakili oleh pelajar wanita berjaya menduduki tempat ketiga pada kejohanan antarabangsa ini. Lebih membanggakan, pasukan ini merupakan wakil tunggal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menyertai acara ini.



BUKU TERBITAN PENERBIT UMT TERIMA PELBAGAI PENGIKTIRAFAN

Karya berkualiti dan berimpak tinggi yang dihasilkan oleh penyelidik dan diterbitkan oleh Penerbit UMT telah mendapat pelbagai pengiktirafan pada Majlis Anugerah Akademik Negara, Majlis Anugerah MAPIM-KPT dan Majlis Anugerah Buku Negara:


- Anugerah Penerbitan Buku
- Anugerah Penerbit Harapan
- Buku Ilmiah Terbaik (Kategori Kemanusiaan dan Sains Sosial)
- Anugerah Penghargaan Jurnal Terindeks Antarabangsa
- Anugerah Pengajian Tinggi – Buku Perikanan Terbaik

PUSAT SELAM SKUBA UMT (UMT DIVING SCHOOL) CIPTA REKOD MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBOR) – PROGRAM PERLESENAN SELAM SKUBA DENGAN PESERTA PALING RAMAI DI MALAYSIA

Bersempena program RHB-UMT Bidong Summit 2023, seramai 38 peserta daripada RHB Islamic Bank Berhad telah dilatih dalam program perlesenan selam skuba dan ia menjadi rekod program pelesenan selam skuba dengan paling ramai peserta pernah diadakan di Malaysia.



SEJARAH PENUBUHAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



12 Disember 2014
Diiktiraf sebagai universiti berautonomi

01 Februari 2007
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

20 Jun 2001
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

26 Julai 1999
Kolej Universiti Terengganu (KUT)

1996
Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT)

1979
Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia (UPM)



KANDUNGAN

2 Sorotan Kejayaan UMT 2023

7 Maklumat Korporat UMT

27 Laporan Naib Canselor

33 Laporan Tadbir Urus

43 Kejayaan dan Pencapaian

53 Pemerkasaan Bakat

85 Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran

113 Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi

155 Pembangunan Pelajar dan Alumni

193 Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

211 Keterlihatan Global

229 Pemantapan Citra

255 Kelestarian dan Pendigitalan Kampus

285 Kelestarian Kewangan



FOKUS STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

01

BIDANG TUJAHAN
Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik

02

VISI
Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam

03

MISI
Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global

04

SLOGAN
Terokaan Seluas Lautan,
Demi Kelestarian Sejagat

05


FALSAFAH
Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti dalam menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat

NILAI-NILAI TERAS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



TERAS PELAN STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



5 FAKULTI, 1 PUSAT PENDIDIKAN, 1 PUSAT ASASI


- Fakulti Pengajian Maritim (FPM)
- Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI)
- Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)
- Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)
- Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL)
- Pusat Asasi STEM (PASTEM)


4 INSTITUT PENYELIDIKAN

- Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS)
- Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin (ICAMB)
- Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP)
- Institut Bioteknologi Tropika dan Pembangunan Lestari (BIO-D TROPIKA)

CARTA ORGANISASI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU




CANSELOR
PRO- CANSELOR
LEMBAGA PENGARAH
NAIB CANSELOR
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
KETUA AUDIT DALAM
KETUA INTEGRITI
PRO NC (HAL EHWAL KORPORAT, JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)
PRO NC (STRATEGI DAN PRESTASI)
PENDAFTAR Governan dan Pengurusan
BENDAHARI Kewangan
KETUA PUSTAKAWAN Pengurusan Sumber Ilmu
PENGARAH Pembangunan dan Harta
Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat
Pejabat Komunikasi Korporat
Pusat Komunikasi Strategik
Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
Pusat Ekosistem Digital
Canselori
- Pejabat Naib Canselor
- Pejabat Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pejabat Pro-Pro Naib Canselor
- Pejabat Penasihat Undang-Undang
- Bahagian Audit Dalam
- Unit Integriti
Pusat Islam Sultan Mahmud
Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti
Pejabat Pendaftar
Jabatan Governan dan Pengurusan Perkhidmatan
Jabatan Sumber Manusia
Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi
Pusat Kesihatan Universiti
Pejabat Bendahari
- Bahagian Pengurusan Hasil, Bajet dan Akaun
- Bahagian Perkhidmatan Kewangan
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
- Bahagian Pembangunan Sumber Ilmu (BPSI)
- Bahagian Pengurusan Teknologi Perpustakaan (BPTP)
- Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik (BPKS)
- Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat (BPPM)
Pejabat Pembangunan dan Harta
- Bahagian Pengurusan Pembangunan
- Bahagian Pengurusan Penyelenggaraan
- Bahagian Pengurusan Fasiliti
- Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
- Bahagian Pengurusan Perkhidmatan



CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH,
D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),
Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order
of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu



PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P., D.G.S.M., A.M.N., S.M.W., S.U.M.W.

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGERUSI LPU
PROFESOR DR. MOHAMAD SALMI BIN MOHD SOHOD
A.M.K.
B.Sc., M.Sc (Western Michigan, USA), Ph.D. (Bradford, U.K.)
**Lantikan bermula 10 Julai 2023*



PENGERUSI LPU
TAN SRI DATO' SRI SHAMSUL AZHAR BIN ABBAS
P.S.M., S.P.M.S., S.P.S.K., S.P.M.T., D.I.M.P.
B.Sc. (USM), M.Sc. (Penn, USA)
**Lantikan sehingga 20 Mei 2023*



AHLI LPU / NAIB CANSELOR
PROFESOR DATO' DR. MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR
D.P.M.T.
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle, UK), Ph.D. (Wales, UK)



WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN
DATO' INDERA AB RAHIM BIN AB RAHMAN
D.N.S., A.M.N., A.N.S., P.M.C., S.I.M.P., D.P.S.K.
B.A. (Hons) (UM), M.Sc. IM (UiTM)



WAKIL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
TUAN HAJI HUSSIN BIN MAHMUD
B.Sc. (UTM), M.Sc. IT (UKM)
**Lantikan bermula 10 April 2023*



WAKIL MASYARAKAT
DATO' DR. HJ. DIN BIN ADAM
D.P.M.T, P.J.K.
B.Sc. (UTM), Ph.D. (APEL)
**Lantikan bermula 1 Jun 2023*



WAKIL MASYARAKAT
YM ENGKU NAIMAH BINTI ENGKU TAIB
B.TESL (UPM)
**Lantikan sehingga 31 Januari 2023*



WAKIL SENAT
PROFESOR DR. FAUZIAH BINTI ABU HASAN
B.Sc., M.Sc. (Western Michigan, USA), Ph.D. (Florida State, USA)
**Lantikan sehingga 30 Disember 2023*



WAKIL SWASTA
PROFESOR EMERITUS DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK
D.G.P.N.
B.A. Hons (UKM), M.A. (York, UK), Ph.D. (Leeds, UK), AMP Certificate (Harvard, USA)
**Lantikan bermula 1 Mac 2023*



WAKIL SWASTA
ENCIK MAZAHAN BIN MOHD ALI
C.A. (M), CPA(M), ACPA, ACTIM, AICMA, ICSP
Dip. Acct (UniSZA), B. Acct (Hons) (UKM), M.B.A. (UUM)
**Lantikan bermula 16 Ogos 2023*



WAKIL SWASTA
YB IR. TS. HJ. KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
B.Eng. (HONS) (UTP), M.Sc. (UTP)
**Lantikan sehingga 31 Januari 2023*



WAKIL SWASTA
DATO' IR. DR. SHAIK HUSSEIN BIN MYDIN
D.I.M.P.
B.Eng. (UTM), M.Sc. (USM), Ph.D. (UTM)
**Lantikan sehingga 31 Januari 2023*



WAKIL SWASTA
DATO' WAN HISHAM BIN WAN SALLEH
D.P.M.T., A.M.N.
B.Econ (East Anglia, UK), M.Econ (UPM)
**Lantikan sehingga 31 Januari 2023*



WAKIL ALUMNI
DATO' ADNAN BIN HUSSAIN
D.I.M.P.
B.Sc. (UPM)
**Lantikan bermula 1 November 2023*



WAKIL ALUMNI
ENCIK MOHD KHAIRUL HAKIMI BIN MOHD NAWI
B.Sc. (Hons.) (UPM)
**Lantikan sehingga 30 Jun 2023*



WAKIL BERPENGETAHUAN DAN BERPENGALAMAN
ENCIK MOHD SHAHAR BIN YOPE
FCCA, C.A. (M)
**Lantikan sehingga 30 September 2023*



WAKIL SILIH GANTI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ENCIK HIRMAN BIN AWANG @ SEMAIL
B.B.A. (UM)



SETIAUSAHA
TUAN HAJI ZUKIFEREE BIN IBRAHIM
LL.B (Hons) (IIUM), LL.M (UniSZA)

SENAT

PENGERUSI

Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, FASc.
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle, U.K.), Ph.D. (Wales, U.K.)
Naib Canselor UMT

AHLI

Prof. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
B.Eng. Mech. (Sunderland, U.K.), M.Sc. Adv. Mech. (Warwick, U.K.), Ph.D. (UKM)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), Ph.D. (Glasgow, U.K.)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain
B.A. (Shariah) (UM), M.A., Ph.D. (UM)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Mulai 19 Februari 2023

Prof. Ir. Dr. Mohammad Fadhli bin Ahmad
B.Sc. (UiTM), M.Sc. (London South Bank, U.K.), Ph.D. (Dundee, U.K.)
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Prof. Madya Dr. Faridah binti Mohamad
B.Sc. (UM), M.Sc. (UPM), Ph.D. (Glasgow, U.K.)
Dekan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. Ts. Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid, FASc, FAPM
D.V.M., Ph.D. (UPM)
Dekan, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan

Prof. Dr. Suriyani binti Muhamad
B.Ec. (Hons.) (UM), M.Sc. (London, U.K.), Ph.D. (Manchester, U.K.)
Dekan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Wan Mohd Norsani bin Wan Nik
B.Sc. (George Washington, U.S.A.), M.Sc. (Bath, U.K.), Ph.D. (UTM)
Dekan, Fakulti Pengajian Maritim

Prof. Dr. Asyraf bin Hj. Ab. Rahman
B.A. (Hons.) (IIUM), M.A. (Leeds, U.K.), Ph.D. (Edinburgh, U.K.)
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir
Dip. (UTM), B.Eng (Hons.) (HWU, U.K.), Ph.D. (UWA, Australia)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin bin Abdullah
Dip., B.Sc. (UPM), M.Sc., Ph.D. (UNIMAS)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Prof. Dr. Yeong Yik Sung
B.Sc. (UPM), M.Sc. (KUSTEM), Ph.D. (Ghent, Belgium)
Pengarah, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Prof. Madya Dr. Amirrudin bin Ahmad
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), Ph.D. (St. Andrews, U.K.)
Pengarah, Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari

Prof. Ts. Dr. Noor Maizura binti Mohamad Noor
B.Sc., M.Sc. (UPM), Ph.D. (Manchester, U.K.)
Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik

Prof. Madya Dr. Laili binti Haji Che Rose
B.Sc. (Hons.) (UPM), M.Sc. (UPM), Ph.D. (UEA, U.K.)
Pengarah, Pusat Asasi STEM

Prof. Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin
B.Tech. (Hons) (USM), Ph.D. (Leeds, U.K.)
Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah

PROFESOR YANG DILANTIK

Prof. Dato' Ts. Dr. Aziz bin Deraman, D.P.M.T.
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.App.Sci (Glasgow, U.K.), Ph.D. (UMIST, U.K.)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik
Sehingga 7 November 2023

Prof. Ts. Dr. Muhammad Suzuri bin Hitam
B.Tech. (Hons) (USM), Ph.D. (Leeds, U.K.)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik
Sehingga 31 Disember 2023

Prof. Ts. Dr. Nora'Aini binti Haji Ali
B.Eng. (UTM), M.Sc. (UMIST, U.K.), Ph.D. (UKM)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Prof. Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali
B. Tech. Polimer, M.Sc. (USM), Ph.D. (Materials Engineering) (UniMAP)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Prof. Dr. Fauziah binti Abu Hassan
B.Sc., M.Sc. (Western Michigan, USA), Ph.D. (Florida State, USA)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Sehingga 30 Disember 2023

Prof. Dr. Yusliza binti Mohd. Yusoff
B.B.A. (Hons.) (UPM), M.B.A. (USM), Ph.D. (UiTM)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Hafiza Aishah binti Hashim
B.Acct (Hons) (UiTM), M.Acc (Glasgow, U.K.), Ph.D. (UM)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Zalailah binti Salleh
B.Acct (Hons.) (UUM), M.Sc. Acc & Fin (Essex, U.K.),
Ph.D. (Griffith, Australia), C.A. (M)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Aziz bin Ahmad
B.Sc. (Hons), Ph.D. (UPM)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. ChM. Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Mohamed Zin
B.Sc. (UPM), M.Sc., Ph.D. (Durham, U.K.)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), Ph.D. (Cape Town, South Africa)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. Ts. Dr. Lam Su Shiung
B.Tech (KUSTEM), M.Sc. (UMT), Ph.D (Cambridge, U.K.)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Prof. Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
B.Sc., Ph.D. (Wales, U.K.)
Profesor, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Prof. Dr. Fadzilah @ Adibah binti Abd Majid
Dip. (ITM), B.Sc. (Hons.) (Leeds, U.K.), M.Sc. , Ph.D. (Birmingham, U.K.)
Profesor, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Prof. Dr. Wan Izatul Asma binti Wan Talaat
LL.B (Hons.) (IIUM), M.Sc. (Law), Ph.D. (Law) (UPM), IUCN WCEL
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

AHLI YANG DIKO-OPT

Prof. Madya Dr. Mohd Nazli bin Mohd Nor
B.Acct (Hons.) (UKM), M.Sc. Acc. (UIA), Ph.D. (ECU, Australia)
Pengarah, Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko

Tuan Haji Mohd Nor Shokri bin Hj. Abd Rahman
Dip. Islamic Studies (KUSZA), B.A. (Hons.) (UKM), M.Sc. (UPM)
Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti

En. Mohd Riduan bin Mohamed Rakhazali
B.Acct (Hons.) (UKM)
Ketua Audit Dalam

AHLI EX-OFFICIO

Puan Azizah binti Hasan, C.A.(M)
B.Acct (UKM)
Bendahari

Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali
Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Ketua Pustakawan

Dr. Fahirah Syaliza binti Mokhtar
LLB. (Hons.), LL.M, Ph.D. (UKM)
Penasihat Undang-Undang

SETIAUSAHA

Tuan Haji Zukiferee bin Ibrahim
LL.B (IIUM), LL.M (UniSZA)
Pendaftar

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

PENGERUSI



Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd. Ghaffar, FASc.
Naib Canselor

AHLI-AHLI



Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)



Profesor ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Menjalankan fungsi TNC(HEPA) bermula 2/1/2023 – 18/2/2023



Profesor Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Bermula 19 Feb 2023



Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan
Pro Naib Canselor
(Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)



Profesor Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
Pro Naib Canselor
(Strategi dan Prestasi)



Haji Zukiferee bin Ibrahim
Pendaftar



Puan Azizah binti Hasan
Bendahari



Dr. Fahirah Syaliza binti Mokhtar
Penasihat Undang-Undang



Haji Abu Hassan bin Ghazali
Ketua Pustakawan



Encik Mohd Faizal bin Mohd Noor
Pengarah
Pembangunan dan Harta

SETIAUSAHA



Encik Abdullah Syukri bin M. Saleh
Timbalan Pendaftar

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Universiti Malaysia Terengganu
Sesi 2023/2024



YANG DI-PERTUA
MEGAT MUHAMMAD DANIEL BIN AZLINZAL



NAIB YANG DI-PERTUA 1
KHAIRUNA SHAHIRAH BINTI ZAINUDIN



NAIB YANG DI-PERTUA 2
VADZLEY AQASHAH BIN ABAS



BENDAHARI KEHORMAT
NIK MUHAMMAD AMIN BIN NIK SHARIFULLAH



SETIAUSAHA AGUNG
NURUL SYAHIRAH BINTI MOHD JANI



SETIAUSAHA KEHORMAT
NOR AISHAH BINTI NORDIN



EXCO AKADEMIK, ANTARABANGSA DAN ALUMNI
NUR SABRINA AFIQAH BINTI MD SUKOR



EXCO AKADEMIK, ANTARABANGSA DAN ALUMNI
AHMAD AZRAN SHABIL SALLEH



EXCO MULTIMEDIA DAN KOMUNIKASI STRATEGIK
WAN AHMAD KASHFI BIN WAN ZULMAJDI



EXCO MULTIMEDIA DAN KOMUNIKASI STRATEGIK
NURIN SYAUQINA BINTI KAMARUL ARIFIN



EXCO KELAB DAN PERSATUAN
HUMAIRA BINTI MOHD ZAKI



EXCO KEUSAHAWANAN, PENAJAAN DAN KERJAYA
WAN WAJIHAH AYUNI BINTI WAN SANUZI



EXCO KEBAJIKAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN
AKSHAY KUMAR A/L ASHOK



EXCO KEBAJIKAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN
NUR SURIATI BINTI RUSLAN



EXCO PERPADUAN DAN KEDIAMAN
AHMAD HAIKAL BIN AMINUDDIN



EXCO KESUKARELAWANAN DAN KEPIMPINAN
SITI NUR SUMAIYYAH BINTI MAT NASIR



EXCO KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
MOHAMMAD AIMAN HAKIM BIN ARMAN



EXCO SUKAN DAN REKREASI
ATHIRAH NADHIRAH BINTI AHMAD NAZRUL

"Keprihatinan Inklusif, Mahasiswa Holistik"





LAPORAN NAIB CANSELOR





Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar FASc.
Naib Canselor

Bermula tahun 2023, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah beralih dari fasa universiti "muda" kepada universiti yang telah meningkat "matang". *UMT's achievements began in the '20s.* Walau sesiapapun yang akan mengetuai bahtera UMT ini, teruskanlah berjuang dan berkelana bersama pucuk pimpinan serta berikanlah sokongan yang tidak berbelah bagi.

Kita telah sama-sama mengikuti Perutusan Amanat Tahun Baharu Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi. Beliau telah menggariskan teras dan nilai asas yang akan menjadi panduan kepada institusi pengajian tinggi negara amnya, termasuklah Warga UMT Cemerlang khususnya. Justeru, marilah kita bersama-sama menyahut hasrat dan aspirasi yang telah disampaikan.

Tahun 2023 merupakan perjalanan yang berliku dengan pahit dan manis pengorbanan dan kejayaan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meletakkan UMT pada satu tahap yang boleh dibanggakan. Pelbagai perancangan dan sudut pandangan serta perspektif digembleng agar mampu melonjak nama UMT setaraf dengan universiti terbaik dunia. Motivasi yang ditanam dalam jiwa sanubari semua Warga UMT Cemerlang adalah bekerja untuk UMT dan bukan bekerja demi kepentingan diri sendiri. Semangat kesepunyaan dan kebersamaan terhadap UMT harus kekal dalam diri kita semua selari dengan slogan "Terokaan Seluas Lautan, demi Kelestarian Sejagat".



Saya amat yakin dan menyeru seluruh Warga UMT Cemerlang bersama-sama saya dan barisan kepimpinan utama untuk mengemudi bahtera ini mengharungi ombak dan badai yang semakin mencabar demi mengecapi pelangi kejayaan yang lebih manis. Kita bergerak bersama, berusaha bersama dan berjaya bersama. *No one left behind*. Bekerja dalam keadaan harmoni. Kita cuba capai *Happiness Index* pada tahap tertinggi semasa bekerja di UMT, Insha Allah.

Sekali lagi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus lumus bersama-sama saya melayari dan mengemudi bahtera UMT. Tahniah dan syabas, sesungguhnya anda adalah warga UMT yang cemerlang.

Selari Agenda Malaysia menuju 'United Nations Decade of Ocean Science for Sustainable Development 2021-2030', Agenda Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, maka Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027 yang baharu telah dirangka. PSUMT 2023-2027 merangkumi lapan teras utama dengan memberikan penekanan tinggi berkenaan penjanaan serta pemindahan ilmu penyelidikan kepada pemegang taruh serta mampu memberi nilai tambah kepada pelajar bagi peningkatan peluang pekerjaan, menjana pekerjaan (job creator), pengantarabangsaan dan peningkatan reputasi UMT.



Melalui pelan ini, saya dan barisan kepimpinan tertinggi amat komited untuk memperkasakan governan dan tadbir urus universiti, memperluaskan pendigitalan pengajaran dan pembelajaran, memperhebatkan penghasilan penyelidikan bermutu tinggi, memperluaskan jaringan kolaborasi strategik, memperkukuhkan pembangunan pelajar dan kebolehpasaran graduan, merancakkan pembangunan lestari serta mempertingkatkan kesejahteraan komuniti.

Pelan strategik ini juga selari dengan Perutusan Tahun Baharu 2023 Yang Berhormat Menteri merangkumi pelbagai teras antaranya:

1. Memacu pemindahan ilmu dan jaringan industri dengan melonjakkan kolaborasi industri-akademia melalui pelaksanaan program yang memenuhi keperluan industri.
2. Pemerkasaan bakat melalui lonjakan kecemerlangan bakat akademik dan pengupayaan bakat pentadbir serta sokongan.
3. Kelestarian dan pendigital kampus dengan pelbagai inisiatif digital yang telah dirangkumkan dalam Pelan Strategik Ekosistem Digital 2021-2025.
4. Kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran (P&P) melalui pendigitalan P&P.
5. Keterlihatan global melalui pemerkasaan jaringan global.
6. Memperkasa perolehan zakat, endowmen, wakaf dan infak.

UMT juga menyedari bahawa untuk memastikan segala perancangan terus relevan dan seiring dengan keperluan global, maka penglibatan pihak industri amatlah penting khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta pembangunan pelajar. Proses pembangunan pelan strategik ini melibatkan sumbangan idea dan komitmen pelbagai pihak yang dirangka secara realistik untuk memenuhi matlamat yang ditetapkan. Justeru, saya mewakili UMT mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas dedikasi dan kerjasama yang telah diberikan. Sesungguhnya perkara ini memperlihatkan semangat kebersamaan warga UMT untuk terus mencapai kecemerlangan.

Saya optimis bahawa seluruh warga UMT akan bersama-sama menghayati dan menjadikan PSUMT 2023-2027 yang telah dilancarkan sebagai panduan dalam memacu UMT ke arah universiti berfokus marin yang unggul dalam negara dan disegani global. Kita telah melakar kejayaan sepanjang tahun 2023 melalui PSUMT 2018-2022. Oleh yang demikian, dengan usaha yang digembleng sepanjang tahun 2023, kita telah dapat mencipta kejayaan dan kemerlangan yang luar biasa. Kejayaan dan kecemerlangan ini tidak akan dapat dicapai dengan sendirinya, tetapi memerlukan kerjasama, dedikasi dan usaha bersama dari setiap Warga UMT Cemerlang.

Dalam konteks pembangunan pelan strategik UMT, kerjasama adalah kunci utama dalam mencapai kejayaan. Melalui bekerjasama, kita dapat menggabungkan kekuatan dan kebolehan yang berbeza, serta memanfaatkan idea dan perspektif yang pelbagai untuk merangka strategi yang efektif. Kecemerlangan ini tidak hanya bermaksud mencapai matlamat yang ditetapkan, tetapi juga melibatkan peningkatan berterusan dan inovasi. Dengan memberi komitmen terhadap usaha bersama, kita dapat mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dan terus meningkatkan prestasi dan pencapaian.



LAPORAN TADBIR URUS





Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007 [*P.U. (A) 27/*2007] dan melaksanakan fungsinya berpandukan kepada Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu [*P.U. (A) 29/*2007].

UMT komited mengamalkan tadbir urus terbaik bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan melaksanakan objektif penubuhannya dengan berkesan. Tadbir urus yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang mantap dengan amalan pengurusan yang baik merupakan penyumbang kepada peningkatan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga

Latar belakang Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang diversiti dari segi pengalaman, kemahiran dan pengetahuan telah menyumbang impak positif kepada pembangunan universiti. LPU bertindak sebagai pembuat dasar dan mengawasi universiti agar selaras dengan peruntukan Perlembagaan UMT serta memastikan ia tidak bercanggah dengan undang-undang, dasar dan arahan kerajaan yang berkuat kuasa. Bidang kuasa LPU ini meliputi keseluruhan governan UMT kecuali bagi kuasa-kuasa yang diberikan kepada Senat.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, ahli LPU memberi tumpuan kepada perancangan strategik, kecekapan dan keberkesanan pengurusan, membangunkan hubungan dengan sektor korporat dan masyarakat di peringkat nasional mahupun antarabangsa serta memastikan semua kaedah dan peraturan dibincangkan seterusnya dibuat keputusan untuk pelaksanaan.

LPU juga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa di bawahnya bagi membantu melaksanakan fungsinya dengan lebih efektif. Peranan LPU dapat dilihat melalui keterlibatan mereka sama ada sebagai pengerusi atau ahli jawatankuasa. Sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa dilaporkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

UMT telah melaksanakan enam kali mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2023. Kehadiran ahli LPU di mesyuarat Lembaga Pengarah dan jawatankuasa di bawah lembaga adalah seperti berikut:



	Lembaga Pengarah	JK Pemilih Utama	JK Tetap Kewangan	JK Audit dan Pengurusan Risiko	JK Pelaburan dan Endowmen	JK Jaringan dan Kerjasama Strategik Universiti	Lembaga Perolehan	JK Tatatertib Rayuan (Pelajar)	JK Wakaf UMT
Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azhar bin Abbas *(Sehingga 20 Mei 2023)*	2/2	-	-	-	-	-	-	-	-
Prof. Dr. Mohamad Salmi bin Mohd Sohod *(Mulai 10 Julai 2023)*	4/4	-	-	-	-	-	-	-	-
Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar	5/6	3/4	4/4	4/4	1/1	2/2	5/5	1/1	-
Dato' Indera Ab Rahim bin Ab Rahman	3/6	-	4/4	3/4	-	-	3/5	-	-
Tn. Hj. Hussin bin Mahmud *(Mulai 10 April 2023)*	5/5	2/3	0/2	2/2	-	-	1/4	-	-
Dato' Dr. Hj. Din bin Adam *(Mulai 1 Jun 2023)*	4/4	-	-	-	-	-	-	-	-
Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan	6/6	-	-	-	-	-	-	-	-
Prof. Emer. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak *(Mulai 1 Mac 2023)*	5/5	1/1	-	-	1/1	1/2	-	-	-
En. Mazahan bin Mohd Ali *(Mulai 16 Ogos 2023)*	3/3	-	1/1	1/1	1/1	-	-	-	-
Dato' Adnan bin Hussain *(Mulai 1 November 2023)*	2/2	-	-	-	-	-	-	-	-
En. Mohd Khairul Hakimi bin Mohd Nawi *(Sehingga 30 Jun 2023)*	2/2	1/1	-	2/2	-	-	-	1/1	-
En. Mohd Shahar bin Yope *(Sehingga 30 September 2023)*	3/3	-	2/3	3/3	-	-	-	-	-
En. Hirman bin Awang@Semail (Ahli Silih Ganti KPT) *(Mulai 15 Mac 2023)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Perisytiharan Kepentingan

Menjadi amalan UMT, semua ahli LPU mengisi Borang Perisytiharan Kepentingan Peribadi Lembaga Pengarah selepas menerima lantikan. Mana-mana ahli LPU yang mempunyai percanggahan kepentingan akan membuat perisytiharan dan diarahkan untuk tidak mengambil bahagian semasa perbincangan dan keputusan dibuat.

Ahli LPU juga dimaklumkan mengenai keselamatan mesyuarat terutamanya dari segi kerahsiaan maklumat rahsia rasmi setiap kali mesyuarat Lembaga Pengarah bersidang. Lembaga Pengarah amat memandang serius sebarang bentuk penyelewengan dan salah laku yang dilakukan sama ada oleh ahli LPU, warga kerja, pelajar, kontraktor atau agennya. Sehubungan dengan itu, "UMT Whistleblowing Policy" dan "UMT No Gift Policy" telah dibangunkan dan diluluskan oleh LPU.

KAWALAN DALAMAN

Kawalan dalaman merupakan suatu proses yang dilaksanakan oleh UMT dalam memastikan objektif dan misi pengurusan dapat dicapai secara cekap dan berkesan. Objektif kawalan dalaman dilaksanakan adalah untuk memastikan:

- Pematuhan undang-undang, peraturan dan arahan pengurusan;
- Pemantauan keselamatan sumber organisasi daripada penipuan, pembaziran dan salah guna/urus;
- Pelaksanaan operasi secara teratur, ekonomi, cekap dan mencapai hasil yang dirancang;
- Penyediaan perkhidmatan berkualiti dan bersesuaian dengan misi organisasi; dan
- Penyelewengan maklumat pengurusan dan kewangan yang boleh dipercayai melalui pelaporan yang tepat.

Audit Dalaman

Selaras dengan dasar kerajaan yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 berkaitan penubuhan Unit Audit Dalam untuk menjalankan fungsi bebas bagi memeriksa dan menilai aktiviti badan berkanun, Unit Audit Dalam telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2002. Berkuat kuasa 1 Jun 2009, Unit Audit Dalam telah diperkasa dan ditukar nama kepada Bahagian Audit Dalam (AUD).

AUD menjadi sebahagian komponen kawalan dalaman UMT yang bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JKAPR) manakala pentadbirannya berada di bawah struktur Canselori yang diketuai oleh Naib Canselor.

Objektif AUD adalah melaksanakan pengauditan, perundingan dan penasihatan dengan memberi kepastian melalui pendapat profesional terhadap tahap kesempurnaan, kebolehpercayaan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi menentukan wujudnya akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan, pengurusan sumber dan program di semua peringkat dalam UMT.

AUD merupakan ahli korporat The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) sejak 19 Februari 2016 di mana fungsi audit dalam dilaksanakan berpandukan kepada International Professional Practices Framewaork (IPPF) yang dikeluarkan oleh The Institute of Internal Auditors (IIA).

Pada tahun 2023, pelbagai aktiviti audit telah dilaksanakan sebagaimana Rancangan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh JKAPR bagi meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman termasuklah seperti berikut:

1. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan, UMT Tahun 2023
2. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Geran Dalaman di Pejabat Pengurusan Penyelidikan (PPP), UMT Tahun 2023
3. Audit Pengurusan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) Sesi 2022/2023, UMT
4. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Sistem Perpustakaan, UMT tahun 2023
5. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Tadbir Urus Korporat dan Kawalan Dalaman UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd. (UMTJ), UMT Tahun 2023
6. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Tuntutan Elaun Lebih Masa (OT) Staf, UMT Tahun 2023
7. Audit Khas: Kajian Audit Terhadap Pengurusan Program Jom Masuk U 2023 (JMU 2023), UMT
8. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Landskap, UMT Tahun 2023
9. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perjalanan Luar Negara, UMT Tahun 2023
10. Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan Menggunakan Sistem ezSNAP, UMT Tahun 2023
11. Pemantauan Tindakan Terhadap Teguran Audit Melalui Sistem ezAIR dan Audit Susulan
12. Audit Interim Penyata Kewangan UMT Tahun 2023

JKAPR merupakan jawatankuasa yang diwujudkan di bawah Lembaga Pengarah UMT yang dianggotai oleh empat orang ahli Lembaga Pengarah dan turut dihadiri secara tetap oleh Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-Undang, Pengarah Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) serta Ketua Unit Integriti.

Ahli JKAPR secara kolektifnya mempunyai pengetahuan tentang pengawasan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang merangkumi aspek pengauditan, perakaunan, kewangan, teknologi maklumat, pengalaman industri dan undang-undang. Secara umumnya, jawatankuasa ini bertanggungjawab:

1. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman universiti dan mencadang serta menasihat Lembaga berhubung dengannya.
2. Mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga serta tatakelakuan staf dan boleh menyiasat sebarang ketidakakuran yang berlaku dalam universiti.
3. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung pengurusan risiko universiti.
4. Menentukan bahawa akaun disediakan dengan tepat dan pada masa yang ditetapkan dengan membuat kajian semula bagi memastikan terdapat peruntukan yang memadai terhadap tanggungan luar jangka dan hutang lapuk dan ragu; dan sebagainya.

Unit Integriti

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022), Unit Integriti (UI) telah ditubuhkan sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di UMT. UI bertanggungjawab melaksanakan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

Sebagai sebuah entiti yang bertanggungjawab dalam pengurusan integriti, unit ini dikawal selia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) UMT yang dipengerusikan oleh Naib Canselor dan JKAPR yang diwujudkan di peringkat Lembaga Pengarah. UI juga perlu menyampaikan pelaporan berkala kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan Unit Integriti di agensi awam di samping menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan Unit Integriti di peringkat pusat.

Sepanjang tahun 2023, UI berjaya melaksanakan 40 inisiatif penginstitusian integriti melalui pelaksanaan program secara dalam talian dan bersemuka berbentuk taklimat, latihan, ceramah, forum, pertandingan dan penerbitan poster yang dikenali sebagai Hebahan Integriti. UI juga telah mengorak langkah melakukan jalinan kerjasama bersama SPRM Negeri Terengganu, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Terengganu, Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia (ACeIO) dan Rasuah Buster dalam penganjuran program di peringkat negeri dan kebangsaan di samping berkolaborasi rapat dengan UI universiti awam yang lain melalui Majlis Pegawai Integriti Universiti Awam (MPIUA).

Selain itu, UI berjaya menyiapkan satu pelan pencegahan pelanggaran tatakelakuan dan anti rasuah yang dikenali sebagai Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) 2023-2028 yang komprehensif sebagaimana agenda nasional bagi memastikan perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dapat dihapuskan. UI dengan kerjasama Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah berjaya menaik taraf Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) daripada kursus elektif kepada kursus wajib sebagaimana yang ditetapkan dalam agenda nasional di bawah Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP). Di samping itu, bagi merancakkan aktiviti penyelidikan yang

berintegriti tinggi di UMT, UI berjaya menyediakan Garis Panduan Pengurusan Data Penyelidikan dan Garis Panduan Penerbitan dan Kepengarangan bagi menyokong penguatkuasaan The Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR) ke arah konteks amalan terbaik dalam penyelidikan dan memenuhi amalan piawaian antarabangsa.

UI sentiasa memantapkan kompetensi diri pegawai di mana Pegawai Integriti UI telah diluluskan penyambungan tauliah sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) oleh SPRM dan tiga pegawai UI berjaya memperoleh Sijil Eksekutif Undang-Undang dan Masyarakat (SEUM) daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.

UI akan terus berusaha memastikan setiap agenda pembangunan dan pengukuhan integriti dilaksanakan secara berfokus dan teratur agar dapat melahirkan warga yang berintegriti tinggi di semua peringat penyampaian perkhidmatan.

Pengurusan Risiko

Sejajar dengan keperluan pensijilan MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013, mulai tahun 2018 penilaian risiko menerusi pengurusan risiko berasaskan projek/program/aktiviti dan pusat tanggungjawab (PTj) giat dilaksanakan. Selain itu, kerangka kerja pengurusan risiko UMT disediakan mengikut piawai yang ditetapkan dalam Malaysian Standard MS ISO 31000:2020, Risk Management - Guidelines.

UMT melalui TSR telah memperkenalkan Sistem e-Risk yang dibangunkan untuk penilaian risiko awal. Berikut adalah elemen yang diambilkira dalam penilaian awal risiko:

Kategori Risiko	Kriteria
Manusia	Projek yang dilaksanakan boleh membahayakan nyawa atau mendatangkan kecederaan kepada pihak terlibat
Pematuhan	Projek yang dilaksanakan melibatkan peraturan atau undang-undang khusus
Kewangan	Nilai projek ini melebihi RM250,000
Operasi	Projek melibatkan aktiviti luar sama ada di air atau hutan, atau projek ini boleh mengganggu kelancaran operasi harian biasa.

Bagi penilaian risiko berasaskan projek, terdapat sembilan projek telah dilaksanakan merangkumi enam projek perolehan/naik taraf ICT, penjenamaan pusat pengajian kepada fakulti, penubuhan PTj yang menawarkan kursus berkredit dan cadangan pemindahan PASTEM ke Bukit Kor. Manakala sebanyak 1,469 permohonan penilaian awal risiko berasaskan PTj melalui sistem e-Risk telah dilaksanakan.

Sepanjang tahun 2023, terdapat lapan risiko utama telah dikenalpasti sebagai ancaman kepada pencapaian strategik universiti melalui proses pemerhatian dan analisis data Output Base Budgeting (OBB), Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA), QS University Ranking, Time Higher Education World University Ranking, Malaysia Research Assessment (MyRA) dan Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022.


Secara keseluruhan, pelaksanaan pengurusan risiko di UMT pada tahun 2023 menggambarkan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan risiko di universiti seterusnya memastikan kefungsian dan operasi universiti berjalan dengan lancar.

KPI / Indikator	Risiko	Kategori Risiko
Peratusan iGOT	Penurunan produktiviti akademik	Kewangan
Kebolehpasaran Graduan (GE)	UMT bukan pilihan utama pelajar	Strategi
Enrolmen Pelajar Antarabangsa	Kejatuhan kedudukan UMT dalam penarafan	Strategi
Geran Penyelidikan Swasta	Dana penyelidikan berkurang	Kewangan
Geran Penyelidikan Antarabangsa	Dana penyelidikan berkurang	Kewangan
Reputasi Akademik dan Reputasi Pengajaran	UMT tidak menjadi pilihan utama pelajar tempatan dan antarabangsa	Strategi
Reputasi Majikan	UMT tidak menjadi pilihan utama industri	Strategi
Kesejahteraan Pelajar	Kesihatan emosi dalam kalangan pelajar	Manusia



KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN




KEJAYAAN
DAN
PENCAPAI

PENGENALAN

Tahun 2023 merupakan permulaan bagi Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu (PSUMT) 2023-2027. Pelan strategik baharu ini merupakan pelan perancangan yang kelima semenjak penubuhan UMT. Bagi mengukur pencapaian UMT tahun 2023, 10 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah digunakan sebagai mekanisme pengukuran penilaian prestasi universiti termasuk penarafan oleh badan-badan penarafan kebangsaan dan antarabangsa. Enam daripada KPI tersebut merupakan penetapan baharu yang digarap bagi menggantikan KPI terdahulu untuk menilai kemampuan UMT dengan lebih relevan berdasarkan keperluan semasa.



Peratus kebolehpasaran graduan



Peratus graduan yang menjadi usahawan atau bekerja sendiri



Nisbah sitasi per artikel jurnal



Jumlah terimaan geran penyelidikan



Bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan tahun semasa



Jumlah terimaan nilai projek perundingan tahun semasa



Bilangan komuniti/ industri terlibat dengan program pemindahan ilmu dalam bidang tujahan dan bukan bidang tujahan



Peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa




Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa



Peratus penjanaan pendapatan

KPI 1: Peratus Kebolehpasaran Graduan


Kadar kebolehpasaran graduan merupakan salah satu indikator yang mengukur keupayaan sesebuah institusi dalam melahirkan graduan berkualiti serta memenuhi permintaan tenaga kerja daripada industri. Pencapaian kadar kebolehpasaran graduan UMT tahun 2023 ialah 91.50%, melebihi sasaran PSUMT 2023-2027 dan peringkat kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu 85%. Pencapaian ini juga melebihi sasaran 80% yang ditetapkan berasaskan Outcome Based Budgeting (OBB). Penjenamaan semula Pusat Keusahawanan dan Kerjaya ke Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan merupakan usaha UMT bagi memastikan graduan yang dihasilkan mampu bersaing dan memenuhi pasaran pekerjaan dalam sektor kerajaan mahupun swasta.



Peratus kebolehpasaran graduan
[Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan]

KPI 2: Peratus Graduan yang Menjadi Usahawan atau Bekerja Sendiri

UMT mengambil serius usaha memupuk kemahiran keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah menjadi 'penjana pekerjaan' dan bukan hanya 'pencari pekerjaan'. Sehubungan itu, KPI ini diperkenalkan bagi menggalakkan graduan UMT menjadi usahawan atau bekerja sendiri selari dengan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025. Pada tahun 2023, UMT mencatat pencapaian 9.71% berbanding tahun 2022 iaitu 7.6%. Pencapaian ini menghampiri sasaran 10% yang ditetapkan oleh Outcome Based Budgeting (OBB).




Peratus graduan yang menjadi usahawan atau bekerja sendiri

KPI 3: Nisbah Sitasi Per Artikel Jurnal

Bilangan sitasi merupakan salah satu indikator yang mengukur kualiti sesebuah artikel berdasarkan sejauh mana kajian penyelidik memberi impak serta menjadi rujukan kepada penyelidik lain. Pada tahun 2022, UMT telah menunjukkan peningkatan signifikan dengan mencatatkan 51.55 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pencapaian ini juga telah melepasi sasaran 45.00 yang ditetapkan dalam PSUMT 2018-2022.


Memandangkan nisbah sitasi (kumulatif) per pensyarah yang dicapai pada tahun 2022 amat membanggakan, maka bermula tahun 2023 UMT telah menetapkan pengukuran baharu untuk melihat impak penerbitan yang dihasilkan. Pengukuran baharu yang ditetapkan dalam PSUMT 2023-2027 ialah nisbah sitasi bagi setiap artikel jurnal. Bagi tahun 2023, pencapaian yang direkodkan ialah 7.69 berbanding hanya 5.8 yang disasarkan. Ini menunjukkan bagi setiap artikel yang terhasil, ia dirujuk sekurang-kurangnya oleh tujuh penerbitan yang lain. Pencapaian ini meningkat sebanyak 30.78% jika dibandingkan dengan data tahun 2022 iaitu hanya 5.88.



Nisbah sitasi per artikel jurnal
[Sumber: Malaysia Research Assessment (MyRA) 2019-2022]

KPI 4: Jumlah Terimaan Geran Penyelidikan Kerajaan, Swasta dan Antarabangsa


Pada tahun 2023, jumlah terimaan geran penyelidikan telah mencatatkan sebanyak RM15.74 juta berbanding sasaran RM17.50 juta. Terimaan geran penyelidikan terbahagi kepada tiga kategori iaitu RM9.098 juta daripada sumber dana Kerajaan dan Universiti, RM2.292 juta daripada sumber swasta dan RM4.353 juta daripada sumber dana antarabangsa. Pada dasarnya terimaan geran penyelidikan bagi tahun 2023 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, namun jika dibandingkan data tahun 2022, jumlah terimaan geran penyelidikan ialah RM13.775 juta, meningkat sebanyak RM1.965 juta (14%). Terimaan geran penyelidikan adalah disumbangkan oleh geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Higher Institution Center of Excellence (HICoE) KPT, Long Research Grant Scheme (LRGS) dan Strategic Research Fund (SRF).



Jumlah terimaan geran penyelidikan (Keseluruhan) (RM juta)
[Sumber: Malaysia Research Assessment (MyRA) 2019-2022]

KPI 5: Bilangan Harta Intelek yang Berjaya Dikomersialkan Tahun Semasa


Harta intelek merujuk kepada produk intelek manusia yang unik dan mempunyai nilai pasaran sama ada dalam bentuk idea atau ciptaan. PSUMT 2023-2027 menetapkan KPI baharu iaitu bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan tahun semasa menggantikan KPI bilangan produk penyelidikan yang berjaya didaftarkan sebagai harta intelek. Sebanyak tujuh hasil penyelidikan berjaya dikomersialkan pada tahun 2023 berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu enam dan jumlah ini meningkat sebanyak 16.7% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini membuktikan kualiti hasil penyelidikan dan inovasi ahli akademik UMT adalah berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.



Bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan tahun semasa
[Sumber: Malaysia Research Assessment (MyRA) 2019-2022]

KPI 6: Jumlah Terimaan Nilai Projek Perundingan Tahun Semasa


Selain itu, PSUMT 2023-2027 juga memperkenalkan KPI baharu iaitu jumlah terimaan nilai projek perundingan tahun semasa menggantikan KPI nilai perolehan perundingan bersama industri. Pada tahun 2023, jumlah terimaan projek perundingan ialah RM1.302 juta berbanding sasaran RM1.5 juta. Terimaan ini berkurang jika dibandingkan dengan tahun 2022 iaitu RM1.667 juta.



Nilai terimaan nilai projek perundingan tahun semasa (RM juta)
[Sumber: Malaysia Research Assessment (MyRA) 2019-2022]

KPI 7: Bilangan Komuniti Terlibat dengan Program Pemindahan Ilmu dalam Bidang Tujahan dan Bukan Bidang Tujahan


Program pemindahan ilmu bertujuan menggalakkan penglibatan dan kerjasama erat di antara ahli akademik dan komuniti. Melalui program ini, kepakaran ahli akademik UMT dapat dikongsi untuk manfaat komuniti. Pada tahun 2023, sebanyak 178 buah komuniti terlibat dalam program pemindahan ilmu berbanding 232 pada tahun 2022. Walaupun angka ini sedikit menurun berbanding tahun sebelum, namun UMT tetap komited dalam melaksanakan program pemindahan ilmu bagi membantu meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti sekitar.



Bilangan komuniti/industri terlibat dengan program pemindahan ilmu dalam bidang tujahan dan bukan bidang tujahan

KPI 8: Peratus Bakat Akademik Antarabangsa Sepenuh Masa


Bakat akademik antarabangsa turut menyumbang kepada keterlihatan global sesebuah universiti. Pada tahun 2023, peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa UMT ialah sebanyak 6.58% (43 orang) berbanding 6.08% pada tahun 2022. Walaupun pencapaian ini tidak mencapai sasaran 10% sebagaimana ditetapkan dalam PSUMT 2023-2027, namun UMT tetap proaktif dalam usaha menarik lebih ramai bakat akademik antarabangsa bagi memastikan kemampanan kecemerlangan bakat serta memperkayakan budaya kecemerlangan komuniti akademik.



Peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa

KPI 9 : Bilangan Enrolmen Pelajar Antarabangsa


UMT mencatatkan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 5.69% pada tahun 2023 iaitu seramai 706 orang berbanding 668 orang pada tahun 2022. Bilangan ini adalah yang tertinggi pernah direkodkan dalam tempoh enam tahun. Pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti strategi memperkenalkan insentif geran penyelidikan siswazah, transformasi sistem penyampaian, penyediaan fasiliti pelajar antarabangsa dan promosi yang lebih agresif dilihat sebagai faktor yang menyumbang kepada peningkatan signifikan ini.



Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa

KPI 10: Peratus Penjanaan Pendapatan

Aktiviti penjanaan pendapatan menjadi agenda penting Universiti Awam bagi menampung keperluan perbelanjaan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Peratus penjanaan pendapatan UMT menunjukkan peningkatan daripada 16.7% pada tahun 2022 kepada 23.79% pada tahun 2023, melebihi sasaran 17.0% yang ditetapkan dalam PSUMT bagi tahun 2023. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan penjanaan pendapatan universiti antaranya memperkasakan penjanaan pendapatan menerusi pakej sewaan aset, fasiliti dan teknologi, memperhebatkan aktiviti pendanaan melalui wakaf dan endowmen serta memantau prestasi pendapatan dan aktiviti penjanaan syarikat universiti.



Peratus penjanaan pendapatan

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, UMT berjaya mencapai sebahagian KPI yang ditetapkan pada tahun 2023 melalui pelaksanaan inisiatif pelan strategik baharu iaitu PSUMT 2023-2027. Walaupun terdapat beberapa KPI yang tidak dicapai, namun tetap menunjukkan peningkatan signifikan berbanding tahun-tahun sebelumnya. UMT terus komited dalam meningkatkan prestasi universiti melalui peningkatan pencapaian kecemerlangan bakat, pemerkasaan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, graduan holistik, pemindahan ilmu dan jaringan industri serta kemampanan kewangan. Komitmen dan pencapaian ini meletakkan UMT pada landasan seiring dengan visi UMT iaitu menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani global.



PEMERKASAAN BAKAT




PEMERKA
BAKAT


PENGENALAN

Sumber manusia merupakan pemangkin utama kepada kejayaan, kecemerlangan dan kemajuan organisasi. Selaras dengan itu, kecemerlangan bakat menjadi fokus utama UMT dan diuruskan secara strategik dalam memastikan visi dan misi universiti dapat direalisasikan. Agenda pembangunan bakat cemerlang melalui pemantapan tadbir urus dan pembangunan bakat secara holistik dan bersepadu merupakan elemen penting dalam meningkatkan pembinaan keupayaan, mewujudkan nilai dan budaya kerja positif serta menyediakan sistem tadbir urus berkesan.



PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2023, UMT mempunyai seramai 1,483 orang staf bertaraf tetap yang merangkumi empat orang pengurusan tertinggi, 525 orang staf akademik, 225 orang staf sokongan akademik (pengurusan dan profesional) serta 729 orang staf sokongan akademik (pelaksana) dengan peratus pengisian perjawatan sebanyak 96.55%.



Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Secara keseluruhannya, UMT mempunyai sebanyak 1,864 jawatan. Daripada jumlah tersebut, 79% adalah bertaraf tetap, 18% bertaraf kontrak manakala 3% adalah bertaraf sementara dan sambilan. Nisbah staf akademik kepada sokongan akademik adalah 1:1.8 manakala nisbah staf akademik kepada pelajar ialah 1:21. Nisbah ini merupakan nisbah yang munasabah bagi universiti dengan kapasiti pelajar seramai 10,987 orang.

Pengisian Jawatan Staf Berdasarkan Taraf Lantikan



Staf Akademik Berkelulusan Doktor Falsafah (PhD)

Dalam usaha mengisi keperluan staf akademik baharu, strategi utama yang digunakan adalah pengisian lompang bidang berdasarkan nisbah ideal pelajar kepada staf akademik mengikut program pengajian serta pengambilan calon felo akademik melalui tajaan Skim Lantikan Akademik Muda (SLAM) mengikut pelan penggantian.

Pada tahun 2023, seramai 29 orang staf akademik baharu telah dilantik, dengan 24 orang daripadanya berkelayakan PhD. Berdasarkan bilangan staf akademik tetap dan kontrak (sepenuh masa), seramai 539 orang (88%) staf akademik mempunyai kelayakan PhD. Pencapaian ini melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian iaitu sebanyak 80%.



88%
pensyarah berkelayakan PhD



Staf Akademik Antarabangsa

Secara keseluruhannya, UMT mempunyai seramai 60 orang staf akademik antarabangsa sepenuh masa dan separuh masa. Pengambilan staf akademik antarabangsa merupakan satu usaha melestarikan pendidikan tinggi agar universiti lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pemilihan staf akademik antarabangsa dilaksanakan berdasarkan keperluan strategik untuk menyokong bidang tujahan, kepakaran tertentu dalam bidang kritikal, keupayaan menyumbang penerbitan berimpak tinggi di samping meningkatkan bilangan geran dan pelajar antarabangsa ke UMT.




60
Jumlah Staf Akademik Antarabangsa

1	**GURU BAHASA (DG41)** Korea Selatan (1)
3	**PENSYARAH UNIVERSITI (DS45)** Pakistan (2), Nigeria (1)
26	**PENSYARAH UNIVERSITI (DS51)** Bangladesh (5), Indonesia (8) , Yaman (2), Pakistan (1), India (2), Somalia (1), Myanmar (1), Nigeria (2), Jepun (1), Republik Czech (1), Iran (2)
7	**PROFESOR MADYA (DS53)** Bangladesh (1), Indonesia (1), India (1), Jepun (1), Iran (1), Iraq (1), Uzbekistan (1)
1	**PROFESOR (VK7)** Iran (1)
21	**PROFESOR PELAWAT (KA02)** Australia (2), New Zealand (3), Itali (1), Hong Kong (1), United Kingdom (1), Jepun (2), China (1), Belgium (1), India (2), Brunei (1), Jerman (2), Kanada (1), Romania (1), Korea Selatan (1), Uzbekistan (1)
1	**FELO PENYELIDIK UTAMA PELAWAT (KA22)** Itali (1)

KEMAJUAN KERJAYA

Pada tahun 2023, seramai 124 orang staf UMT telah mendapat kenaikan pangkat melibatkan 33 orang staf akademik, 10 orang staf sokongan akademik (pengurusan dan profesional) dan 81 orang staf sokongan akademik (pelaksana)



Bagi staf akademik, tujuh kriteria penilaian asas diukur bagi permohonan kenaikan pangkat.


Selain itu, aspek sahsiah, keperibadian, integriti dan disiplin turut menjadi elemen penting dalam kriteria kenaikan pangkat ahli akademik.

Manakala bagi staf sokongan akademik, kriteria penilaian kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada kecemerlangan dalam tugas hakiki, sumbangan inovasi dalam pekerjaan, pengiktirafan kebolehan dan sumbangan luar tugas rasmi yang signifikan. Di samping itu, nilai kebersamaan, profesionalisme, sahsiah dan integriti juga diberi penekanan yang kritikal dalam proses kenaikan pangkat.



KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

UMT amat menggalakkan staf berdaftar dalam mana-mana badan profesional dan persatuan ikhtisas mengikut bidang kepakaran masing-masing. Antara usaha meningkatkan bilangan staf memperoleh sijil amalan profesional adalah melalui tindikan staf bersama industri. Sehingga 31 Disember 2023, seramai 601 orang staf UMT berdaftar dengan badan profesional dan persatuan ikhtisas seperti Malaysian Boards of Technologist (MBOT), Institut Kimia Malaysia (IKM), Boards of Engineers (BEM), Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE), Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT), World Aquaculture Society, ASEAN Fisheries Education Network, Asian Federation of Biotechnology (AFOB), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Lembaga Kaunselor, Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Malaysian Institute of Management (MIM) dan sebagainya.



PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN BAKAT (PSPB) UMT 2023-2027

Mengambil kira peri pentingnya pembangunan modal insan yang berstruktur dan terancang, UMT telah menyediakan PSPB UMT 2023-2027 bertemakan "Menerajui Kegemilangan Sumber Daya Insan" sebagai panduan dalam mengurus dan membina modal insan yang cemerlang dan berdaya saing. PSPB UMT 2023-2027 menggariskan tujuh teras utama bagi membina warga UMT berprestasi tinggi yang merangkumi aspek pembangunan kerjaya, pembangunan kendiri, penghayatan nilai-nilai murni dan pengukuhan kerja berpasukan. Dalam pembentukan PSPB UMT 2023-2027, Model 4Q iaitu Quwwah (kualiti fizikal dan intelektual), Qalb (kualiti kerohanian), Qiemah (kualiti nilai) dan juga Qudwah (kualiti kepimpinan) telah diterapkan.



Pelan ini telah dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMT semasa Majlis Anugerah Tahunan UMT 2023 pada 29 Ogos 2023. Pelan ini diharap dapat menyokong agenda pembangunan bakat UMT secara menyeluruh dan memberikan manfaat kepada warga.

Kerangkan Pelan Strategik Pembangunan Bakat UMT




PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN DAN PENGHARGAAN

Kecemerlangan dan kewibawaan staf adalah cerminan kehebatan UMT. Ini dibuktikan melalui kejayaan staf UMT memperoleh pengiktirafan kecemerlangan dan penghargaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Majlis Anugerah Tahunan

UMT telah mewujudkan pelbagai anugerah bagi memberi pengiktirafan atas komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh warganya dalam perkhidmatan. Pengiktirafan bakat UMT telah dizahirkan melalui penganjuran Majlis Anugerah Tahunan 2023 pada 29 Ogos 2023. Seramai 327 staf UMT telah diraikan untuk menerima anugerah kecemerlangan yang melibatkan enam kategori utama.



Senarai Penerima Anugerah Julangan Bakat Tahun 2022 sempena Majlis Anugerah Tahunan 2023

Nama Anugerah	Penerima
Anugerah Kepimpinan Akademik • Keseluruhan	Prof. Dr. Khatijah binti Omar
Anugerah Kepimpinan Akademik • Muda	Prof. Madya Dr. Effi Helmy bin Ariffin
Anugerah Bakat Cemerlang (Pengurusan dan Profesional) • Pengurusan dan Perkhidmatan	Mohd Ruhaifi bin Alias
Anugerah Bakat Cemerlang (Pengurusan dan Profesional) • Teknikal	Mohd Kamri bin Mamat
Anugerah Bakat Cemerlang (Pelaksana) • Pengurusan dan Perkhidmatan	Wan Mohd Zailan bin Wan Zukifli
Anugerah Bakat Cemerlang (Pelaksana) • Teknikal	Wahidah binti Wahab
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran • Pensyarah Senior	Prof. Madya ChM. Dr. Hanis binti Mohd Yusoff
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Sains Gunaan	Prof. Madya Dr. Asma' binti Ali
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Sains Sosial	Dr. Rudiah binti Md Hanafiah
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Tulen	Ts. Dr. Chuah Lai Fatt Environmental Research "Biodegradation of Crude Oil in Seawater by Using A Consortium of Symbiotic Bacteria"
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Gunaan	Prof. Madya Ts. Dr. Norizah binti Mhd Sarbon Food Control "Emerging Materials and Technologies of Multi Layer Film for Food Packaging Application: A Review"

Nama Anugerah	Penerima
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Sosial	Prof. Madya Dr. Madihah binti Mohamad Shukri Accident Analysis and Prevention "Theory of Planned Behaviour, Psychological Stressors and Intention to Avoid Violating Traffic Rules: A Multi Level Modelling Analysis"
Anugerah Makalah Terbaik Dalam JSSM	Sarinya Sanitwong-Na-Ayutthaya, Cherdvong Saengsupavanich, Effi Helmy Ariffin, Suwat Buayam, Laddawan Wiramitchai, Kamonpol Kayunha & Yaowaluck Charuseiam Coastal Protection by a Stepped Concrete Revetment in Thailand
Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Tulen	Prof. Dr. Najiah binti Musa dan Prof. Madya Dr. Nadirah binti Musa Penyakit dan Pengurusan Kesihatan Ikan Ternakan
Anugerah Pusat Tanggungjawab Terbaik • Pengurusan dan Perkhidmatan	Tiada pemenang Anugerah Khas Juri Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ)
Anugerah Pusat Tanggungjawab Terbaik • Akademik dan Penyelidikan	Tiada pemenang Anugerah Khas Juri Fakulti Perikanan Sains Makanan (FPSM)
Anugerah Inovasi Pengurusan Terbaik	Tiada pemenang Anugerah Khas Juri Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR)
Anugerah Pemindahan Ilmu (Komuniti)	Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak
Anugerah Pemindahan Ilmu (Industri)	Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan binti Azmi
Anugerah Kualiti UMT	Pejabat Bendahari Anugerah Khas Juri Pusat Kesihatan Universiti

Nama Anugerah	Penerima
Anugerah Kecemerlangan Sukan • Olahragawati	Fadlina binti Yusof
Anugerah Staf Antarabangsa Terbaik	Prof. Dr. Meisam Tabatabaei Pozveh
Anugerah Persatuan Staf Terbaik	Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS)





Penerima Anugerah, Darjah Kebesaran dan Pingat

Bersempena Majlis Anugerah Akademik Negara Ke-15 anjuran KPT, Profesor Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak, Pensyarah Universiti telah berjaya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Penerbitan Buku. Selain itu, Ts. Dr. Noor Zaitun binti Yahya, Pensyarah Universiti dan Encik Zainudin bin Mamat, Timbalan Pendaftar telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Tahun 2022 sempena Majlis Apresiasi Kecemerlangan KPT 2022 pada 1 Jun 2023.

Tahun 2023 juga menyaksikan empat orang staf UMT menerima darjah kebesaran dan pingat merangkumi dua orang penerima Darjah Setia Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.M.T.) dan seorang penerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) negeri Terengganu serta seorang penerima Pingat Khidmat Cemerlang (P.K.C.) negeri Pahang.

Selain itu, Profesor Dr. Muhammad Ikhwanuddin bin Abdullah@Polity AK Kria pula telah menerima Anugerah Maal Hijrah Tahun 1445H/2023M Peringkat Negeri Sarawak kategori Penyelidikan dan Pembangunan dan Ts. Dr. Noor Zaitun binti Yahya memenangi 10th Anak Sarawak Awards 2023, Sarawak Legacy Award Category.



ABDU WAHAB BIN MOHD HASHIM
PENGURNIAAN PINGAT KHIDMAT CEMERLANG (P.K.C.)



PROF. DR. SHAMSUL BAHRI BIN ABD RAZAK
PENGURNIAAN DARJAH SETIA MAHKOTA TERENGGANU YANG AMAT DIHORMATI (S.M.T.)



DR. RISWADI BIN AZMI
PENGURNIAAN PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)



PROF. DR. TENGKU SIFZIZUL BIN TENGKU MUHAMMAD
PENGURNIAAN DARJAH SETIA MAHKOTA TERENGGANU YANG AMAT DIHORMATI (S.M.T.)



PROF. DR. MUHAMMAD IKHWANUDDIN
BIN ABDULLAH@POLITY AK KRIA
ANUGERAH MA'AL HIJRAH TAHUN 1445H/2023M
PERINGKAT NEGERI SARAWAK



PROF. DR. SHAMSUL BAHRI BIN ABD RAZAK
PENERIMAAN ANUGERAH PENERBITAN BUKU SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK NEGARA KE-15, KPT



TS. DR. NOOR ZAITUN BINTI YAHAYA
PEMENANG *10TH ANAK SARAWAK AWARDS 2023*
PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)
TAHUN 2022



ZAINUDIN BIN MAMAT
PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)
TAHUN 2022

KEBAJIKAN STAF

UMT amat prihatin terhadap hal ehwal kebajikan staf. Bagi menzahirkan keprihatinan ini, UMT telah mewujudkan Tabung Kebajikan Staf untuk membantu meringankan beban staf yang ditimpa musibah seperti kematian ahli keluarga, kebakaran tempat tinggal, kemalangan dan sebagainya. Pada tahun 2023, UMT telah menyalurkan sumbangan keseluruhan berjumlah RM15,900.00 kepada 48 orang staf yang terkesan ekoran pelbagai musibah yang dihadapi. Selain itu, sumbangan berjumlah RM1,500.00 juga telah disalurkan kepada tiga orang staf UMT yang telah kehilangan pasangan dan anak sepanjang tahun 2023.


Tabung Kebajikan Staf ini merupakan hasil sumbangan warga UMT Cemerlang yang cakna terhadap rakan sekerja. Berlandaskan hadis riwayat Muslim, "Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya".



LATIHAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT

UMT menerapkan Model Pembelajaran dan Pembangunan 70:20:10 iaitu 70 (Latihan Secara Pengalaman), 20 (Latihan Secara Sosial) dan 10 (Latihan Secara Formal) bagi meningkatkan kualiti latihan dan pembelajaran staf UMT. Ia menunjukkan impak latihan yang akan diperoleh staf. Model ini menerangkan bahawa individu memperoleh 70% pengetahuan mereka melalui pengalaman berkaitan dengan pekerjaan, 20% melalui interaksi dengan orang lain dan 10% melalui pendidikan formal.

Pencapaian Latihan Staf Tahun 2023



Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (KAPdP)

Sebagai usaha menyediakan pensyarah profesional, berkaliber dan berprestasi global, UMT telah memperkenalkan Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (KAPdP) pada tahun 2023. UMT merupakan universiti terawal menawarkan modul berstruktur bagi meningkatkan kemahiran penilaian dalam kalangan pensyarah baharu. Kerangka pelaksanaan KAPdP ini juga menggunakan pendekatan Model Pembelajaran 70:20:10. Tugasan latihan ini akan dibimbing dan disemak oleh mentor serta melalui pengesahan oleh urus setia bagi pengukuran tahap kemahiran peserta.

Pada tahun 2023, seramai 23 orang pensyarah berstatus tetap dan kontrak berjaya mengikuti KAPdP dengan jayanya.

Kerangka pelaksanaan KAPdP

01

Peningkatan Pengetahuan dan Kefahaman

Kursus Formal (Sepenuh Masa)
5 Hari

02

Peningkatan Kemahiran

Pembelajaran Sosial dan Pebelajaran Melalui Pengalaman

- Tugasan (2 Bulan)
- Melalui Bimbingan Mentor

03

Penghantaran Pengesahan Tugasan

Setelah Semakan oleh Mentor

04

Sijil Kemahiran

Peserta Layak Mendapat Sijil Kemahiran Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran



Program Suai Tugas untuk Pegawai UMT Kontrak Berstatus Warganegara

Program suai tugas atau On-Boarding merupakan program berstruktur yang dirancang khusus kepada pegawai kontrak UMT berstatus warganegara bertujuan membantu proses adaptasi secara formal berkaitan UMT serta memahami secara jelas tentang tugas, tanggungjawab, peranan, nilai dan budaya UMT.

Seramai 29 orang pegawai telah mengikuti program ini terdiri daripada lapan orang staf akademik dan 21 orang staf sokongan akademik. Secara umumnya setiap peserta didedahkan berkenaan kemahiran generik dan kefungsian yang relevan dengan bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing.







Program Lawatan Sambil Belajar (LASBELA)

Program Lawatan Sambil Belajar (LASBELA) memberi peluang dan pendedahan kepada staf sokongan akademik mempelajari tatacara pengurusan aktiviti serta aspek-aspek lain yang berkait dengan kemahiran dan skop tugas staf. Selain itu, ia juga mendedahkan staf kepada kepelbagaian budaya serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam membina staf sokongan akademik yang berintelektual dan berpandangan luas. Melalui program ini, staf berpeluang menimba pengalaman dalam skop tugas masing-masing di agensi luar negara.

Pada tahun 2023, seramai 24 pegawai sokongan akademik yang terdiri daripada gred 44 dan ke bawah berstatus tetap dan kontrak telah mengikuti program LASBELA.

Program Bual Bicara Profesor

Bermula tahun 2020, Program Bual Bicara Profesor UMT diadakan sebagai platform kepada para Profesor UMT berkongsi kepakaran, pengalaman atau pandangan bersama warga universiti dan komuniti setempat. Pada tahun 2023, tiga siri Program Bual Bicara Profesor telah diadakan.



Profesor Ts. Dr. Lam Su Shiung

4 April 2023

International Networking and Mobility - My Experience and Learning Journey



Profesor Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail

12 September 2023

Perjalanan Membina Jiwa Ahli Akademik : Dari Universiti Kepada Masyarakat



Profesor Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin

28 November 2023

Inovasi Makanan untuk Kelestarian Sejagat

Program Bicara Nakhoda

Program Bicara Nakhoda merupakan wadah bagi ahli Lembaga Pengarah UMT berkongsi ilmu atau pengalaman berkaitan bidang kepakaran masing-masing bersama warganya. Pada tahun 2023, warga UMT bertuah kerana dapat mendengar perkongsian mengenai 'The Future of Learning' yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBrs. Prof. Dr. Mohamad Salmi bin Mohd Sohod. Secara umumnya, perkongsian beliau adalah berkisar mengenai perubahan atau evolusi dalam teknologi pendidikan pada masa kini serta cabaran pendidikan pasca COVID-19 dari aspek pelajar, pensyarah dan institusi pendidikan.





Program Bicara Pentadbir

Pada tahun 2023, UMT telah memperkenalkan Program Bicara Pentadbir sebagai platform bagi staf sokongan akademik Gred 48 ke atas berkongsi ilmu berkaitan kemahiran tugas atau pengalaman kepimpinan masing-masing. Pembuka tirai Siri pertama Bicara Pentadbir ini telah dimulakan oleh Cik Roslina binti Ghazali, Timbalan Penasihat Undang-undang dengan perkongsian bertajuk Quid Pro Quo.



Program Kepimpinan Berfokus

Program Suai Tugas bagi kelompok bakat kepimpinan UMT diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2023. Program Suai Tugas tahun 2023 mensasarkan kepada Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Ketua Program dan Pengerusi Bidang yang telah diadakan pada 19-20 Mac 2023. Program ini diadakan khusus bagi menjelaskan peranan dan fungsi masing-masing dalam aspek pengurusan dan pembangunan program akademik.

Susulan itu juga, buat julung kalinya Bengkel Pembentangan Perancangan Fakulti/ Pusat Pendidikan/Pusat Asasi bersama pengurusan tertinggi UMT telah diadakan. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran barisan pengurusan dalam merancang hala tuju serta memperkasakan bakat bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan.









CUTI BELAJAR

Sehingga 31 Disember 2023, seramai 40 orang staf melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Seramai lima orang pensyarah dan 28 orang Felo Akademik telah menerima tajaan bagi melanjutkan pengajian pada peringkat PhD di beberapa buah negara.

Peluang menyambung pengajian turut diambil oleh staf sokongan akademik dengan lima orang staf menyambung pengajian di peringkat PhD, seorang di peringkat Sarjana dan seorang di peringkat Sarjana Muda.

Pengajian Pengajian	Tempat Pengajian	Jawatan			Jumlah
		Pensyarah	Felo Akademik	Sokongan Akademik	
Doktor Falsafah (PhD)	Dalam Negara	4	18	5	27
	Luar Negara	1	10	0	11
Sarjana	Dalam Negara	0	0	1	1
	Luar Negara	0	0	0	0
Sarjana Muda	Dalam Negara	0	0	1	1
	Luar Negara	0	0	0	0
Jumlah		**5**	**28**	**7**	**40**



MALAYSIA

29



UNITED KINGDOM

5



AUSTRALIA

2



BELGIUM

1



BELANDA

1



SWEDEN

1



JERMAN

1

Program Pembangunan Bakat Cuti Belajar

Program Pembangunan Bakat Cuti Belajar atau singkatannya PRO-CUBE merupakan sesi perjumpaan tahunan di antara pihak pengurusan UMT bersama pegawai sedang dalam pengajian. Program PRO-CUBE ini merupakan agenda pemantauan secara berterusan untuk meningkatkan jumlah pegawai tamat pengajian dalam tempoh GoT (Graduate on Time), mengekalkan momentum kesedaran di tahap maksimum dengan suntikan motivasi dalam kalangan pegawai, sekali gus meningkatkan usaha dan keprihatinan pihak pengurusan UMT bagi mengoptimumkan sumber bakat berkepakaran tinggi dan kompeten ke arah melahirkan warga UMT cemerlang setelah tamat pengajian kelak.

Sedikit kelainan berbanding tahun sebelumnya, pada tahun 2023 kombinasi aktiviti indoor dan outdoor dalam PRO-CUBE Healing 2023 berjaya diadakan pada 20-22 September 2023 bertempat di RAIA Hotel & Convention Centre dan Chagar Hutang, Pulau Redang. Seramai 25 orang pegawai cuti belajar dalam negara terdiri daripada Pensyarah, Felo Akademik dan Pegawai Sokongan Akademik pelbagai peringkat pengajian terlibat dalam program kali ini.

Manakala PRO-CUBE luar negara turut diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Cisco Webex pada 5 Disember 2023 dan telah disertai 11 orang pegawai cuti belajar yang sedang melanjutkan pengajian di United Kingdom, Australia dan sekitar Eropah.












SEATRU Field Station
No Entry





Karnival Inovasi@UMT 2023

Bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warganya, UMT telah menganjurkan Karnival Inovasi@UMT 2023 pada 19-23 November 2023 secara dalam talian dengan tema "Cakna Inovasi Pemangkin Generasi Lestari".

Aktiviti utama karnival ini ialah sesi ucaptama oleh Keynote Speaker jemputan, pembentangan amalan perkongsian mobiliti bakat serta pertandingan amalan inovasi. Tiga Keynote Speaker jemputan ialah Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Helmi bin Norman yang merupakan Timbalan Pengarah (Teknologi Pengajaran), Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum, UKM, Prof. Dr. Nuraznawati binti Ismail dari Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin, UMT dan Ketua Timbalan Pendaftar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I), UiTM Ts. Rafizi bin Rahmad.

Bagi pertandingan amalan inovasi, penyertaan diterima daripada 211 pasukan dalam empat kategori yang dipertandingkan. Manakala bagi pembentangan perkongsian amalan mobiliti bakat, disertai seramai 26 orang staf yang menjalani sangkutan industri, cuti sabatikal dan sangkutan bukan akademik.

Bil.	Kategori	Penyertaan	Emas	Perak	Gangsa	Sijil
	Amalan Inovasi					
1.	Amalan Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (AIPP)	60	5	30	22	3
2.	Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN)	57	20	33	4	0
3.	Amalan Inovasi Penyelidikan (AIPY)	41	16	15	8	2
4.	Amalan Inovasi Pelajar (AIPJ)	53	12	19	13	7
	Amalan Perkongsian					
5.	Amalan Perkongsian Mobiliti Bakat (APMB)	26			-	
	Jumlah	237	53	97	47	12





PENCAPAIAN SUKAN STAF

Dalam kesibukan menjalankan tugas hakiki masing-masing, staf UMT tidak melepaskan peluang untuk turut terlibat dalam aktiviti sukan. Pelbagai kejayaan diraih melalui penyertaan dan kejohanan yang disertai.

Kejohanan 2023 Asian Rowing Masters Coastal Regatta, Qingdao, China (11-12 November 2023)



Encik Muhammad Aiman bin Aziz, telah mewakili Malaysia dan berjaya meraih Pingat Gangsa bagi sukan rowing dalam acara Mixed Coxed Quadruple Sculls. Acara ini disertai oleh lapan buah negara seluruh ASEAN.

Kejohanan Badminton MAKSAK Terengganu, Stadium Negeri Terengganu (9 September 2023)







Pasukan Badminton UMT berjaya membawa pulang tiga pingat gangsa melalui acara perseorangan wanita, beregu wanita dan beregu lelaki.

Kejohanan Badminton Tertutup Terengganu 2023, Stadium Negeri Kuala Terengganu (29-30 Disember 2023)





Encik Mohd Zamri bin Ibrahim mendapat Naib Johan manakala Encik Mohd Fadzli bin Badaudin meraih tempat ketiga dalam kategori beregu lelaki veteran.

Kejohanan Berbasikal Mountain Bike (MTB) Lingai Challenge 2023, Kampung Lingai, Kuala Nerus Terengganu (1 Februari 2023)



Encik Muhammad Adhwa Amzar bin Sagnal meraih Naib Juara bagi kategori Men Senior.

Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia Ke-12 (SUKANUN) 2023, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Arau, Perlis (3–10 September 2023)



Pasukan Tenis UMT telah berjaya membawa pulang Pingat Gangsa pada karnival kali ini. Pasukan ini juga merupakan satu-satunya pasukan dalam kalangan universiti awam yang berjaya membawa pulang pingat dalam acara Tenis.

Kejohanan Sukan Antara Pusat Sukan (SUPSAT) 2023, Universiti Malaysia Perlis (UniMaP), Perlis (9-12 Februari 2023)



Pusat Sukan dan Rekreasi UMT telah berjaya membawa pulang satu Pingat Emas acara Olahraga (4 x 100m), satu Pingat Perak acara Bola Sepak (penalti) dan satu Pingat Gangsa acara Dart (Wanita).

STAF UMT DIBERI KEPERCAYAAN UNTUK MEMIMPIN PASUKAN NEGERI TERENGGANU

Berdasarkan kepakaran dan kelayakan, Staf UMT telah diberi kepercayaan sebagai jurulatih dan pengurus bagi pasukan negeri Terengganu. Seramai sembilan orang staf UMT dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu untuk memimpin pasukan negeri Terengganu dalam beberapa acara sukan peringkat kebangsaan.

Bagi Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA), Pegawai Tadbir (Belia dan Sukan), Encik Amalul Asyraf bin Rosli telah dipilih sebagai Pengurus Pasukan Bola Tampar Terengganu. Beliau juga dilantik sebagai Ketua Pembangunan Pasukan Bola Tampar Pantai Malaysia oleh Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA). Manakala Penolong Pegawai Belia dan Sukan, Encik Mohd Fadzli bin Badaudin telah dilantik sebagai Ketua Jurulatih Pasukan Badminton Negeri Terengganu.

Selain itu, Pegawai Tadbir (Belia dan Sukan), Encik Mohd Syafiq Aizat bin Abd. Aziz dan Penolong Pegawai Belia dan Sukan, Encik Mohamad Hafizuddin bin Ramli pula dilantik sebagai Penolong Jurulatih Pasukan Futsal Terengganu 2023 dan Jurulatih Kecergasan Pasukan Futsal Terengganu 2023.

Bagi sukan Boling Padang pula seramai lima orang staf UMT iaitu Penolong Pegawai Sains, Encik Aswardy bin Hamzah, Penolong Pegawai Tadbir, Encik Abdullah bin Wan Jaapa, Pembantu Tadbir (Kewangan), Encik Abu Bakar bin Mamat, Setiausaha Pejabat, Cik Mazlina binti Mohd Razaki dan Pegawai Sains , Puan Nurzuhrah binti Hassan dilantik sebagai Jurulatih Pelapis, Bakat dan Tunas Terengganu bagi tahun 2023-2024.



Mohd Fadzli Badaudin

Ketua Jurulatih Pasukan Badminton Negeri Terengganu



Amalul Asyraf Rosli

Pengurus Pasukan Bola Tampar Terengganu



Mohd Syafiq Aizat Abd. Aziz

Penolong Jurulatih Pasukan Futsal Terengganu 2023



Mohamad Hafizuddin Ramli

Jurulatih Kecergasan Pasukan Futsal Terengganu 2023













KESIMPULAN

Pada tahun 2023 UMT terus menggiat usaha meningkatkan keupayaan sumber manusia melalui pelancaran Pelan Strategik Pembangunan Bakat (PSPB) 2023-2027 UMT yang digubal selari dengan Teras Pemerkasaan Bakat PSUMT 2023-2027. Pembangunan kapasiti bakat secara menyeluruh juga membuka pintu bagi warga UMT untuk terus berdaya saing dalam landskap global yang semakin kompleks dan dinamis.



FAKTA DAN ANGKA

96.55%
Pengisian Waran Perjawatan

88%
Ahli Akademik Berkelayakan PhD

118
Program Latihan

337
Staf Menghadiri Konferen/Seminar

237
Penyertaan dalam Karnival Inovasi@UMT



KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN




KEGEMER
PEMBELAJ
DAN PENG

PENGENALAN

Kejayaan sesebuah universiti dalam melahirkan generasi berilmu dan berkualiti mampu direalisasikan melalui program akademik bermutu dan bertaraf antarabangsa. Bagi meneruskan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran untuk tempoh lima tahun akan datang, Pelan Stategik UMT (PSUMT) 2023-2027 telah menetapkan tiga fokus utama iaitu meningkatkan kualiti program akademik, mendigitalkan kandungan pembelajaran dan pengajaran serta pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat.



PROGRAM AKADEMIK

Pada tahun 2023, UMT menawarkan 34 program akademik merangkumi 32 program peringkat sarjana muda, satu program peringkat diploma dan satu program peringkat asasi. Program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) dengan Kepujian tidak ditawarkan kerana sedang melalui semakan kurikulum bagi tujuan penjenamaan dan penawaran semula.

Selain itu, UMT juga menawarkan 18 program akademik peringkat ijazah kedoktoran dan 18 program akademik peringkat sarjana serta 14 bidang utama program akademik mod kerja kursus.

Program Akademik Prasiswazah		
Fakulti/Pusat	**Bil**	**Nama Program**
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)	1	SM Sains (Sains Marin) dengan Kepujian
	2	SM Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian
	3	SM Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian
	4	SM Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian
	5	SM Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian
	6	SM Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian
	7	SM Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian
	8	SM Sains Gunaan (Nanofizik) dengan Kepujian
Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)	9	SM Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian
	10	SM Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
	11	SM Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian
	12	SM Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian
	13	SM Sains Agroteknologi (Akuakultur) dengan Kepujian
	14	Diploma Perikanan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)	15	SM Perakaunan dengan Kepujian
	16	SM Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian
	17	SM Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian
	18	SM Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian
	19	SM Kaunseling dengan Kepujian
	20	SM Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian

Program Akademik Prasiswazah		
Fakulti/Pusat	**Bil**	**Nama Program**
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI)	21	SM Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian
	22	SM Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian
	23	SM Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
	24	SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim (Kepujian)
	25	SM Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian
	26	SM Sains (Analitik Data) dengan Kepujian
	27	SM Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian
	28	SM Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian
	29	SM Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian
	30	SM Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian
Fakulti Pengajian Maritim (FPM)	31	SM Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian
	32	SM Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian
	33	SM Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian

Program Asasi		
Pusat Asasi STEM	34	Asasi STEM

Program Akademik Pascasiswazah Mod Penyelidikan	
Ijazah Kedoktoran	**Sarjana**
Doktor Falsafah Biologi dan Biokimia	Sarjana Sains Biologi dan Biokimia
Doktor Falsafah Perniagaan dan Pentadbiran	Sarjana Sains Perniagaan dan Pentadbiran
Doktor Falsafah Sains Komputer	Sarjana Sains Sains Komputer
Doktor Falsafah Pengeluaran Tanaman dan Ternakan	Sarjana Sains Pengeluaran Tanaman dan Ternakan
Doktor Falsafah Sains Bumi	Sarjana Sains Sains Bumi
Doktor Falsafah Ekonomi	Sarjana Sains Ekonomi
Doktor Falsafah Perdagangan Kejuruteraan dan Kejuruteraan	Sarjana Sains Perdagangan Kejuruteraan dan Kejuruteraan
Doktor Falsafah Sains Alam Sekitar	Sarjana Sains Sains Alam Sekitar
Doktor Falsafah Teknologi Perlindungan Alam Sekitar	Sarjana Sains Teknologi Perlindungan Alam Sekitar
Doktor Falsafah Perikanan	Sarjana Sains Perikanan
Doktor Falsafah Pemprosesan Makanan	Sarjana Sains Pemprosesan Makanan
Doktor Falsafah Kemanusiaan	Sarjana Sains Kemanusiaan
Doktor Falsafah Matematik	Sarjana Sains Matematik
Doktor Falsafah Sains Fizikal	Sarjana Sains Sains Fizikal

Program Akademik Pascasiswazah Mod Penyelidikan	
Ijazah Kedoktoran	**Sarjana**
Doktor Falsafah Sains Sosial dan Tingkah Laku	Sarjana Sains Sains Sosial dan Tingkah Laku
Doktor Falsafah Khidmat Sosial dan Kaunseling	Sarjana Sains Khidmat Sosial dan Kaunseling
Doktor Falsafah Perkhidmatan Pengangkutan	Sarjana Sains Perkhidmatan Pengangkutan
Doktor Falsafah Perakaunan	Sarjana Sains Perakaunan

Program Akademik Mod Kerja Kursus
Sarjana Sains (Forensik Alam Sekitar)
Sarjana Sains Sekitaran Marin Tropika
Sarjana Sains (Akuakultur)
Sarjana Sains Perikanan Tropika
Sarjana Kaunseling
Sarjana Pentadbiran Perniagaan
Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)
Sarjana Ekonomi
Sarjana Sains Komputer
Sarjana Teknologi Maklumat
Sarjana Matematik
Sarjana Statistik Sains Marin
Sarjana Sains (Pengajian Maritim)
Diploma Pascasiswazah Pengajian Maritim
Sijil Pascasiswazah Pengajian Maritim

PENGAMBILAN DAN ENROLMEN PELAJAR

Pada tahun 2023, bilangan pelajar baharu prasiswazah menurun sebanyak 7.7% iaitu seramai 2,510 orang pelajar berbanding 2,719 orang pelajar pada tahun 2022. Penurunan ini disebabkan terdapat program akademik yang berubah tempoh pengajian dari 3½ tahun kepada empat tahun. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, enrolmen pelajar prasiswazah meningkat sebanyak 1.9% iaitu 9,534 orang pelajar pada tahun 2023 berbanding 9,348 orang pelajar pada tahun 2022.

Manakala pengambilan pelajar pascasiswazah baharu pada tahun 2023 adalah seramai 359 orang merangkumi 131 orang pelajar doktor falsafah, 178 orang pelajar sarjana mod penyelidikan dan 50 orang pelajar sarjana mod kerja kursus. Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah aktif pula adalah seramai 1,453 orang yang terdiri daripada 781 orang pelajar program doktor falsafah, 593 orang pelajar program sarjana mod penyelidikan dan 79 orang pelajar sarjana mod kerja kursus.

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2023	2022	2023	2022
	Program Akademik Prasiswazah				
1.	SM Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian	141	136	501	491
2.	SM Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian	16	33	111	130
3.	SM Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian	36	41	115	92
4.	SM Sains (Akuakultur) dengan Kepujian	31	44	159	130
5.	SM Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian	37	22	143	143
6.	SM Sains Agroteknologi (Teknologi Lepastuai) dengan Kepujian	-	-	-	-
7.	SM Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian	64	61	180	183
8.	SM Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan Dan Pemakanan) dengan Kepujian	50	80	267	320
9.	SM Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian	96	121	437	455
10.	SM Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	149	142	549	529
11.	SM Kaunseling dengan Kepujian	114	83	404	418
12.	SM Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	166	154	625	600
13.	SM Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	146	154	577	569
14.	SM Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	115	104	319	327
15.	SM Perakaunan dengan Kepujian	194	197	778	760
16.	SM Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian	78	86	338	328
17.	SM Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian	21	26	107	119
18.	SM Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian	55	70	263	238
19.	SM Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian	83	94	272	309
20.	SM Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian	92	113	306	329
21.	SM Sains (Sains Marin) dengan Kepujian	59	86	311	334
22.	SM Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian	41	56	212	221
23.	SM Sains Gunaan Nanofizik dengan Kepujian	16	29	65	50
24.	SM Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian	47	68	219	215
25.	SM Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian	74	118	339	338
26.	SM Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian	91	97	281	213
27.	SM Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian	33	23	120	122
28.	SM Sains Komputer (Kujuruteraan Perisian) dengan Kepujian	104	115	468	469
29.	SM Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian	39	40	157	140
30.	SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim (Kepujian)	50	47	203	195

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2023	2022	2023	2022
	Program Akademik Prasiswazah				
31.	SM Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian	93	94	306	238
32.	SM Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian	35	32	111	81
33.	SM Sains (Analitik Data) dengan Kepujian	51	48	98	47
34.	Diploma Perikanan	93	105	193	215
	Jumlah	**2,510**	**2,719**	**9,534**	**9,348**
	Program Akademik Pascasiswazah				
1.	Doktor Falsafah	131	143	781	875
2.	Sarjana Mod Penyelidikan	178	179	593	765
3.	Sarjana Mod Kerja Kursus	50	32	79	144
	Jumlah	**359**	**354**	**1,453**	**1,784**

Bagi sesi kemasukan 2023/2024, UMT telah menerima kemasukan seramai 284 orang pelajar asasi STEM Kohort Ke-6. Bermula kemasukan tahun 2023 juga, PASTEM telah memperkenalkan program asasi antarabangsa yang dikenali sebagai International STEM Foundation (ISF) dengan enrolmen seorang pelajar sulung dari Uzbekistan.

KELULUSAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

UMT telah menerima kelulusan untuk penawaran dua program akademik baharu peringkat sarjana muda dan satu program pengajian pascasiswazah mod kerja kursus seperti berikut:

Fakulti	Program Baharu	Jangkaan Penawaran
FTKKI	Sarjana Muda Sains Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Teknologi Persekitaran	Sesi 2024/2025
FPEPS	Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	Sesi 2024/2025
FSSM	Sarjana Sains Sekitaran Marin Tropika	Sesi 2023/2024

PENAWARAN PROGRAM INTEGRATED PHD


Bermula semester 1 2023/2024, Program Integrated PhD (IPhD) yang merupakan program kontinum dan berstruktur bermula daripada Sijil Pascasiswazah Pengajian Maritim, Diploma Pascasiswazah Pengajian Maritim, Sarjana Sains Pengajian Maritim dan selanjutnya PhD secara penyelidikan telah ditawarkan. Seramai lima orang pelajar telah mendaftar program ini bagi pengambilan pertama.



GRADUAN TAHUN 2023

Seramai 2,388 orang graduan telah diraikan dalam Majlis Konvokesyen UMT Ke-21 yang diadakan pada 22-24 Oktober 2023 merangkumi 111 orang graduan diploma, 2,081 orang graduan ijazah sarjana muda dan 196 orang graduan pascasiswazah yang terdiri daripada 46 orang graduan doktor falsafah, 82 orang graduan sarjana mod penyelidikan dan 68 orang graduan sarjana mod kerja kursus.

Penerima Anugerah Universiti



Ijazah Kehormat Doktor Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti

Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad



Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan

Dato' Seri (Dr.) Michael Tio



Anugerah Pelajar DiRaja



OW SUK THENG
Sarjana Muda Perakaunan



MOHAMAD MUKRAMIN
BIN SAMRAH
Sarjana Muda Kaunseling

Anugerah Pingat Emas Canselor



BRENDON VUN MAN FOOK
Sarjana Muda Sains
(Biologi Marin)

Penerima Anugerah Pengajian Pascasiswazah

Anugerah Pro-Canselor



CAPT. Ts. AMIR SYAWAL
BIN KAMIS
Doktor Falsafah Sains
Nautika



MUHAMMAD IMRAN
TANVEER OPEL)
Doktor Falsafah
Pengurusan

Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



TEO HAN MENG
Sarjana Sains Tanaman



SUJANA SHAFI
Sarjana Pemasaran

Pencapaian Akademik Graduan

Bilangan graduan sarjana muda meningkat sebanyak 30.3% pada tahun 2023 iaitu seramai 2,081 orang berbanding 1,597 orang pada tahun 2022. Pertambahan ini berikutan perubahan tempoh pengajian beberapa program akademik. Bilangan graduan diploma pula menurun sebanyak 17.2% pada tahun 2023 iaitu seramai 111 orang graduan berbanding 134 orang graduan pada tahun 2022.

Bagi program pascasiswazah pula, seramai 196 orang pelajar telah bergraduat pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, seramai 130 orang graduan pascasiswazah berjaya menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan (iGOT) yang terdiri daripada 34 orang graduan doktor falsafah, 41 graduan sarjana mod penyelidikan dan selebihnya graduan sarjana mod kerja kursus.

Peringkat Pengajian	2023	2022
Doktor Falsafah	46	39
Sarjana	150	136
Sarjana Muda	2,081 (Kelas Pertama/Cemerlang: 520; Kepujian: 1,561)	1,597 (Cemerlang: 426; Kepujian: 1,171)
Diploma	111 (Cemerlang: 13; Kepujian: 98)	134 (Cemerlang: 42; Kepujian: 92)
Jumlah	**2,388**	**1,906**



Penerima Biasiswa UMT

UMT telah menawarkan dua jenis biasiswa iaitu Biasiswa Tuanku Canselor (BTC) dan Biasiswa Universiti Malaysia Terengganu (BUMT) khusus kepada pelajar yang menyambung pengajian peringkat PhD di UMT. Tujuan biasiswa ini ditawarkan adalah untuk membiayai pelajar berkelayakan, berminat dan berpotensi cemerlang dalam pengajian, meningkatkan semangat dan daya saing dalam kalangan pelajar semasa mengikuti pengajian di UMT serta meningkatkan kecemerlangan penyelidikan UMT.

Pada tahun 2023, seramai lima orang pelajar telah ditawarkan biasiswa iaitu seorang penerima BTC dan empat orang penerima BUMT. Tajaan adalah berupa bayaran yuran pengajian dan elaun bulanan sebanyak RM2,300 bagi penerima BTC dan RM1,600 bagi penerima BUMT.



Penubuhan Pusat UMT Life

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) menjadi salah satu agenda utama dalam memacu kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran UMT pada masa akan datang. Sejajar dengan hala tuju tersebut, UMT telah menubuhkan Pusat UMT Life sebagai sebuah pusat tanggungjawab baharu di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan akan mula beroperasi pada 1 Januari 2024. Pusat UMT Life bertanggungjawab

membudayakan PSH melalui perancangan, penawaran dan pelaksanaan program yang dapat merangsang dan memperkasa ilmu pengetahuan, nilai, kemahiran dan pemahaman kepada pemegang taruh khususnya dalam bidang tujahan universiti.

Fungsi utama UMT Life adalah menawarkan program jangka pendek, program jangka panjang, program Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL), program luar dan Pengurusan Sistem Digital Bersepadu.



Penubuhan Fakulti Baharu

Bagi memperkasa bidang Sains Komputer dan Matematik sebagai rujukan utama terhadap transformasi digital ke arah mencapai kelestarian dan keberhasilan sistem pendidikan tinggi Malaysia, UMT telah menubuhkan Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM). Rentetan itu juga, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) telah dijenamakan kepada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK) selari dengan tadbir urus program-program akademik yang ditawarkan oleh kedua-dua fakulti. Penubuhan ini telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi melalui suratnya bertarikh 8 September 2023.

Penubuhan ini juga diharapkan dapat menyokong kecemerlangan penyelidikan dan inovasi serta ekosistem digital universiti sebagai pemangkin kelestarian pembangunan universiti. Selain memacu persekitaran yang holistik dan bersepadu dalam pengajaran dan pembelajaran Sains Komputer dan Matematik, seterusnya memantapkan kefungsian disiplin Sains Komputer dan Matematik bagi meningkatkan keterlihatan UMT dalam bidang Sains Marin dan Sumber Akuatik.



PEMBELAJARAN DIGITAL

Pelantar e-Pembelajaran

UMT telah menyediakan enam pelantar pembelajaran secara dalam talian untuk mengurus, melaksana dan mentaksir proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di semua peringkat pengajian termasuklah kursus-kursus yang ditawarkan secara Massive Open Online Courses (MOOC), Micro-Credential dan Program Terbuka dan Jarak Jauh (ODL).

Pelantar e-Pembelajaran UMT



01 OCEANIA
Pelantar e-Pembelajaran untuk Pelajar Sarjana Muda

02 WADI
Pelantar e-Pembelajaran untuk Pelajar Diploma/Asasi

03 LAKSAMANA
Koleksi Bahan Pembelajaran Digital

04 OASIS
Pelantar e-Pembelajaran untuk Pelajar Siswazah

05 BAYOU
Pelantar e-Pembelajaran untuk Kursus Terbuka (UMTMOOC) dan Micro-Credential Secara dalam Talian

06 ESTUARY
Pelantar e-Pembelajaran untuk Pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh (Open Distance Learning) Secara dalam Talian

Penawaran Program Secara ODL

Pada tahun 2023, empat program Sarjana mod Kerja Kursus telah dikenal pasti untuk pelaksanaan penawaran secara Program Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) iaitu Sarjana Sains (Akuakultur) – Sesi 2025/2026, Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) – Sesi 2024/2025, Sarjana Teknologi Maklumat – Sesi 2025/2026, dan Sarjana Sains (Forensik Alam Sekitar) – Sesi 2024/2025.

UMTMOOC©


Sejak tahun 2015, UMT telah membangunkan sebanyak 34 Kursus **UMTMOOC©**. Daripada jumlah tersebut 26 kursus telah ditawarkan secara terbuka dan percuma, dua kursus ditawarkan secara tertutup manakala selebihnya masih belum ditawarkan. Seramai 2,271 orang pelajar daripada seluruh dunia telah mendaftar untuk mengikuti kursus **UMTMOOC©** pada tahun 2023.

Tiga kursus MOOC baharu yang telah selesai dibangunkan pada tahun 2023 ialah Olericulture, Terbitan Kewangan, Wireless Communication dan Coastal Sciences and Engineering.



International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2023

International University Carnival on e-Learning 2023 (IUCEL2023) merupakan acara tahunan yang telah disertai oleh UMT untuk mempromosikan e-Pembelajaran sebagai alternatif kepada kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa di samping mengetengahkan teknologi dan inovasi terkini dalam era pembelajaran digital. Dalam penyertaan ini, UMT telah mencatatkan pencapaian yang sangat membanggakan melalui dua penyertaan bagi pertandingan Invention, Innovation & Design on e-Learning (IIDEL).



Gold Medal

Improving the Blended Learning Experience with LMS@UMT in House e-Learning Dashboard



Silver Medal

Transforming Remote Assessment: Advancements in Proctoring Systems for Exam Integrity and Identity Verification in LMS@UMT



UMT Business Idea and Innovation Pitching 2023

UMT melalui Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) buat julung kalinya menganjurkan Program UMT Business Idea and Innovation Pitching. Program rintis ini bertujuan untuk mendedahkan bakat-bakat muda daripada kalangan pelajar UMT sebagai generasi usahawan muda masa hadapan untuk mempamerkan kebolehan mengembangkan idea inovatif dan kreatif masing-masing. Program ini merupakan kesinambungan daripada kerja kursus untuk semua pelajar yang mengikuti Kursus Asas Keusahawanan MPU3223.

Dalam program ini, seramai 1,193 orang pelajar berjaya menyampaikan idea inovasi mereka melalui pembinaan Model Kanvas Perniagaan dan Pitching.



SRD 2023

Bertemakan "Shaping the Future Thinkers", Student Research Day (SRD) 2023 anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial berjaya dilaksanakan. Program tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2018 ini adalah sebahagian daripada usaha UMT untuk memupuk minda inovatif graduan kepada semua pelajar melalui pameran dan pembentangan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) mereka kepada komuniti dan industri.

Lebih 1,700 orang pelajar yang mengambil kursus PITA dan PITA II terlibat dalam pembentangan dan penilaian yang diadakan di peringkat program pengajian dan fakulti. 25 projek terbaik pula dibentangkan di peringkat universiti. Abstrak daripada projek-projek berkenaan telah diterbitkan dalam UMT Undergraduate Research Proceeding 2023.



CCM3011 Santuni Komuniti

Kursus CCM3011 Santuni Komuniti adalah kursus *flagship* baharu yang mula diperkenalkan pada tahun 2023 dan diwajibkan kepada semua pelajar baharu UMT. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dalam program bersama komuniti mengikut kluster yang dipilih berkaitan dengan bidang pengajian masing-masing seperti pendidikan, kesukarelawanan, sukan dan rekreasi, keusahawanan, kepimpinan, pengucapan awam, kebudayan dan kesenian, kerohanian dan kelestarian. Pelajar akan dinilai melalui penilaian berstruktur iaitu penulisan kertas cadangan, refleksi diri dan pemerhatian untuk memastikan impak yang benar-benar bermakna kepada pelajar.

Pelajar kemudiannya perlu melaksanakan program tersebut secara berkumpulan yang memberi peluang kepada mereka untuk memindahkan ilmu dalam bidang masing-masing kepada komuniti. Di akhir kursus ini, pelajar berupaya meningkatkan kemahiran insaniah kendiri dalam berhadapan dengan komuniti.



Program Survival dan Keselamatan di Air

Program Survival dan Keselamatan di Air (SKA) yang sebelum ini dikenali sebagai Program Survival Laut dan Penghayatan Warisan (SLPW) merupakan salah satu komponen dalam kursus Apresiasi Laut dan Warisan Alam (MPU3312) yang wajib diikuti oleh semua pelajar UMT sebelum bergraduat. Program ini telah diadakan di Stesen Penyelidikan Alami Tasik Kenyir dengan penyertaan seramai 2,515 orang pelajar. Dalam program ini, para pelajar perlu mengikuti beberapa aktiviti seperti *compass matching*, aktiviti keyakinan di air, aktiviti keselamatan di air, kayak dan masakan rimba. Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu.





Food Sustainability and Security: An International Conference (FUSE 2023)

FUSE 2023 merupakan seminar anjuran kerjasama antara Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) dan Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), UMT. Seminar ini disertai oleh 48 peserta dari dalam dan luar negara seperti India dan Thailand. Tujuan utama seminar ini adalah sebagai platform untuk berkongsi hasil penyelidikan masing-masing di samping menjalin kerjasama di antara penyelidik UMT dengan rakan sejawat dari dalam dan luar negara.





Fiesta Agro@FPSM

Fiesta Agro@FPSM 2023 yang telah berlangsung pada 21 Disember 2023 adalah anjuran Program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan kerjasama Kelab Hevotech. Buat julung kalinya program ini telah berjaya menarik minat pelajar dan warga UMT serta komuniti sekitar melalui tiga slot aktviti iaitu AgroPreneur@UMT, CropPostharvestUMT@Community dan PasarAgro@UMT. Program ini juga berjaya mengumpulkan tujuh pemain industri iaitu Honey Melon World Sdn. Bhd., Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, GWG Sdn. Bhd., Wafa Spora Enterprise, ABEADI Group Sdn. Bhd., Kaprima Dairy Farm dan S.R. Mushroom Industries serta peniaga pasar tani dan kendera saji.

Secara umumnya, program Fiesta Agro@FPSM 2023 ini meningkatkan keterlihatan bidang sains tanaman dan kemahiran para pelajar terutama dalam melengkapkan keberhasilan pembelajaran seperti kemahiran keusahawanan, pemikiran kritis, bekerja dalam kumpulan, pembelajaran sepanjang hayat, kepimpinan dan sebagainya.



IPSyAFS-23

Bertemakan 'Together We Stand: Collaboration Driving Sustainability', 2nd International Postgraduate Symposium on Agriculture and Food Science (IPSyAFS-23) telah diadakan pada Ogos 2023 di UMTCC. Program kerjasama antara Fakulti Perikanan dan Sains Makanan dan Asian Fisheries and Marine Environment (AFIMA) ini telah dilaksanakan secara hibrid. Seramai empat orang penceramah jemputan telah membentangkan kertas kerja iaitu Prof. Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin (UMT), Prof. Min Wan (Ocean University of China, China), Assoc. Prof. Dr. Hee-Jin Kim (Nagasaki University, Jepun) dan Dr. Zuhud Rozaki (Universitas Muhammadiyah, Yogyakarta, Indonesia).

Seramai 97 orang peserta termasuk 25 orang daripada luar negara telah membentangkan kertas kerja berkaitan bidang sains makanan, agroteknologi dan sains tanaman, serta perikanan dan akuakultur.





Program dan Kejayaan Pelajar Asasi STEM

Pelbagai program dan aktiviti turut dianjur dan disertai oleh pelajar Asasi STEM UMT. Melalui program-program ini, beberapa kejayaan telah diperoleh pada tahun 2023.



Pertandingan Debat Inter Asasi UA 2023

18-19 Februari 2023, UPNM
Naib Juara (Kategori Bahasa Inggeris)



STEM Educators Bootcamp 2023

12 September 2023, UMT
Penyertaan 248 orang guru daripada 124 buah sekolah



Pre-University Matriculation Innovation Competition (PIITRAM) 2023

17-19 Februari 2023, UPM
3 pingat emas, 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa
Anugerah Khas PIITRAM 2023 (The Most Creative)




Discover UMT 2023

16 November 2023, UMT
Penyertaan 400 orang pelajar dari 20 buah sekolah mempromosikan program-program akademik UMT kepada masyarakat setempat

KESIMPULAN

Secara umumnya, pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 bagi meningkatkan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pertambahan fakulti dan program pengajian baharu adalah relevan dengan keperluan semasa selari dengan perkembangan universiti yang dinamik. Dalam menjayakan agenda pendigitalan pendidikan nasional, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan meluas.





FAKTA DAN ANGKA

5
Fakulti

33
Program Prasiswazah

11,271
Enrolmen Pelajar

34
Kursus UMTMOOC© Dibangunkan

2,271
Enrolmen Kursus UMTMOOC©

2,388
Graduan



KEUNGGULAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI




KEUNGGU
PENYELID
DAN INOV

PENGENALAN

Penyelidikan merupakan antara fungsi utama sesebuah universiti. Kesarjanaan dan ketinggian ilmu berkait rapat dengan kualiti dan kuantiti ilmu baharu yang dihasilkan di sesebuah universiti. Sehubungan dengan itu, bagi menggalakkan sebahagian ahli akademia yang kurang aktif dalam penghasilan penerbitan berimpak, UMT telah memperuntukkan sejumlah dana khas bagi melaksanakan program *mentoring* serta latihan strategi penerbitan dan cadangan penyelidikan berkesan.

Kualiti, output dan impak penyelidikan memainkan peranan penting dalam menentukan penarafan dan pengiktifaran universiti. Penarafan yang diperoleh akan melonjakkan keterlihatan universiti seterusnya menarik lebih ramai pelajar siswazah antarabangsa serta meningkatkan potensi kolaborasi penyelidikan dengan institusi global. Ia juga membuka peluang yang lebih besar kepada para penyelidik memperoleh geran antarabangsa dan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi. Hasilnya, tahun 2023 menyaksikan peningkatan yang tinggi dalam perolehan geran antarabangsa UMT.



GERAN PENYELIDIKAN

Perolehan Geran Penyelidikan Tahun 2023

Pada tahun 2023, perolehan geran penyelidikan UMT adalah berjumlah RM18,167,308 (178 projek). Jumlah perolehan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 48.9% berbanding perolehan tahun 2022 iaitu RM12,203,198.22 (167 projek).

Perolehan geran penyelidikan tertinggi adalah daripada sumber kerajaan berjumlah RM7,357,980 (semak data TSR) diikuti geran antarabangsa berjumlah RM5,258,186, geran swasta/industri/ NGO berjumlah RM3,158,255 serta geran sumber dalaman universiti berjumlah RM2,392,885.

Di samping itu, UMT juga berjaya memperoleh geran penyelidikan Fundamental Research Grants Scheme (FRGS) berjumlah RM5.483 juta melalui 40 projek, peningkatan sebanyak 22% berbanding tahun 2022 iaitu RM4.28 juta (38 projek).

UNIVERSITI	KERAJAAN	SWASTA/ INDUSTRI	ANTARABANGSA
79 PROJEK RM2,392,885 13%	64 PROJEK RM7,357,980 41%	21 PROJEK RM3,158,255 17%	14 PROJEK RM5,258,186 29%

Jumlah Keseluruhan	178 PROJEK	RM18,167,308



Penerima Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)



Dr. Masha Nur Salsabiela binti Menhat
FPM
RM135,482.00




Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sabri bin Mohd Ghazali
FSSM
RM155,000.00



Dr. Mohd Safuan bin Che Din
INOS
RM164,400.00



Prof. Madya Dr. Auni Aslah bin Mat Daud
FTTKI
RM113,000.00



Dr. Faizah binti Aplop
INOS
RM145,500.00



Dr. Shahidee bin Zainal Abidin
FSSM
RM184,970.00




Ts. Dr. Mohd Faizal bin Ali Akhbar
FTTKI
RM109,836.00



Gs. Dr. Muhammad Hafeez bin Jeofry
FSSM
RM130,500.00




Prof. Madya Ts. Dr. Md Uwaisulqarni bin OSman
FSSM
RM180,165.00



Dr. Nik Nurhalida binti Nik Hariry
FPM
RM86,500.00



Prof. Madya ChM. Dr. Loh Saw Hong
FSSM
RM135,347.00



Prof. Madya Ts. Dr. Lee Oon Jew
FSSM
RM166,000.00



Prof. Madya ChM. Dr. Mohd Aidil Adhha bin Abdullah
FSSM
RM182,800.00



Dr. Teh Sabariah binti Abd Manan
IBTPL
RM201,715.00



Dr. Mohd Al Amin bin Muhammad Nur
FSSM
RM173,700.00



Prof. Madya Ts. Dr. Hasmizan bin Razali
FSSM
RM145,000.00



Prof. Madya Dr. Wan Bayani binti Wan Omar
FSSM
RM165,500.00



Dr. Mohammad Fakhratul Ridwan bin Zulkifli
FTTKI
RM183,300.00



Prof. ChM. Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Mohammed Zin
FSSM
RM198,860.00



Dr. Nizam bin Ahmat
FPEPS
RM97,210.00



Prof. Madya ChM. Dr. Wan Mohd Afiq bin Wan Mohd Khalik
FSSM
RM106,324.00



Prof. Madya Dr. Azizul Yadi bin Yaakop
FPEPS
RM78,800.00



Prof. Madya ChM. Dr. Siti Kamilah binti Che Soh
FSSM
RM175,650.00



Prof. Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail
FSSM
RM156,400.00



Dr. Wan Hafiz bin Wan Zainal Shukri
FPSM
RM87,980.00



Prof. Madya To' Puan Dr. Marhana binti Mohamed Anuar
FPEPS
RM88,000.00



Dr. Mannur Ismail Shaik
FPSM
RM154,000.00



Prof. Madya Ts. Dr Norizah binti Mhd. Sarbon
FPSM
RM153,989.00




Dr. Binyamin bin Yusoff
FTTKI
RM126,000.00




Prof. Madya Ts. Dr. Fauziah binti Tufail Ahmad
FPSM
RM101,200.00




Dr. Noor Hafhizah binti Abd Rahim
FTTKI
RM128,000.00




Dr. Rozniza binti Ali
FTTKI
RM79,850.00



Prof. Madya Dr. Lee Jen Nie
FSSM
RM147,000.00




Dr. Waleed Mutahar Abdulhadi Abdul Gabbar
FPEPS
RM75,000.00



Dr. Zuha Rosufila binti Abu Hassan
FPEPS
RM98,300.00




Dr. Bryan Raveen Nelson A/L Nelson Bernett
IBTPL
RM165,372.00



Dr. Hassan Ibrahim Sheikh Mohamed
FPSM
RM157,533.00



Dr. Aqilah binti Mohammad
FSSM
RM177,300.00



Dr. Norfatiha binti Othman
FPEPS
RM131,500.00



Dr. Maizah binti Mohd Abdullah
FSSM
RM100,340.00

Kepakaran penyelidik UMT turut mendapat kepercayaan global apabila menerima beberapa geran antarabangsa baharu daripada institusi yang belum pernah diperoleh sebelum ini. Antaranya ialah geran penyelidikan European Union-Erasmus CBHE-LS bernilai RM4.088 juta yang diterima oleh beberapa orang penyelidik UMT diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Kesaven Bhubalan.



Selain itu, kepakaran UMT dalam bidang pemuliharaan biologi marin juga telah menarik minat syarikat multinasional antarabangsa, International Petroleum Corporation (IPC) Malaysia Sdn. Bhd. untuk memperuntukkan geran bernilai RM1.7 juta bagi melaksanakan projek bertajuk "Marine Biology Conservation and Restoration Towards Sustainable Ecosystem" yang diketuai oleh Prof. Dr. Zainudin Bachok.



Perincian keseluruhan perolehan geran mengikut kategori sumber dana adalah seperti berikut:

64
Geran Kerajaan
RM7,357,980

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM)	RM150,000
Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)	RM940,000
Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA)	RM18,500
Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)	RM5,483,323
Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia	RM9,975
Akademi Kepimpinan Tinggi (AKEPT)	RM90,000
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)	RM17,000
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	RM55,000
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu	RM18,000
Higher Institution Centre of Excellence (HICOE)	RM440,000
Federal Land Development Authority (FELDA)	RM136,182

79
Geran Universiti
RM2,392,885

Matching Grant 1+3	285,000
Strategic Research Grant (SRG)	222,885
Inter Disciplinary Impact Driven Research Grant (ID2RG)	300,000
Talent and Publication Research Grant (Tape-RG)	975,000
Research Intensified Grant Scheme (RIGS)	610,000

21
Geran Swasta/Industri
RM3,158,255

Malaysian Toray Science Foundation (TORAY)	20,000
Corteva Agriscience (Malaysia) Sdn. Bhd.	52,000
Institut Masa Depan Malaysia	10,000
Aquawalk Sdn. Bhd.	200,000
Badminton World Federation (BWF)	25,013
Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS)	10,000
Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd.	30,000
Ain Aquaculture Sdn. Bhd.	25,000
World Wide Fund (WWF) Malaysia	279,242
Group Securities PETRONAS	63,000
International Petroleum Corporation (IPC) Malaysia Sdn. Bhd.	1,700,000
Private Partnership Research Grant (PPRG)	185,000
Excelsia Electronic Sdn. Bhd.	20,000
Tengah Island Conservation	43,500
Juara Travel and Tours Sdn. Bhd.	5,000
Institut Teknologi PETRONAS Sdn. Bhd.	379,500
Geohydrocean Sdn. Bhd.	31,000
Ocean Hydro Sdn. Bhd.	80,000

14

Geran Antarabangsa
RM5,258,186

King Abdul Aziz University, Arab Saudi	13,443
International Partnership Research Grant (IPRG)	100,000
Nanjin Forestry University, China	30,000
Sustainable Ocean Alliance (SOA), US	53,193
European Union (EU)	4,558,310
Royal Society of Chemistry, UK	27,873
Institute of Circular Economy Development, Vietnam	20,304
First Institute of Oceanography (FIO), Japan	185,000
Tongji University, China	133,255
Kurita Water and Environment Foundation	25,548
Universite Libre De Bruxelles, Belgium	95,050
Nagao Natural Environment Foundation, Japan	16,207

169

Geran PPP
RM17,472,125

9

Geran (ICC + Tabung Amanah)
RM695,182


178


Geran Keseluruhan
RM18,167,308


Geran Penyelidikan Aktif Tahun 2023

Pada tahun 2023, peratusan pensyarah UMT yang berperanan sebagai Ketua Projek Aktif meningkat kepada 78% berbanding 75% pada tahun 2022.

Secara keseluruhannya sehingga tahun 2023, terdapat 720 projek yang masih lagi aktif dengan kelulusan geran berjumlah RM75,092,090.






KERAJAAN
244 Projek
RM41,889,774
UNIVERSITI
327 Projek
RM12,373,552
SWASTA/
INDUSTRI
85 Projek
RM9,010,869
ANTARABANGSA
64 Projek
RM11,815,871
Jumlah Keseluruhan 720 PROJEK RM75,092,090



PERTANDINGAN PAMERAN PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Kejayaan Penyelidik dalam Pameran Penyelidikan

UMT telah menghantar penyertaan untuk pertandingan pameran penyelidikan dalam Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI) 2023 yang diadakan pada 29-30 Mei 2023 serta menyertai beberapa pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan. Bagi MPI 23, sebanyak 86 produk dipertandingkan dan berjaya meraih sebanyak 58 pingat dan dua anugerah. UMT juga turut menyertai Konvensyen Inovasi dan Teknikal Nuklear Malaysia (NITC) 2023 dengan menghantar enam penyertaan dan berjaya meraih satu pingat perak dan lima pingat gangsa. Selain itu, penyelidik UMT juga menyertai beberapa pertandingan pameran penyelidikan lain dan mencapai kejayaan cemerlang.




"Cultivate Creative & Innovative Thinkers"
DEWAN CANSEL
KEMAMAN
UNISZA
MALAYSIA TERENGGANU
UMT





INOVASI, PENGKOMERSILAN PRODUK DAN PERUNDINGAN

Harta Intelek

Pada tahun 2023, UMT telah memperoleh sebanyak 94 unit Harta Intelek (IP) termasuk dua paten telah diluluskan, tujuh paten difailkan dan 85 lain-lain harta intelek. Pencapaian ini mencerminkan kejayaan penyelidik UMT dalam menghasilkan penyelidikan baharu untuk pemindahan teknologi serta berpotensi untuk dikomersialkan.





Fish Feed Additives
Prof. Madya Dr. Marina binti Hasan
AKUATROP

Process for Synthesis of Gold Nanoparticles
Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Noor Aniza binti Harun
FSSM

Perlesenan Produk

Sebanyak sembilan produk penyelidikan telah berjaya dilesenkan ke industri dan syarikat pemula UMT sepanjang tahun 2023. Ini membuktikan bahawa produk penyelidikan UMT kian mendapat kepercayaan pihak industri untuk dipasarkan.

Bil.	Nama Produk	Nama Syarikat	Pereka Cipta	Fakulti / Institut
1	Malaysia Marine Forecast System (*MFAST)*	Ocean Hydro Sdn. Bhd.	Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir	INOS
2	Process for the Preparation of Amoebocyte Lysate from the Haemolymph of the Horseshoe Crab	Aris Global Venture Sdn. Bhd.	Prof. Dr. Noraznawati binti Ismail	ICAMB
3	Queen Blueprint	Big Bee Honey Sdn. Bhd.	Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan binti Azmi	FSSM
4	Smart Honeycomb for Keeping Stingless Bee Production	K Bees Sdn. Bhd.	Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak	FPSM
5	R38	SR Neotech Sdn. Bhd.	Prof. Dr. Fadzilah @ Adibah binti Abdul Majid	ICAMB
6	Honey Paste	Bee Lab Sdn. Bhd.	Profesor Madya ChM. Dr. Khairul Anuar bin Mat Amin	FSSM
7	Tides: Turtle Imprinting Database System	Conservation Management Solutions Sdn. Bhd.	Prof. Madya Dr. Mohd Uzair bin Rusli	INOS
8	Kapsul Lega	WMM Marketing	Prof. Dr. Fadzilah @ Adibah binti Abdul Majid	ICAMB
9	Less is Better: No Seed Solution for Seedless Fruit Production	Honey Melon World Sdn. Bhd.	Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zaliha binti Wan Sembok	FPSM





Pengkomersialan Produk

UMT juga telah berjaya mengkomersialkan tujuh produk penyelidikan sepanjang tahun 2023 dengan nilai hasil keseluruhan berjumlah RM117,083.70.

7
Produk Dikomersialkan
RM117,083.70

Malaysia Marine Forecast System (MFAST)	Smart Honeycomb for Keeping Stingless Bee Production	Pouched Sardine Curry	Paintest Sul	Queen Blueprint	Tides: Turtle Imprinting Database System	Puregac Ice Cream
RM10,000	RM10,000	RM4,950	RM64,020	RM10,000	RM10,000	RM8,113.70



Penubuhan Syarikat Pemula (Start-up Company)

Pertambahan bilangan syarikat pemula yang ditubuhkan oleh penyelidik UMT merupakan salah satu hasil daripada kejayaan mengkomersialkan produk penyelidikan. Pada tahun 2023, sebanyak empat buah syarikat pemula baharu berjaya ditubuhkan menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 11 buah.

BioNexG Sdn. Bhd.
Produk berkaitan agro-industri

Sinavax Sdn. Bhd.
Produk berkaitan vaksinasi untuk kegunaan kambing dan biri-biri

Moment Alpha Sdn. Bhd.
Produk perkhidmatan dan latihan profesional kepakaran dalam bidang pemakanan, sumber tenaga dan sekitaran

Honey Melon World Sdn. Bhd.
Produk penghasilan buah tembikai madu Terengganu dan produk Madu Lebah Kelulut

Bee Lab Sdn. Bhd.
Produk berasaskan madu kelulut

VSG Labs Sdn. Bhd.
Produk marine vehicle operation simulator within mobile environment

Ocean Hydro Sdn. Bhd.
Produk aplikasi pembekalan data solusi berkaitan oseanografi dan ekosistem marin melalui kepakaran teknik peramalan data, pemodelan, pengimejan, dan analisis data marin

Conservation Management Solutions (CMS) Sdn. Bhd.
Produk yang memfokuskan kepada Projek Pemuliharaan Persekitaran Pemasaran Melalui Pendigitalan.

Eastar Biotech Sdn. Bhd.
Produk yang memfokuskan kepada produk kosmetik halal.

Zeec Tech Sdn. Bhd.
Produk yang memfokuskan kepada perkhidmatan pemasangan, penyelenggaraan dan sebarang konsultansi berkaitan teknologi tenaga keterbaharuan bersumber dari angin, ombak dan solar.

Artemia EcoHarvest Sdn. Bhd.
Produk yang memfokuskan kepada projek untuk mengembangkan industri akuakultur dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk artemia hidup sebagai makanan utama sumber untuk penetasan ikan, ketam dan udang bagi akuakultur.

Lebih membanggakan, terdapat beberapa syarikat pemula yang telah berjaya mendapat hasil pendapatan kasar bagi tahun 2023 seperti syarikat Ocean Hydro Sdn. Bhd. (RM12 juta), syarikat Conservation Management Solutions (CMS) Sdn. Bhd. (RM164,000.00), syarikat Honey Melon World Sdn. Bhd. (RM20,299.50) dan syarikat VSG Labs Sdn. Bhd. (RM11,500.00).

Perundingan dan Khidmat Profesional


Kepakaran penyelidik UMT dalam pelbagai bidang khususnya ilmu kelautan dan sumber akuatik kini terserlah serta menjadi rujukan oleh pelbagai pihak. Sebanyak 11 projek perundingan berjaya diperoleh dengan nilai keseluruhan berjumlah RM1,294,143.49.

Tajuk Projek Perundingan	Syarikat/ Organisasi	Nama Ketua Projek UMT	Nilai Projek (RM)
First Schedule Environmental Impact Assessment (S1EIA) bagi Cadangan Pembinaan Skim Bekalan Air di Genting Permai, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Negeri Pahang Darul Makmur oleh Seri Aliran Sdn. Bhd.	Yuniq Environmental Consultant Sdn. Bhd.	Dr. Bryan Raveen Nelson A/L Nelson Bernett	8,174.41
Risk Assessment Refineries	Mimos Berhad	Dr. Muhamad Fairus bin Noor Hassim	87,000.00
MRA Study for Temporary Achorage Area at Tompok Utara, Johor	Centre of Maritime Excellence Sdn. Bhd.	Mohd Hafizi bin Said	31,800.00
Perkhidmatan Analisa dan Perincian Microplastistik	Universiti Kebangsaan Malaysia	Prof. Madya Dr. Tuan Nurul Sabiqah binti Tuan Anuar	24,500.00
The Provision of Bicarbonate Solution Marine Testing Service	Petronas Research Sdn. Bhd.	Prof Madya Dr. Poh Seng Chee	399,291.40
Marine Ecology Survey - Second Schedule Environmental Impact Assessment (EIA)	Asia Pacific Environmental Consultants Sdn. Bhd.	Prof. Madya Dr. Tuan Nurul Sabiqah binti Tuan Anuar	55,377.68
Investigation of Coastal Erosion in Reclamation Area at Forest City Island One	Country Garden Pacipicview Sdn. Bhd.	Dr. Ku Mohd Kalkausar bin Ku Yusof	50,000.00
Perkhidmatan Perolehan Data dan Maklumat Ekosistem dan Biodiversiti Marin di Perairan Malaysia bagi Kegunaan Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber	Jabatan Perikanan Malaysia	Dr. Nur Hafiza binti Mr Muhamaruesa	485,000.00
Perkhidmatan Mentoring/Coaching bagi Tujuan Akreditasi MS ISO 17025-2017	Universiti Malaysia Kelantan	ChM. Asrul Azani bin Mahmood	19,500.00

Tajuk Projek Perundingan	Syarikat/ Organisasi	Nama Ketua Projek UMT	Nilai Projek (RM)
Bio-Cultural Assessment of Pulau Besar Mersing Johor	Tengah Island Conservation	Prof. Madya Dr. Jarina binti Mohd Jani	43,500.00
Kajian Pembangunan River Flood Model (MYRFM)	Global Water Consultants Sdn. Bhd.	Dr. Rudiyanto	90,000.00
Jumlah Keseluruhan (RM)			**1,294,143.49**

PENERBITAN

Bilangan penerbitan ilmiah oleh ahli akademik UMT sepanjang tahun 2023 menunjukkan peningkatan 3% berbanding tahun 2022. Nisbah artikel penyelidikan per pensyarah juga menunjukkan sedikit peningkatan kepada 1.88 berbanding 1.83 pada tahun 2022. Manakala dari segi kualiti penerbitan, nisbah sitasi per pensyarah telah melonjak dengan ketara kepada 85.1 berbanding 58.5 pada tahun 2022.



PENCAPAIAN/ PENGIKTIRAFAN PENYELIDIKAN UMT 2023

Aktiviti penyelidikan UMT adalah berpandukan kepada pelan strategik terkini iaitu Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu (PSUMT) 2023 - 2027 yang digubal selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara serta Amanat Tahun 2023 oleh Menteri Pendidikan Tinggi dengan aspirasi melonjakkan penyelidikan berimpak, inovasi dan pengkomersialan. Beberapa aktiviti berimpak tinggi telah dilaksanakan manakala pelbagai pengiktirafan dan kejayaan dicapai sepanjang tahun 2023 seperti berikut:

PETRONAS Labur RM14.3 juta bagi Kolaborasi Projek Inovasi Teknologi Tenaga Keterbaharuan (RE) Bersama Penyelidik UMT

UMT telah menandatangani perjanjian kolaborasi bersama PETRONAS Global Technical Solutions Sdn. Bhd. (PGTSSB) melibatkan pembiayaan dana berjumlah RM14.3 juta bagi tempoh tiga tahun bermula 2023 hingga 2026.

Penyelidik UMT diberikan kepercayaan oleh PETRONAS untuk melaksanakan projek tenaga keterbaharuan (RE) dengan membina turbin angin laut melalui teknologi penghasilan tenaga elektrik menggunakan gelombang ombak laut. Projek stesen janakuasa turbin angin laut ini akan dibina di beberapa lokasi strategik sepanjang Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus. Di samping menghasilkan sumber tenaga untuk manfaat masyarakat, projek ini turut memberi kesan positif kepada alam sekitar dengan mengekang pelepasan karbon yang berlebihan.



UMT Perkenalkan Teknologi Indoor Multi-Techno Aquaculture Systems (IMTAS) bagi Ternakan Akuakultur

IMTAS merupakan teknologi yang telah dibangunkan bagi meningkatkan produktiviti dan sistem kawalan penyakit ternakan akuakultur khususnya ternakan krustasia seperti ketam bakau dan udang laut. IMTAS yang dilengkapi aplikasi Internet of Things (IoT) akan memudahkan pengawalan dan pemantauan operasi ternakan seperti pengukuran kualiti air, pemberian makanan secara automatik, keselamatan sistem ternakan, kawalan kamera litar tertutup dan sebagainya secara dalam talian melalui peranti mudah alih. Ini selari dengan konsep pemodenan akuakultur ke arah revolusi teknologi pertanian hijau untuk pengeluaran ternakan akuakultur yang lebih mapan atau lebih dikenali sebagai “Smart Farming".

Pembangunan sistem ini adalah hasil kerjasama dengan SERANDU Aquaponic System Sdn. Bhd. serta kolaborasi bersama beberapa rakan industri lain seperti OSRAM OPTO Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd. dan AQUA IHSAN Sdn. Bhd. melalui memorandum perjanjian (MoA) dan geran penyelidikan. IMTAS yang kini ditempatkan di hatcheri Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) menjadi sumber rujukan dan latihan bersepadu kepada para pelajar, pengusaha akuakultur, agensi kerajaan dan swasta serta orang awam.



Inovasi Pembiakan Larva Lalat Askar Hitam (Black Soldier Fly - BSF) Tarik Minat Pelabur Industri Akuakultur

UMT telah meneroka peluang kolaborasi bagi mempromosikan makanan haiwan akuatik yang berasaskan sumber protein alternatif yang dikenali sebagai "Black Soldier Fly" (BSF) atau "larva lalat askar hitam".

Pada 31 Januari 2023, UMT telah menandatangani perjanjian bersama syarikat Entomal Biotech Sdn. Bhd. yang akan menyediakan dana penyelidikan bagi melaksanakan projek ini bersama penyelidik AKUATROP. Peluang usaha sama ini juga merupakan salah satu usaha menjayakan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara. Selain itu, UMT turut mensasarkan BSF sebagai makanan alternatif kepada haiwan ternakan lain seperti ayam, itik, kambing, arnab dan lembu. Ini berikutan kajian pakar yang mendapati terdapat kandungan khasiat yang tinggi dan berkualiti untuk keperluan seharian.

UMT berharap usaha ini akan dapat membantu mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber-sumber luar yang semakin mahal dan membebankan.



TAL – Produk Inovasi Darah Belangkas, Perluas Pasaran Bersama Syarikat Tempatan dan Institut Penyelidikan Negara China

Kit Pengesan Endotoksin Pantas (TAL) telah dihasilkan berdasarkan penyelidikan mendalam penyelidik UMT terhadap belangkas bermula tahun 2009. Produk yang telah mula dikomersilkan pada tahun 2016 ini dihasilkan daripada ekstrak darah belangkas terbukti mampu mengesan pencemaran bakteria (toksik) dalam ubat dan peralatan suntikan. Selain itu, ia boleh digunakan untuk menganalisis ketulenan ubat-ubatan yang digunakan pada manusia.

Pada tahun 2023, produk ini mendapat kepercayaan dari pihak industri dan antarabangsa seterusnya menandatangani perjanjian kolaborasi hak pelesenan bersama dengan syarikat Aris Global Venture Sdn. Bhd. dan China's Third Institute of Oceanography (TIO).





Geopark Kenyir Mewartakan Sekolah Rimba Berua (Projek Rintis UMT) Sebagai Tapak Warisan Budaya Geopark Kebangsaan

Penubuhan Jungle School (Sekolah Rimba) merupakan idea rintis penyelidik UMT sebagai salah satu usaha memperkasa pendidikan murid Orang Asli. Aktiviti pembelajaran Jungle School dan Digital Jungle School ini telah mendapat tajaan geran daripada Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). Projek yang diketuai oleh Prof. Dr. Khatijah binti Omar bersama lapan orang penyelidik bersama ini telah dilaksanakan dari 1 Ogos 2021 sehingga 31 Julai 2023 melibatkan murid tahun satu hingga enam dalam kalangan Komuniti Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu. Objektif utama projek ini adalah untuk membantu pihak berwajib seperti Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu (PPDHT) dan Sekolah Kebangsaan Sungai Berua meningkatkan prestasi akademik dan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah.







Sekolah Rimba telah mendapat liputan meluas media seperti Utusan Malaysia, Kosmo, Radio Asyik.fm, Selamat Pagi Malaysia (TV3) dan Jurnal Universitas Pamulang, Indonesia serta lawatan daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara seperti Sarawak Energy, Universitas Ibnu Sina dan Universitas Airlangga, Indonesia.

Pada tahun 2023, Geopark Kenyir telah mengiktiraf Sekolah Rimba dan mewartakannya sebagai GeoSchool Sekolah Kebangsaan Sungai Berua dan didaftarkan sebagai salah satu lokasi tapak warisan budaya Geopark Kebangsaan Kenyir yang diisytiharkan pada Mei 2023. Projek rintis ini



juga dianugerahkan Anugerah Khas Naib Canselor 2022, Anugerah Pingat Perak dalam Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2023 dan Pingat Gangsa dalam Karnival Inovasi @ UMT 2023.

Dana RM30,000 Bukti NRECC Yakin Kepakaran UMT Melaksanakan Agenda Nasional Program Inventori Koleksi Saintifik Biodiversiti Kebangsaan (PIKS-BIOD)

UMT melalui Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RRC) INOS mendapat suntikan dana sebanyak RM30,000.00 daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRECC). Melalui projek peringkat nasional ini, RRC akan menguruskan spesimen dan kemasukan data ke Sistem Maklumat Biodiversiti Malaysia (MyBIS) 2024 di bawah Program Inventori Koleksi Saintifik Biodiversiti Kebangsaan (PIKS-BIOD).

Kolaborasi ini turut menyokong matlamat NRECC berkaitan penyelidikan marin terutamanya melibatkan data ramalan lautan, penyelidikan adaptasi hidupan laut terhadap perubahan iklim serta usaha UMT dalam pengumpulan spesimen biodiversiti Laut China Selatan di RRC UMT. Kesemua inisiatif ini mampu memberikan solusi kepada pelbagai permasalahan industri, komuniti serta negara di samping menyokong United Nation Decade of Ocean Science 2030.






Kepakaran Penyelidik UMT dalam Pemetaan Taman Laut Diiktiraf

UMT melalui HICoE INOS sentiasa memainkan peranan besar dalam pembangunan dan pemetaan taman laut di Malaysia. Bermula dari tahun 2017 sehingga kini, INOS telah membantu Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dalam pemetaan kawasan Taman Laut Negara bermula dari Pulau Labuan ke perairan Semenanjung Malaysia. Melalui usaha sama ini, INOS mampu memberikan maklumat terkini mengenai status morfologi dasar laut bagi tujuan pengurusan taman laut yang mampan.

Pada tahun 2023, INOS berjaya memetakan taman laut di Pulau Tenggol, Dungun Terengganu serta Pulau Undan, Pulau Dodo dan Pulau Nangka di Melaka dengan keseluruhan dana kajian bernilai RM220,000.00.





Penyelidik Wanita UMT Ketuai Ekspedisi Pelayaran Saintifik Marin sempena LIMA 2023

Bersempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023), UMT menampilkan Dr. Nur Hidayah binti Roseli, pensyarah bidang sains marin sebagai Ketua Saintis Wanita bagi Ekspedisi Pelayaran Saintifik Marin. Beliau telah mengetuai pelayaran menggunakan Kapal Penyelidikan UMT RV Discovery mengelilingi Semenanjung Malaysia menerusi dua laluan maritim iaitu Laut China Selatan dan Selat Melaka selama 14 hari. Ekspedisi saintifik ini merupakan pelayaran kali ketiga UMT bersama 13 orang saintis daripada pelbagai bidang oseanografi di UMT dan The Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES), Universiti Malaya berserta 11 orang krew.

Beberapa kajian saintifik telah dijalankan melibatkan 19 lokasi persampelan di sepanjang Selat Melaka iaitu kajian mengenai arus dan suhu laut serta tahap kemasinan laut, kajian



produktiviti dan nutrien laut, kajian logam berat di dalam sedimen serta kajian berkenaan hidupan laut. Kajian saintifik ini menggunakan peruntukan Long Term Research Grant (LRGS) dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah kluster Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change and Environment) melibatkan kajian Oseanografi Fizikal, Oseanografi Biologi, Oseanografi Kimia dan Oseanografi Geologi.



Penyelidik Wanita UMT Dipilih Menyertai Ekspedisi Saintifik Antarabangsa di Antartika

Penyelidik wanita sekali lagi membanggakan UMT apabila Dr. Nurul Huda binti Ahmad Ishak terpilih menyertai 24th Kaiyodai Antarctic Research Expedition (KARE24) pada 17 Januari hingga 8 Februari 2023.

Dr. Nurul Huda menerima geran penyelidikan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan menerusi penyelidikannya yang bertajuk "The Fate of Salps in a Changing Ocean: Emerging Environmental Consequences for the Indian Ocean Sector of the Southern Ocean". Kajian ini memfokuskan kepada perubahan iklim dan impak kepada zooplankton yang merupakan kumpulan penting dalam kestabilan trofik makanan hidupan akuatik bagi penghasilan populasi ikan di dalam ekosistem lautan.

Kajian yang dijalankan oleh Dr. Nurul Huda adalah antara salah satu inisiatif penyelidikan yang menyokong Special Interest Group (SIG) UMT untuk Sustainable Food Security in Changing Climate, dalam usaha membantu negara menawarkan langkah mitigasi cabaran perubahan iklim bagi memastikan kestabilan pengeluaran sumber makanan akuatik.

Ekspedisi Antartika ini merupakan kerjasama Tokyo University of Marine Science and Technology Japan, National Institute of Polar Research Japan dan Institute for Marine and Antarctic Studies, University of Tasmania Australia.







RIG REEFS UMT Terima Dana RM200,000 daripada Aquaria KLCC

Kerjasama strategik antara UMT dan Aquaria KLCC yang bermula sejak tahun 2006 diteruskan dengan projek konservasi batu karang di perairan Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT, Pulau Bidong. Dana berjumlah RM200,000 telah disediakan oleh pihak Aquaria KLCC sebagai usaha meningkatkan peratusan kawasan terumbu karang yang semakin berkurangan di samping mewujudkan kawasan perlindungan marin sekali gus menyertai usaha global untuk mengurangkan kesan perubahan iklim selari Dekad Sains Lautan PBB 2021-2030. Susulan itu, ekspedisi restorasi batu karang telah dilancarkan di Pulau Bidong bersempena sambutan World Oceans Day pada 7 Jun 2023.







11 Orang Penyelidik UMT Tersenarai dalam World's Top 2% Scientist List

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Stanford University, seramai 11 orang penyelidik UMT telah tersenarai dalam kelompok 2% "Most-Cited Scientists in the World" daripada lebih 150,000 saintis seluruh dunia dalam pelbagai bidang.





Profesor Ts. Dr. Lam Su Shiung
(bidang Tenaga)



Profesor Dr. Meisam Tabatabaei
(bidang Tenaga)



Profesor Ts. Dr. Mohammad bin Ismail
(bidang Tenaga)



Profesor Dr. Mhd. Ikhwanuddin bin Abdullah
(bidang perikanan)



Profesor Dr. Mohammed Yusuf Chisti
(bidang bioteknologi)



Profesor Dr. Mohd Lazim bin Abdullah
(bidang pemprosesan imej dan kepintaran buatan)



Prof. Madya Dr. Amin Beiranvand Pour
(bidang kejuruteraan geologi dan geomatik)



Profesor Dr. Yusliza binti Mohd Yusoff
(bidang pengurusan dan perniagaan)



Profesor Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail
(bidang botani dan biologi tanaman)



Prof. Madya Ts. Dr. Norizah binti Mhd. Sarbon
(bidang sains makanan)



Ts. Dr. Wan Adibah binti Wan Mahari
(bidang sains sekitaran)

UMT Hargai Penyelidik Melalui Majlis Anugerah Penyelidikan & Inovasi (MAPI 2023)

Majlis Apresiasi Penyelidikan dan Inovasi 2023 (MAPI 2023) telah dilaksanakan pada 10 Julai 2023 di Raia Hotel & Convention Centre, anjuran bersama Pejabat Pengurusan Penyelidikan (RMO) dan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC). MAPI 2023 dilaksanakan bagi mengiktiraf kecemerlangan dan pencapaian ahli akademik dalam penyelidikan, penerbitan inovasi di samping anugerah khas kepada pensyarah yang menyumbang kepada kecemerlangan universiti khasnya kepada pencapaian MyRA UMT. Secara keseluruhan, seramai 311 orang penyelidik UMT menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan pada majlis ini.





Pusat Selam Skuba UMT (UMT Diving School) Cipta Rekod Malaysia Book of Records (MBOR) melalui program RHB-UMT Bidong Summit 2023

Pusat Selam Skuba UMT (UMT Diving School/ UMTDS) merupakan salah satu fasiliti sokongan penyelidikan utama yang beroperasi di Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT Pulau Bidong (SPAM). Pada 15 Julai 2023, UMTDS telah berjaya mencipta Rekod Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi program kerjasama RHB-UMT Bidong Summit 2023. Melalui program ini, seramai 38 peserta daripada RHB Islamic Bank Berhad telah dilatih dalam program pelesenan selam skuba dan ia menjadi rekod program pelesenan selam skuba dengan paling ramai peserta pernah diadakan di Malaysia.


National Record

This Is To Certify That

RHB ISLAMIC BANK BERHAD

is listed in

THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

for organizing the

MOST PARTICIPANTS IN A SIMULTANEOUS SCUBA DIVING LICENSE PROGRAM

Total : 38 Participants

Date : July 15, 2023

Venue : UMT Diving Centre, Pulau Bidong, Terengganu

In collaboration with UMT Diving School for RHB-UMT Bidong Summit 2023

TAN SRI DATUK DANNY OOI

DATO' SERI (DR) MICHAEL YIO







PENGIKTIRAFAN PENERBITAN BUKU TERBITAN PENERBIT UMT

UMT sentiasa komited dalam menghasil dan menerbitkan karya berkualiti dan berimpak tinggi. Hasilnya, pada tahun 2023 UMT telah menerima beberapa pengiktirafan di peringkat kebangsaan.



Anugerah Akademik Negara





Anugerah Penerbitan
Prof. Dr. Shamsul Bahri Abdul Razak
Hadiah: RM50,000.00 dan trofi

Majlis Anugerah Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
22 November 2023



Anugerah Utama

Anugerah Penerbit Harapan Tahun 2021

Penerbit UMT

**Anugerah disampaikan pada tahun 2023*

Buku Ilmiah Terbaik 2021 (Kategori Kemanusiaan dan Sains Sosial):

Parliament and Deliberative Practice Malaysia under Barisan Nasional

Prof. Madya Dr. Nazli bin Aziz

**Anugerah disampaikan pada tahun 2023*



Anugerah Penghargaan Jurnal Indeks Antarabangsa: *Effect of Thermo-Photocatalytic Process Using Zinc Oxide on Degradation on Micro/Micro-Plastic in Aqueous Environment*

- Dr. Nurul Ashraf binti Razali,
- Dr. Wan Razifah binti Wan Abdullah@Wan Abd. Rahman
- Nurafiqah binti Mohd Zikir

Jurnal: *Journal of Sustainability Science and Management (JSSM)*



Anugerah Buku Negara 2023
22 November 2023

Anugerah Pengajian Tinggi – Buku Perikanan Terbaik:
Marine Fishes of Kuantan Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS)

Penyunting:

- Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd. Ghaffar
- Prof. Madya Dr. Seah Ying Giat
- Mohd Sharol bin Ali
- Dr. Tun Nurul Aimi binti Mat Jaafar





PENGANJURAN FORUM KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

National Maritime Conference @ LIMA 2023

Pusat Tadbir Urus Lautan (Centre Ocean Governans-COG) INOS, UMT telah diberikan penghormatan sebagai hos bersama bagi penganjuran persidangan bersempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA'23). Persidangan bertemakan "Malaysia a Maritime Nation: Steering the Course" anjuran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersama UMT ini telah dirasmikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan. Fokus persidangan ini menjurus kepada tadbir urus lautan, keselamatan dan kelestarian geostrategik serta pembangunan maritim negara semasa dan masa hadapan.









Seminar on Live Food Culture and Application in Aquaculture 2023

"National Seminar on Live Food Culture and Application in Aquaculture 2023" telah diadakan pada 27 Julai 2023 di DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside. Seminar ini memfokuskan kepada topik yang penting dalam keterjaminan makanan negara pada masa kini. Seminar Live Food dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (JPM) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) dan Agri-Biotechnology Institute (ABI) disertai oleh pengusaha industri akuakultur tempatan.





International Forum on Antarctica and Climate Change

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) sekali lagi memberikan kepercayaan kepada UMT menganjurkan "International Forum on Antarctica and Climate Change" yang diadakan pada 3 Ogos 2023 di UMT. Forum ini turut dihadiri oleh Prof. Dr. Martin J. Siegert, saintis tersohor yang dilantik sebagai Penyandang Kursi Sains Antartika Sultan Mizan YPASM-UMT ke Malaysia. Forum bertemakan "Exploring Polar Science and Climate Resilience" ini menghimpunkan pakar, penyelidik dan peminat untuk menyelidik isu kritikal yang mengelilingi antartika dan kesannya terhadap perubahan iklim global.







Seminar Artemia Research & Production

"Artemia Research and Production Seminar: Exploring Translational Advancements, Global Perspectives and Shared Benefits" telah diadakan pada 28 Julai 2023 di DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside. Seminar yang dirasmikan oleh TYT Peter Van Acker, Duta Besar Belgium ini merupakan seminar di bawah program International Artemia Aquaculture Consortium (IAAC) menerusi kerjasama penyelidikan bersama Ghent Universiti dan Food and Agriculture Organization (FAO) serta beberapa institusi lain termasuk pengusaha industri akuakultur tempatan. Seminar ini menjadi platform program pemindahan ilmu dalam pengkulturan artemia daripada pakar-pakar penyelidik dalam dan luar negara kepada pegawai agensi kerajaan terutamanya Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), penternak akuakultur serta komuniti setempat.





Simposium Antarabangsa Perikanan dan Marin

UMT bersama Universitas Hasanuddin (UNHAS) telah menganjurkan 6th International Symposium on Marine and Fisheries pada 11 Jun 2023 di Makassar Indonesia. Bertemakan "Strengthening the SDGs through Marine and Fisheries Innovations", persidangan ini telah dihadiri lebih 180 peserta dari seluruh dunia. Simposium ini turut menyaksikan pemeteraian semula jalinan kerjasama Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara UMT dan UNHAS yang bertujuan memacu kecemerlangan penyelidikan bidang kelautan dan perikanan serantau.





KOLABORASI PENYELIDIKAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Kerjasama Projek Marin Spatial Planning (MSP) Semenanjung Malaysia Diperluas ke Negara China

COG INOS telah menjalin kerjasama antarabangsa dengan Fujian Institute for Sustainable Ocean, Xiamen University, China (FISO, XMU) bagi memperkasakan keupayaan projek rintis pertama di Semenanjung Malaysia berkaitan pengurusan Marine Spatial Planning (MSP) Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, menerusi dana China Oceanic Development Foundation (CODF) yang disalurkan melalui Ocean Environment Science and Technology Co. Ltd. (OEST). Melalui kerjasama ini, pelbagai aktiviti penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi telah dilaksanakan. Antaranya, Program Penyelidik Pelawat di Xiamen University, Seminar Marine Spatial Planning, Lawatan Kerja oleh FISO ke Kuala Terengganu, Bengkel Pengezonan MSP bersama pemegang taruh FISO-XMU, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT), latihan pelaksanaan MSP di Xiamen University serta Program Sangkutan Pelajar ke Xiamen. Dalam usaha memperkasakan projek MSP ini, UMT telah menjalin kerjasama bersama PLANMalaysia dan melantik Ketua Pengarahnya TPr Dr. Alias Rameli sebagai Felo Penyelidik Utama Pelawat INOS.







Penubuhan Pusat Penyelidikan Bersama Antarabangsa UMT-STU China

HICoE AKUATROP, UMT telah menjalin kerjasama bersama Institute of Marine Biotechnology, Shantou University (STU), China sejak tahun 2018 lagi melalui STU-UMT Joint Shellfish Research Laboratory. Pada tahun 2023, kerjasama ini diperkukuhkan lagi dengan penubuhan "International Joint Research Centre for the Development and Utilization of Importance Mariculture Varieties Surrounding the South China Sea Region" di Shantou University. Penubuhan pusat penyelidikan ini dibiayai melalui peruntukan tahunan daripada Kerajaan Guangdong Province bernilai RM662,752.94 untuk tempoh satu tahun.

UMT-STU merupakan dua institusi pendidikan tinggi yang menjalankan penyelidikan dan mempunyai bidang tujahan yang hampir sama iaitu kajian yang melibatkan aktiviti penyelidikan dalam bidang mikroplastik, mamalia marin, kajian bencana ekosistem marin dan sebagainya. Peluang untuk meneruskan kerjasama ini amatlah bertepatan dengan hasrat UMT dan STU untuk membantu dalam pemuliharaan ekosistem dan alam sekitar di samping mendukung aspek pembangunan keterjaminan makanan di negara masing-masing.





Makmal Bersama Pengkomersialan Ketam dengan Taiwan

Melalui geran tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Taiwan, UMT melebarkan jaringan kolaborasi penyelidikan ke Taiwan dengan menandatangani kerjasama bersama Syarikat Opportunity Biotechnology Private Limited Co. (OPPTY) dan National Taiwan Ocean University (NTOU).


Kerjasama antarabangsa ini memfokuskan kepada khidmat rundingan syarikat pemula UMT bersama OPPTY yang memberikan tumpuan secara komprehensif berkaitan teknologi penternakan ketam, program pembiakbakaan, perkhidmatan latihan serta penubuhan "UMT-OPPTY Joint-laboratory" untuk manfaat pelajar, kakitangan serta komuniti.





Manakala kerjasama UMT dan NTOU melibatkan pembangunan program pascasiswazah, program pembinaan kapasiti dalam semua bidang berkepentingan, kolaborasi penyelidikan, penganjuran Summer Camp serta pelbagai lagi projek anjuran bersama. Memandangkan UMT mempunyai bidang tujahan yang sama dengan NTOU, kerjasama ini dijangka dapat memberi manfaat inklusif secara langsung kepada kedua-dua belah pihak.

Memorandum yang telah ditandatangani ini membuktikan komitmen UMT dalam menjalankan penyelidikan berkaitan ilmu kelautan dan sumber akuatik serta keperluan makanan masa hadapan (future food) demi menyahut seruan kerajaan bagi memenuhi keperluan jaminan makanan (food security) untuk sektor perikanan dan akuakultur negara.





KESIMPULAN

UMT telah mempergiatkan pelbagai usaha di peringkat nasional mahupun antarabangsa dalam memperkasakan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan perundingan serta memantapkan inovasi yang turut menjadi tunjang utama aktiviti universiti. Pencapaian UMT dalam penghasilan output penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi terus meningkat apabila meraih pelbagai pengiktirafan dalam negara serta peringkat antarabangsa. Pencapaian 2023 juga merupakan pemangkin buat UMT untuk terus bergerak ke hadapan bagi mencapai matlamat menjadi sebuah universiti yang lebih berfokus dalam menghasilkan karya penyelidikan berkualiti seterusnya terus komited dalam usaha meningkatkan penyelidikan berimpak dalam bidang tujahan UMT.

FAKTA DAN ANGKA

178
Projek Penyelidikan Baharu

RM18,167,308
Nilai Perolehan Geran

1,311
Penerbitan Artikel Terindeks dan Prosiding

557 (47%)
Jumlah & Peratus Penerbitan Artikel dalam WoS Q1/Q2

1.88
Nisbah Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks Per Pensyarah

52,604
Jumlah Sitasi (SCOPUS) bagi Tempoh 5 Tahun ke Belakang

85.1
Jumlah Sitasi (SCOPUS) Per Pensyarah

9 produk
Telah Dilesenkan Kepada Industri

7 Produk
Telah Dikomersilkan &

4
Syarikat Pemula Ditubuhkan

94 Harta Intelek
Telah Didaftarkan

2 Paten
Telah Diluluskan

RM14.3juta
Projek Keterbaharuan Tenaga (RE) Tajaan

PETRONAS

RM1.7juta
Dana Tajaan Syarikat Antarabangsa bagi Projek

Konservasi Terumbu Karang

RM4 juta
Projek Ekonomi Biru Geran Tajaan

EU Erasmus



PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI




PEMBANG
PELAJAR
ALUMNI


PENGENALAN

UMT bingkas memperkasa mahasiswanya dalam melahirkan graduan yang seimbang dari segi keterampilan, semangat patriotik, berdisiplin serta mampu berfikir secara kritis dan kreatif ke arah pembentukan modal insan negara yang mempunyai personaliti unggul dan holistik. Selain itu, peranan aktif yang dimainkan oleh alumni turut mempengaruhi kecemerlangan dan pemerkasaan mahasiswa khususnya melalui perkongsian kepakaran dan lain-lain.



KEBAJIKAN PELAJAR

Kebajikan dan kesejahteraan pelajar merupakan antara perkara asas yang perlu diberi keutamaan oleh pihak universiti. Justeru, pelbagai bentuk bantuan dan pembiayaan disediakan kepada pelajar seperti bantuan siswa B40, bantuan pengajian, bantuan sara hidup, bayaran bil rawatan hospital dan lain-lain. Inisiatif ini membuktikan komitmen UMT dalam menyantuni para pelajar sebagai pemegang taruh utama universiti. Selain sumber dalaman, UMT turut menerima sumbangan bantuan pelajar daripada beberapa agensi luar seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Yayasan Pelajaran MARA (YPM), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Yayasan Kebajikan Siswa dan pelbagai lagi.





UMT
SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN
AMANAH PELAJAR
KHAIRAT KEMATIAN
RM 1,500.00
8 SEPTEMBER 2023
HepaUMT





Program SULUNG 2.0

"SULUNG" adalah singkatan nama bagi Program Pembangunan Siswa Sulung. Program ini bertujuan membantu golongan keluarga B40 yang mempunyai anak yang ditawarkan melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda. Pelaksanaan program ini telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi ketika itu, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Kriteria penerima siswa SULUNG mestilah individu pertama daripada keluarga B40 yang ditawarkan masuk ke Universiti Awam (UA) bagi pengajian peringkat ijazah sarjana muda. Penerima juga hendaklah mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.0 bagi program Matrikulasi/ Asasi/ Diploma/ setaraf atau pangkat Jayyid Jiddan dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Manakala bagi pelajar sedia ada, mereka perlu memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 3.0 dan bukan penerima mana-mana biasiswa penuh.






#HEPABINGKAS
OfficialUMT
MEDIA KREATIF
m.sharwan@umt.edu.my


#UMTHEBAT
OfficialUMT



MEMBINGKAS PRAKARSA KE ARAH PEMERKASAAN MAHASISWA

Kanvas Siswa Madani@UMT

Kanvas Siswa Madani@UMT merupakan platform program berimpak tinggi yang berteraskan komuniti dan keusahawanan sosial. Kanvas Siswa Madani bermatlamat merakyatkan mahasiswa UMT dengan komuniti melalui sembilan program berjenama bermula November 2023 hingga Februari 2024. Kanvas Siswa Madani@UMT adalah bercirikan tiga elemen utama iaitu Dipacu Mahasiswa (Student Driven), Berteraskan Komuniti (Community Based) dan Keusahawanan Sosial (Social Enterprise). Pelbagai program dirangka oleh UMT melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) sepanjang tahun 2023 bagi menyahut saranan pembangunan dan pemerkasaan mahasiswa. Antara program yang dirancang adalah Kursus Pengurusan Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab dan Persatuan, Seminar Kasih Kaunseling (Advokasi Gangguan Seksual), Kursus Psychological First Aid, University Young Motivator Competition, Kursus Asas Mahasiswa Sejahtera International Youth Summit Leader dan lain-lain.

Kanvas Siswa Madani turut mengambil kira Program Keserakanan enam UA iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



Anugerah Ikon Siswa

UMT telah mengadakan Anugerah Ikon Siswa (AIS) 2023 bertujuan mengiktiraf bakat mahasiswa yang bukan sekadar cemerlang dari segi akademik bahkan dalam beraktiviti dan berkarya. Anugerah ini juga merupakan galakan kepada mahasiswa yang cemerlang dalam kepimpinan melalui penglibatan dalam pelbagai program pembangunan insaniah. Sebanyak 15 anugerah dipertandingkan dengan dua anugerah utama iaitu Anugerah Ikon Siswa UMT dimenangi oleh Saudari Munirah binti Mansor, pelajar tahun tiga, Sarjana Muda Kaunseling dan Anugerah Bingkas Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMT pula diraih oleh Nur Izzati binti Yusri, pelajar tahun tiga, Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim). AIS 2023 telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Dr. Azlinda binti Azman.



Advokasi Undi18

Advokasi Undi18 merupakan sebuah program wacana minda bagi menerapkan kefahaman berkaitan politik dan demokrasi sebenar. Program anjuran Felo Penyelidik Unit Literasi dan Advokasi Politik serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT ini mendedahkan golongan muda kepada pengertian politik secara lebih meluas, etika dan tatacara politik matang serta menganalisis isu semasa agar wujud rakyat celik atau literasi politik. Program ini menampilkan dua orang panel iaitu Ketua Felo Penyelidik, Unit Literasi dan Advokasi Politik (ADVOKASI@UMT), Profesor Madya Dr. Yusri bin Ibrahim, dan Dr. Nizamudin bin Alias, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) manakala Naib Yang Dipertua MPP UMT, saudari Nurul Aziah binti Bashah bertindak sebagai moderator.





Wacana Khas Pemerkasaan Mahasiswa: Apa dan Bagaimana?

Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat Tahun 2023 telah menyentuh tentang pemerkasaan mahasiswa yang perlu diberi lebih banyak tanggungjawab dan ruang membuat keputusan, kepercayaan dan mandat untuk membuka perniagaan, menguruskan kewangan persatuan dan merencana sendiri cara mereka bekerja serta memperjuangkan agenda mahasiswa. Bagi menyahut aspirasi ini, UMT menganjurkan program Wacana Mahasiswa: Apa dan Bagaimana bagi memberikan pendedahan dan penerangan semasa berkaitan agenda yang dilaksanakan dan direncanakan oleh KPT.







Pemimpin Pelajar Sertai Sidang Parlimen Mahasiswi Kebangsaan, Rintis Mahasiswa Unggul Malaysia (RMUM) 2023

Penyertaan MPP UMT dalam Sidang Parlimen Mahasiswi Kebangsaan memberi pendedahan dan latihan kepimpinan kepada mereka yang berperanan sebagai pemimpin muda di universiti. program ini membuka ruang dan peluang kepada mahasiswi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menyuarakan dan membahaskan secara intelektual dan berhemah tentang isu berhubung mahasiswa. Program yang telah berlangsung pada 26-27 Oktober 2023 di Universiti Utara Malaysia (UUM) ini menyaksikan dua orang pemimpin pelajar UMT telah dipilih sebagai pembahas terbaik. Mereka ialah saudari Nur Aziah binti Bashah, Naib Yang DiPertua MPP UMT yang dinobatkan sebagai Pembahas Terbaik Keseluruhan dan Nur Zuliana binti Zulkarnain, Exco Pembangunan Alumni, MPP UMT sebagai Pembahas Terbaik Usul Pertama.





Pilihan Raya Kampus Sesi 2023/2024

UMT telah mengadakan Pilihan Raya Kampus bagi memilih anggota Majlis Tertinggi (MT) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2023/2024. Seramai 35 orang calon layak bertanding bagi merebut 18 buah kerusi fakulti dan umum. Sesi pengundian yang bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang ini menyaksikan peratusan membuang undi sebanyak 53.09%.





Penyertaan dan Pertandingan Inovasi Pelajar

Minggu Penyelidikan Inovasi 2023 (MPI 2023) yang telah berlangsung pada 29-30 Mei 2023 merupakan kolaborasi anjuran bersama tiga buah universiti iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Kolej Universiti TATI (UCTATI). Melalui pertandingan ini, pasukan UMT telah memenangi empat pingat emas, enam pingat perak dan dua pingat gangsa.





Pengantarabangsaan Mahasiswa

Bagi mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran pada era digital dan globalisasi sejajar dengan konsep "think globally, act locally", UMT telah memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk menyerlahkan diri dalam pelbagai program di peringkat antarabangsa. Pendedahan global akan memberi dampak besar kepada peningkatan kemahiran dan keyakinan pelajar terutama dalam aspek komunikasi, kemahiran berfikir aras tinggi serta elemen dalam kemahiran insaniah.



Empat orang pelajar terpilih untuk membentangkan kertas kerja di Regional Student Leadership Summit 2023, Universitas Negeri Padang, Indonesia, pada 21-25 September 2023.



Seorang pelajar terpilih sebagai Felo Akademik di bawah Young South East Asia Leadership Initiative (YSEALI) di East-West Center, Amerika Syarikat.



Seorang pelajar UMT terpilih untuk mewakili negara ke XXVI Ordinary Session of the Asian-Pacific Federation of Clubs and Associations (AFUCA) for UNESCO Executive Board Meeting and the International Raising Awareness Seminar on Education for Sustainable Development yang berlangsung di Kazakhstan pada 1-4 April 2023.



Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK), UMT dan Majlis Penghuni Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (MPKKTTF), UniMAP telah mengadakan lawatan ke Consulate General of Malaysia dan Universiti Thaksin bertempat di Songkhla, Thailand.

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN & KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Keusahawanan Pelajar dan Graduan

Tahun 2023 merupakan tahun keempat pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan UMT 2021-2025. Menerusi pelbagai inisiatif yang digariskan, UMT melalui Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UMT (UMT-GEM) telah melaksanakan serta menyertai pelbagai program/aktiviti/pertandingan dalam usaha membudayakan ekosistem keusahawanan sebagai pilihan kerjaya selain mengasah kemahiran para pelajar.



Program Digital Innovation Creativepreneur (DICE)



Real Innovation Business Challenge@PUNB



National Micro Enterprise Pitching Competition (NMEPC)



Program Innovation and Technology Challenge



Bengkel Pendigitalan Usahawan Terengganu: Asas Canva



Seminar 'How to Start a Business'



Seminar 'Career Spotlight: Multimedia Specialist'



Program Hasil Your Tax Buddy



Webinar Learning Soft Skill with Adobe Photoshop



Pertandingan Debat Piala Naib Canselor 2023 (DPNC'23)



Siswa Transformation Entrepreneurship Programme (STEP)



Bengkel Microsoft Office Excel



Webinar How to be a TikTok Affiliator



Program Bank Rakyat Unipreneur 2.0.



Program Siswazah Usahawan Digital Terengganu (SISDIT)



TikTok Shop Workshop



Program University to Community (UTC) 2.0



PETRONAS BeDigital Bootcamp



Career Entrepreneurship and Skills Festival 2023 (CESF'23)



KPS Ekovative Challenge 2023!



Nescafe Young Entrepreurship Programme (NYEP) 2023



Projek Keusahawanan MySiswa

Career, Entrepreneurship and Skills Festival 2023 (CESF'23)

CESF'23 telah dianjurkan pada Disember 2023 dengan kerjasama strategik bersama beberapa agensi seperti Terengganu Human Resource Development Centre (THRDC), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Penganjuran CESF'23 bertujuan untuk menghubungkan graduan dengan industri serta agensi yang menawarkan khidmat bimbingan dan geran keusahawanan di samping mengintai peluang pekerjaan, menampilkan tokoh-tokoh keusahawanan sebagai sumber inspirasi seterusnya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan serta menawarkan program persijilan yang diiktiraf oleh badan bertauliah kepada graduan UMT.




Kebolehpasaran Graduan


Kebolehpasaran graduan merupakan antara Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada semua UA dengan sasaran di peringkat kebangsaan ialah sebanyak 90.2%. Pada tahun 2023, UMT berjaya mencapai 91.5%, melebihi sasaran yang ditetapkan.


Pencapaian ini adalah hasil pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh seluruh warga UMT bagi meningkat pengetahuan dan kemahiran insaniah pelajar. Daripada 2,372 responden, seramai 2,170 graduan telah bekerja usai pengajian di UMT.

Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023 bagi mempersiapkan graduan menghadapi dunia selepas pengajian adalah seperti Karnival Kerjaya Universiti Awam, Kaunseling Kerjaya, *upskilling/ reskilling* dan program-program kesusahawan.









SUKAN DAN REKREASI

Penyertaan dalam pelbagai kejohanan sukan merupakan salah satu strategi dalam memperkasa jati diri pelajar. Kemampuan fizikal, taktikal dan mental pelajar terserlah dalam pelbagai acara sukan yang disertai. Pingat dan kemenangan menjadi bonus dalam setiap penyertaan sukan, namun semangat dan keyakinan diri serta pengalaman yang diperoleh merupakan sesuatu yang lebih bermakna. Justeru, pada tahun 2023, UMT terus menggalakkan pelajar menyertai pelbagai kejohanan dan acara sukan tempatan dan antarabangsa.

14 PENYERTAAN KEJOHANAN SUKAN UTAMA IPT

1	6	7
Emas	Perak	Gangsa

20 PENYERTAAN KEJOHANAN SUKAN JEMPUTAN LUAR/TERBUKA

4	8	12
Emas	Perak	Gangsa

Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)	Junior Cycling Malaysia 2023	International Championship Pencak Silat Kepulauan Riau	Varsity Track and Field Championship (Grand Final) 2023	1st Hosyi Ryu Open Karate Championship
Penang Invitational Judo Championship 2023	Grand Final Varsity Takraw League 2023	1st Pahang Taekwondo Open Championship 2023	Negeri Sembilan Indoor Rowing Championship	Futsal IPT (Liga Premier) 2023











International Monsoon Beach Challenge 2023 Manifestasi UMT Pelopor Sukan Pantai IPT

UMT telah menganjurkan 5th International Monsoon Beach Challenge 2023 (IMBC2023) pada 15-18 November 2023 bertempat di pesisir Pantai UMT melibatkan 1,500 orang terdiri daripada komuniti setempat dan pelajar universiti termasuk peserta antarabangsa daripada Prince of Songkla Universiti, Thailand. Antara acara yang dipertandingkan adalah bola tampar, bola sepak dan bola jaring pantai, memancing serta acara sukaneka. Penganjuran IMBC2023 yang merupakan program pertama di bawah Kanvas Siswa Madani@UMT ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah, Pembangunan Sukan, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Dr. Hj. Nasree Najmee.

IMBC2023 merupakan acara yang menjadi medan latihan berprestasi tinggi bagi sukan bola tampar dan juga platform pemilihan atlet ke Sukan Universiti ASEAN 2024. Kejohanan ini turut mendapat tajaan daripada syarikat luar seperti MAXIS dan XOFI Sdn. Bhd.







Pembangunan Kompetensi Sukan Pelajar

Pada tahun 2023, seramai 97 orang pelajar telah menerima sijil kepegawaian sukan seperti sukarelawan, pengurusan acara, kursus sains sukan, pegawai teknikal, wasit juri dan pengadil sukan. Mereka terdiri daripada atlet dan bukan atlet yang berminat dalam pembangunan serta aktiviti sukan. Seramai 10 orang pelajar telah lulus sebagai pengadil bola tampar dan 12 orang pelajar telah lulus dalam Kursus Wasit Juri (Pencak Silat Kebangsaan). Empat orang dalam kalangan mereka telah bertugas di Kejohanan Silat Kebangsaan di Kuala Nerus pada Disember 2023 yang lalu.

Selain itu, seramai 16 orang pelajar telah lulus Kursus Sains Sukan Tahap 1 yang melayakkan mereka mengambil kursus Lesen Kejurulatihan atau Kepengadilan Sukan Tahap 1, Peringkat Kebangsaan.









KAUNSELING DAN KESEJAHTERAAN PELAJAR

Dasar dan Pelan Perkhidmatan Kaunseling Negara sedang dirangka dalam usaha meningkatkan akses perkhidmatan kaunseling dan mengurangkan stigma masyarakat terhadap mereka yang mendapatkan perkhidmatan itu. Peranan kaunselor dan kaunseling kini dilihat sebagai satu keperluan penting dalam situasi masyarakat yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai tekanan kehidupan terutamanya isu yang memberikan kesan mendalam terhadap kesihatan dan kesejahteraan mental. Oleh itu, UMT melalui Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa (PKKM) telah menawarkan khidmat kaunseling dan pembangunan kendiri secara bersemuka dan dalam talian melalui WEBEX, Facebook dan platform lain yang bersesuaian. Perkhidmatan kaunseling yang dijalankan meliputi sesi kaunseling individu dan kelompok, sesi bimbingan, sesi kaunseling rujukan serta konsultasi. Secara keseluruhan, sebanyak 1,186 perkhidmatan kaunseling telah dijalankan pada tahun 2023 melibatkan isu peribadi, keluarga, kesihatan, kewangan, kerjaya, pengajian dan sosial.





Program University Young Motivator Competition (U-MAC)

University Young Motivator Competition (U-MAC) merupakan program tahunan yang dijalankan UMT bertujuan untuk melahirkan motivator muda dalam kalangan mahasiswa UMT. Johan dan Naib Johan bagi program U-MAC telah mewakili UMT menyertai pertandingan peringkat kebangsaan iaitu Intervarsity Young Motivator Competition (IMAC). Ikon motivator ini akan dilatih untuk menyampaikan motivasi bagi menimba pengalaman dan mengasah kemahiran insaniah yang boleh diketengahkan. Impak daripada latihan yang diberikan kepada ikon motivator muda ini secara tidak langsung membantu meningkatkan citra pelajar UMT.






Selain itu, PKKM juga telah melaksanakan Kursus Pencegahan Bunuh Diri dengan kerjasama Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). Program ini dilaksanakan pada 19 Oktober 2023 sempena sambutan Bulan Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan pada bulan September 2023 bertemakan 'Bertindak Segera Harapan Terbina'. Kursus ini telah dirasmikan oleh Ketua Perkhidmatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Negeri Terengganu, YBrs. Dr. Tuan Sharipah binti Tuan Hadi. Kursus ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pencegahan terhadap isu bunuh diri daripada terus berlaku dalam kalangan mahasiswa.





Indeks Kesejahteraan Pelajar (IKP)

Mental yang sihat membantu pelajar mengawal emosi dan dapat bersosial dengan baik sekali gus melahirkan individu yang seimbang dari segi emosi, sosial, intelek dan jasmani. Tekanan perasaan merupakan satu bentuk kecelaruan emosi yang kerap berlaku pada masa kini. Ia menyebabkan berlakunya beberapa perubahan tingkah laku dan tubuh badan seperti menjejaskan kesihatan fizikal, gangguan emosi dan psikologi serta kemerosotan prestasi pelajar. Justeru, Indeks Kesejahteraan Pelajar (IKP) telah dibangunkan bagi mengenal pasti tahap kesejahteraan pelajar UMT dan merangka modul kesejahteraan serta intervensi yang bersesuaian bagi membentuk kesihatan mental pelajar yang positif. Enam indikator kesejahteraan yang difokuskan dalam pembangunan IKP iaitu psikologi, spiritual, kewangan, fizikal, intelektual dan sosial.



Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat UMT

Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat UMT telah diadakan pada 12 Oktober 2023 dengan tema 'Minda Madani, Masyarakat Harmoni' #Kami Dengar Kami Bantu. Program ini merupakan anjuran bersama PKKM dan Lembaga Kaunselor Malaysia dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dan Persatuan Kaunseling (PEKA), UMT. Pelaksanaan program ini merupakan inisiatif UMT untuk menghapuskan stigma negatif terhadap perkhidmatan kaunseling masyarakat khususnya pelajar UMT agar lebih terbuka untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat UMT

- Jelajah Kaunseling D'Hati Rakyat
- Perasmian Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat UMT
- Hari Pengujian Psikologi
- Therapy Day
- WebCARE: Manusia Delusi antara Perspektif atau Realiti,
- Kursus Pencegahan Bunuh Diri: Bertindak Segera, Harapan Terbina
- Talk @ 30 Minutes: Bahagia Cara Kita
- Forum Suratku Buatmu







KOLEJ KEDIAMAN CAKNA PELAJAR

Keprihatihan UMT terhadap kesejahteraan dan keselesaan pelajar juga dizahirkan melalui pelbagai inisiatif yang telah disediakan melalui Kolej Kediaman UMT. Penginapan yang selesa dan selamat, kemudahan dobi serta penyediaan penginapan kepada pelajar luar kampus merupakan antara projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2023.



35
projek pembangunan dan penyelenggaraan fasiliti



8
rumah dobi layan diri dibina



3
unit rumah dua tingkat dibeli untuk penginapan

Selain itu, Kolej Kediaman melalui Felo Kolej Kediaman (FKK), Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK) dan Jawatankuasa Perwakilan Luar Kampus (JPLK) telah melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan pelajar bagi membantu universiti melahirkan graduan cemerlang, perkasa, holistik dan seimbang.











Program dan Aktiviti Kolej Kediaman

Colors of Korea: Student Council Autumn Delegation 2023

Lawatan Penanda Aras ke Universiti Thaksin, Thailand

Aktiviti Kemasyarakatan di Pondok Pauh Kumbang, Yala, Thailand

Program Candat Sotong Universiti Awam Luar Kampus 2.0

Pengurusan Krisis dan Keselamatan Kebangsaan (P3K)

Ziarah Cakna JPLK 2.0

Jom Ronda 7.0

Penubuhan Kedai Gunting Rambut (Lelaki) / Barbershop - Gurindam Jiwo





PEMERKASAAN ALUMNI

Sehingga tahun 2023 seramai 39,478 orang Alumni UMT berjaya direkodkan melalui sistem e-Alumni. Daripada jumlah ini, seramai 15,671 (39.7%) alumni mempunyai rekod data kerjaya yang lengkap. Selari dengan Pelan Hala Tuju Alumni 2023-2027 (PEHTA 2023-2027), pelbagai program telah dilaksanakan bagi mengukuhkan jalinan Alumni UMT agar mereka bersama-sama menyumbang khususnya dalam pembangunan universiti dan pelajar.

Sebanyak 56 program melibatkan 841 orang alumni telah dilaksanakan manakala sejumlah RM47,057.00 telah diterima oleh UMT hasil sumbangan alumni sepanjang tahun 2023. Bagi menghargai alumni yang sentiasa menyokong UMT, Tabung Kebajikan dan Penyumbangan Kembali Alumni telah diwujudkan dalam usaha membantu alumni yang ditimpa musibah. Antara bentuk bantuan yang diberikan adalah sumbangan kematian alumni, kemalangan diri, kemusnahan harta benda serta bantuan misi kemanusiaan dan bantuan kepada bakal alumni (pelajar).

"The Silver Ring of UMT Alumni"

Buat julung kalinya, UMT telah memperkenal dan menganugerahkan cincin Alumni, The Silver Ring of UMT Alumni kepada 69 orang graduan (alumni) semasa Majlis Konvokesyen UMT Ke-21. Mereka terdiri daripada penerima anugerah utama universiti dan graduan cemerlang bagi setiap program pengajian di fakulti. Penganugerahan cincin ini menjadi simbol semangat kekitaan dalam kalangan alma mater seterusnya melebarkan jaringan sebagai Duta UMT.








Majlis Anugerah Ikon Alumni 2022 (MAIKA '22)

MAIKA '22 yang telah berlangsung pada 27 Ogos 2023 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT merupakan program kelolaan Pusat Alumni dengan kerjasama strategik melibatkan Persatuan Alumni UMT (PAUMT) dan Penyelaras Alumni di setiap fakulti. Program ini menghimpunkan alumni bermula era Universiti Pertanian Malaysia Terengganu (UPMT), Kolej Universiti Terengganu (KUT), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan UMT bagi mengiktiraf peranan, sumbangan dan kecemerlangan dalam pelbagai kategori. Program ini turut menyaksikan Pelancaran Tabung Kebajikan dan Penyumbangan Kembali Alumni serta Pelancaran Lagu Alumni UMT "Kun Mahabbah Wangsa".





Hari Bersama Industri dan Alumni

UMT telah mengadakan program Hari Bersama Industri dan Alumni bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT pada 8-9 November 2023. Ia dihadiri seramai 520 orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), 19 orang penceramah dalam kalangan alumni UMT dari industri yang berbeza serta empat penaja dari industri untuk pameran kerjaya. Selain itu, empat syarikat turut hadir bagi menemuduga calon secara bersemuka dan dalam talian untuk menawarkan penempatan pekerjaan kepada alumni iaitu Permula Sdn. Bhd., Amspec Inspection Malaysia, Aztec Sinar Sdn. Bhd. dan Airestec Innovation Sdn. Bhd.





KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Slogan "Mengakar Budaya, Menzahir Seni" menggambarkan inisiatif UMT dalam mengangkat seni dan budaya bangsa untuk diwarisi oleh golongan muda khususnya dalam kalangan pelajar UMT. Pelbagai program kebudayaan dan kesenian telah dilaksanakan dengan penglibatan pelajar yang turut menyumbang kepada keterlihatan citra UMT di mata masyarakat.



Pelajar UMT Mewakili Malaysia ke International Folk Dance Vitosha

Kumpulan Kesenian Persadatari UMT mendapat kepercayaan Badan Gabungan Tari Malaysia untuk menyertai International Folklore Festival Vitosha bertempat di Sofia, Bulgaria pada 15-20 Julai 2023. Pertandingan bertaraf antarabangsa yang disertai oleh 20 buah negara ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu tarian campuran, duo dan kumpulan antarabangsa berteraskan tari rakyat. UMT yang mewakili Malaysia menerusi dua orang pelajar iaitu Noor Afrina binti Nor Azemi, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dan Nur Izzah binti Mohd Khair, Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) telah berentap dalam kategori duo dengan mempersembahkan tarian "Anak Burung Baniong". Lebih membanggakan, mereka telah mengharumkan nama Malaysia dan UMT apabila dinobatkan sebagai Juara Duo Campuran, Ketiga Terbaik Keseluruhan dan Persembahan Terbaik.





Bicara Semarak Merdeka 'Jiwa Anak Malaysia: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan'

Program yang telah diadakan pada 13 September 2023 ini memfokuskan kepada aspirasi, tekad serta komitmen pemimpin bersama rakyat Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki perpaduan yang jitu, saling bertoleransi dan bermuafakat untuk membina kehidupan yang harmoni. Antara panel yang terlibat dalam Bicara Semarak Merdeka ini ialah Profesor Universiti Islam Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Warisan Peradaban Melayu Lembaga Bahasa Melayu, Tan Sri Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Bakar, Profesor Pusat Kajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Dr. Sivamurugan Pandian, Pengarah Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin UMT, Profesor Dr. Yeong Yik Sung, dan pelajar UMT, saudari Vivi Valencia Anak Del. Program ini telah dihadiri seramai 400 orang dalam kalangan pelajar, warga UMT, pelajar sekolah, mahasiswa dari universiti awam dan swasta, agensi kerajaan, penggiat seni, penulis dan komuniti setempat.





Malam Semarak Puisi UMT-DBP

Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu, UMT dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur, UMW Holdings dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah menganjurkan Malam Semarak Puisi bertempat di Sanggar Siswa UMT pada 14 Oktober 2023. Program yang dihadiri oleh lebih 1,700 orang pengunjung ini menampilkan persembahan daripada pendeklamasi puisi kebangsaan, Tokoh Anugerah Cekal Bahasa, Johan Sketsa Negeri Terengganu, Johan Tarian Negeri Terengganu, Angkatan Anak Seni (AKASIA) UMT, artis budaya UMT serta penggiat seni tempatan. Malam Semarak Puisi ini diadakan bertujuan untuk memartabatkan Bahasa Melayu melalui seni persembahan, tarian, deklamasi puisi, sketsa dan nyanyian.





MELUNCUR PELAYARAN UNTUK SEMUA

UMT melalui Pusat Latihan Pelayaran (PLP) sentiasa aktif mengembangkan ilmu pelayaran dalam kalangan pelajar UMT melalui beberapa kursus akademik berkredit. Kursus tersebut ditawarkan bagi melahirkan ramai mahasiswa yang memahami ilmu ini untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Selain itu, ilmu pelayaran juga disebar dan dikongsi bersama komuniti melalui program pemindahan ilmu sebagai satu cabang ilmu kemahiran yang membuka peluang pekerjaan sekali gus meningkatkan sosioekonomi komuniti. Pelbagai program dan kejohanan pelayaran di peringkat tempatan dan antarabangsa telah disertai oleh pelajar manakala beberapa kejayaan juga telah dikecapi.

Pasukan UMT Raih Kemenangan di Bahrain

Pasukan Kapal Layar UMT telah mewakili Malaysia dalam Kejohanan Kapal Layar Kingdom Fleet & Match Race Event 2023 di Bahrain Sailing Club, Al Jazeer Beach, Zallaq pada 13-17 Disember 2023. Pasukan ini terdiri daripada tiga orang atlet UMT iaitu Mohd Faris Aiman bin Basri, Nur Ainul Izzati binti Zil Husham dan Nur Zulaikha binti Mohd Zafarin yang merupakan para pelajar program Sarjana Muda Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim. Sejarah terlakar apabila pasukan ini berjaya meraih tempat kedua dalam acara Match Race dan tempat ketiga dalam acara Fleet Racing.





"The Ocean Girls" Harumkan Nama UMT di Royal Langkawi International Regatta 2023

Pasukan kapal layar UMT yang dikenali sebagai The Ocean Girls telah menyertai Royal Langkawi International Regatta 2023 dan merupakan satu-satunya pasukan yang mewakili KPT pada kejohanan ini. Lebih membanggakan, The Ocean Girls telah mengharumkan nama UMT dan KPT apabila muncul pemenang tempat ketiga dalam Sports Boat, ketinggalan hanya satu mata di belakang pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Pasukan hebat ini dianggotai oleh saudari Saiyidah Zainab binti Mohd Fadzlulah, Nurul Asyiqin binti Ibrahim, Nur Zulaikha binti Mohd Zafarin, Nur Ainul Izzati binti Zil Husham, Nur Izzryn binti Shamsul Ariffin serta Nur Naeilah binti Nor Hassan selaku jurulatih.





Program "Sailability" UMT Latih Komuniti OKU Sebagai Atlet Sukan Layar

Sebagai satu-satunya universiti tempatan yang memiliki pusat pelayaran, UMT tidak melupakan tanggungjawabnya kepada komuniti. Melalui kepakaran dan kemudahan yang ada, UMT telah melatih komuniti setempat agar lebih aktif dalam sukan layar yang sinonim dengan masyarakat pantai timur. Kini, UMT sedang mambangunkan sebuah program latihan kemahiran khas khusus untuk pelajar dan komuniti OKU iaitu program Sailability bagi memberi peluang melahirkan atlet pelayar di bawah kategori Handicap Sailing seterusnya menggalas cabaran negara ke peringkat antarabangsa kelak.





- Program Meluncur Pelayaran Untuk Semua Bersama Komuniti dan Pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian
- Karnival Bakat Kebangsaan Terengganu Siri 3/2023 Sukan Pelayaran
- Kursus Kejurulatihan Spesifik (Pelayaran) Tahap 1
- Bidong Island Sailing Expedition (BISE 2023) Foundation 36 (F36)
- Royal Langkawi International Regatta 2023
- Kejohanan Kapal Layar Kingdom Fleet & Match Race Event 2023
- PASTEM DiscoverySailing 2023
- UMT- National e-Sailing Championship 2023
- UMT Sailing Team Seafarer Carnival 2023: Day of the Seafarer
- Terengganu Monsoon Challenge 2023
- UMT Closed e-Sailing League 2023
- OMJ Platu Championship of Thailand 2023
- Pelayaran Kemerdekaan 2023

KESIMPULAN

Melahirkan graduan holistik dan seimbang serta menjadi modal insan yang menjadi rebutan merupakan salah satu daripada agenda utama UMT. Justeru, UMT bingkas melaksanakan pelbagai program pembangunan pelajar bagi mempersiap dan memperkasa jati diri pelajar dalam mengejar kecemerlangan. Ini terbukti apabila kadar kebolehpasaran graduan UMT pada tahun 2023 melonjak kepada 91.5%, kadar tertinggi pernah dicapai oleh UMT setakat ini. Aspek kebajikan juga tidak dilupakan apabila pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan disediakan agar pelajar dapat memberi sepenuh tumpuan kepada proses pembelajaran. Selain itu, jaringan erat bersama alumni juga sentiasa dipupuk agar mereka dapat memainkan peranan aktif dan bersama-sama menyumbang khususnya kepada pembangunan pelajar dan kepada UMT secara umum.



FAKTA DAN ANGKA

RM572,429
Bantuan Pelajar Sumbangan UMT

RM653,186
Bantuan Pelajar Sumbangan Agensi Luar

15
Anugerah Ikon Siswa UMT

22
Program Keusahawanan

91.5%
Kadar Kebolehpasaran Graduan

5 Emas, 14 perak, 19 gangsa
Pencapaian Sukan Pelajar


1,186
Perkhidmatan Kaunseling

RM47,057
Sumbangan Alumni



MEMACU PEMINDAHAN ILMU DAN JARINGAN INDUSTRI






PENGENALAN

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sentiasa berusaha memperkasakan hubungan antara komuniti dan industri dengan pelaksanaan pelbagai program pemindahan ilmu dan jaringan industri yang bersifat Quintuple Helix (Universiti, Kerajaan, Komuniti, Industri dan Persekitaran). Di samping itu, Revolusi Industri 4.0, Sustainable Development Goals (SDG), Dasar Komuniti Negara 2019, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Dasar Industry 4WRD bagi tempoh 2018 hingga 2025 menjadi teras panduan pelaksanaan program pemindahan ilmu dan jaringan industri di UMT.


SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS


PELAN INDUK
PERINDUSTRIAN BAHARU
(NIMP) 2030
Fokus sektor industri bergerak lebih cemerlang


Industry4WRD


Quintuple
Helix
(context of [natural]
environments of
society)
Quadruple
Helix
(context of society
for Triple Helix)
Triple
Helix
(basic model
of the
innovation core)
knowledge
economy (core)
knowledge society and knowledge democracy (context);
arts, artistic research and arts-based innovation (context)
social ecology, society-nature interactions, socio-ecological transition
(context of context)



INDUSTRY 4.0
AI


PROGRAM SERVICE LEARNING MALAYSIA – UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM), UMT 2023

Program Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) merupakan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi merealisasikan konsep hubungan Universiti-Komuniti. SULAM adalah kaedah pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti bagi memberi pengalaman pembelajaran yang progresif mengikut disiplin dengan menyelesaikan permasalahan sebenar dalam komuniti berteraskan "Love, Happiness and Mutual Respect". Program SULAM telah bermula sejak 2019 menggunakan kepakaran pensyarah melalui penglibatan pelajar dalam komuniti bagi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pelbagai ilmu baharu.

Pada tahun 2023 sebanyak 20 kursus SULAM telah ditawarkan kepada pelajar program sarjana muda pada Semester II Sesi 2022/2023 dan Semester I Sesi 2023/2024.

SERVICE LEARNING MALAYSIA
SULAM
UNIVERSITY FOR SOCIETY









Projek:
MGS3093/Geologi Warisan: "Geoeducation in Geoschool"

Komuniti:
Orang Asli Kampung Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu





Projek:
EDI3063/Sensor & Transduser: Aplikasi Sensor dalam Robotik

Komuniti:
MRSM Kuala Terengganu





Projek:
TOU4333/Pengurusan Mesyuarat, Insentif, Konferensi dan Pameran: Pembangunan Komuniti, Pelancongan Berasaskan Komuniti, Kalang Warisan

Komuniti:
Kampung Tok Ku Pulau Manis, Hulu Terengganu





Projek:
QFZ3113/Fizik Marin: Menghasilkan Arus Elektrik dengan Menggunakan Air Laut

Komuniti:
Sek. Men. Keb. Tengku Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI

Program Tanggungjawab Sosial Universiti atau University Social Responsibility (USR) menjadi salah satu agenda UMT bagi memanfaatkan komuniti setempat. Melalui program USR, ahli akademik, staf dan pelajar berpeluang melibatkan diri dalam projek kesukarelawanan dengan masyarakat setempat. Pelbagai program USR telah dijalankan seperti khidmat masyarakat, bantuan bencana alam, gotong-royong dan penyampaian ilmu seperti ceramah, taklimat dan motivasi kepada golongan yang memerlukan. Antara program-program USR utama tahun 2023 adalah seperti berikut:





Misi Bantuan Banjir Negeri Johor
- 20-21 Januari 2023
- Parit Sulong, Kluang & Kota Tinggi, Johor
- 28 peserta





Program Penyerahan Anak Angkat dan Sesi Pengkongsian Ilmu sempena Program Semarak Komuniti Kota Tinggi
- 26-28 Mei 2023
- Kampung Sedili Besar dan Kampung Tanjung Sedili Kota Tinggi, Johor
- 250 peserta





Program Pemindahan Ilmu bersempena Program Semarak Komuniti Bukit Besi
- 22 Julai 2023
- Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Bukit Besi, Dungun
- 350 peserta (Cari gambar)





Program Gotong Royong sempena Majlis Pelepasan Benih Ketam Nipah Bersama Komuniti Sedili Kecil
- 25 Ogos 2023
- Kampung Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor
- 40 peserta

PROGRAM PEMINDAHAN ILMU

UMT terlibat secara aktif dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti dengan memastikan hasil penyelidikan diterjemah dalam bentuk program pemindahan ilmu berimpak tinggi. UMT melalui Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM) melaksanakan pelbagai program pemindahan ilmu bersumberkan dana seperti Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS), dana Translasional oleh KPT, dana Inisiatif Inovasi Sosial Malaysia (MyIS) oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Dana Khas KPT.

Dana KTAGS	• 15 projek • RM120,000 • 738 peserta
Dana Translasional KPT	• 1 projek • RM573,400 • 25 peserta
Dana MyIS MOSTI	• 2 projek • RM494,000 • 120 peserta
Dana Khas KPT	• 3 projek • RM108,300 • 50 peserta

Impak program pemindahan ilmu UMT	• Peningkatan taraf sosioekonomi • Pembudayaan kreativiti dan inovasi • Keusahawanan sosial • Kelestarian alam sekitar • Peningkatan pendidikan dan latihan kemahiran • Pembinaan keupayaan dalam bentuk softkill dan upskill • Kebolehan penghasilan produk hiliran • Pemerkasaan Orang Kelainan Upaya (OKU)

Projek Inovasi Unjam Tingkat Hasil Pendapatan Nelayan Tempatan

Menyedari isu keterjaminan makanan yang menjadi tumpuan negara pada waktu ini, UMT melaksanakan Projek Inovasi Unjam untuk meningkatkan pendapatan dan kelestarian sumber perikanan di Pantai Batu Rakit, Terengganu sebagai salah satu usaha menjamin kecukupan bekalan makanan negara.

100 unjam yang dilabuhkan di perairan pantai Tok Jembal bakal memperkaya sumber perikanan, menjadi lubuk rezeki kepada 2,500 nelayan sekitar dengan pertambahan jumlah tangkapan ikan, mengekalkan hidupan biodiversiti serta membolehkan hidupan lain seperti karang untuk membiak.



Inovasi unjam yang diperkenalkan oleh pasukan UMT diketuai oleh Dr. Fazrul Hisam bin Abd Aziz menggunakan daun kelapa dan daun teja yang boleh diganti selepas beberapa bulan dilabuhkan manakala pemberat yang diperbuat daripada gegelung konkrit di bahagian bawah menjadi perumah atau mini tukun kekal di dasar laut. Pemberat ini akan bertindak sebagai perumah ikan dasar dan mengurangkan impak pencerobohan pukat tunda.






Pembangunan Sistem Akuaponik Kos Rendah untuk Ternakan Ikan Tilapia Komuniti Penduduk Sekitar Kuala Nerus, Terengganu

Pasukan penyelidik UMT telah membangunkan sistem LB-Ponic berkapasiti dua tan bagi penternakan ikan tilapia merah yang dilengkapi sistem hidroponik untuk penanaman sayuran seperti sawi hijau, sawi putih, kangkung, kailan, bayam dan salad kepada komuniti



sekitar Kuala Nerus. Projek ini telah membantu komuniti menjana pendapatan tambahan dan mengurangkan kos sara hidup dengan menjadikan sumber tersebut sebagai makanan harian.






Pameran Pemindahan Ilmu Universiti - Komuniti

Kesungguhan UMT dalam membantu masyarakat menjana pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan di kawasan bandar dan luar bandar tidak hanya tertumpu di Terengganu semata-mata, malah turut dilaksanakan di luar Terengganu secara berkala khususnya melalui pameran produk dan inovasi. Projek-projek



bertemakan perikanan dan bidang-bidang lain yang memenuhi keperluan masyarakat telah disebarluas dengan libat sama akademia, industri, agensi dan pelajar sebagai agen perubahan. Antara pameran yang diadakan adalah seperti berikut:



17 Februari 2023 | Program Universiti Bersama Komuniti *Jom Carre* Komuniti Kuala Nerus



8 Jun 2023 | Pameran Projek Pemindahan Ilmu UMT-KPT



22 Julai 2023 | Program Semarak Siswa Madani@Bukit Besi



25 Ogos 2023 Pelepasan Benih Ketam Nipah Komuniti Sedili Kecil, Kota Tinggi



23 Oktober 2023 | Pameran Projek Translasional Artemia Sempena Hari Terbuka KPT



25 November 2023 | Program Semarak Siswa Madani @UMT Di Kuala Kerteh

PROGRAM JARINGAN INDUSTRI

Kerjasama dan kolaborasi antara universiti dan industri sangat penting kerana kedua-dua pihak saling memerlukan antara satu sama lain bagi melaksanakan pelbagai aktiviti dan perkongsian kepakaran. Justeru, pelbagai program dan aktiviti jaringan UMT-industri telah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah.

Jalinan MoA dan MoU

Pada tahun 2023, sebanyak 35 Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani UMT bersama pelbagai agensi dalam dan luar negara



Program CEO@Faculty

Program CEO@Faculty telah dilancarkan pada 2015 dengan 24 orang CEO telah dipadankan dengan Universiti Awam terpilih. CEO yang terlibat menjadi mentor kepada pelajar universiti dan pensyarah serta menyediakan panduan kepada universiti mengenai perkara-perkara seperti pembangunan kurikulum yang sejajar dengan permintaan industri. Bagi tahun 2022-2024, tiga orang tokoh industri telah dilantik sebagai CEO@Faculty di UMT. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan penglibatan tokoh-tokoh ini khususnya sepanjang tahun 2023.




Dato' Ir. Haji Ahmad Murad bin Haji Omar
Pengerusi Eksekutif
OMAHAMS Corporation Sdn. Bhd.

- Perbincangan perancangan aktiviti CEO@Faculty antara UMT dan OMAHAMS Corporation Sdn. Bhd.
  1 Mac 2023
- Perbincangan antara ahli akademik UMT bersama CEO@ Faculty Programme 1.0: Learn from The Pros
  9 Ogos 2023
- Sesi perkongsian antara pelajar (MPP, JPKK dan JPLK) bersama CEO@Faculty Programme 1.0: Learn from The Pros
  9 Ogos 2023
- Majlis Penghargaan Rakan Industri 2023 (MPRI 2023)
  14 Disember 2023



Datuk Mohamad Idham bin Nawawi
Ketua Pegawai Eksekutif
CelcomDigi Berhad

- Kunjungan hormat Naib Canselor UMT ke Pejabat CEO Celcomdigi Berhad
  7 April 2023
- Majlis Penghargaan Rakan Industri 2023 (MPRI 2023)
  14 Disember 2023



Mr. Marco Neelsen
Ketua Pegawai Eksekutif
Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.

- Kunjungan hormat Naib Canselor UMT Ke Pejabat CEO Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.
  14 Julai 2023
- Majlis menandatangani memorandum perjanjian – UMT dan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.
  14 Julai 2023
- Malaysia International Marine Expo 2023 (MIMEX 2023)
  14-15 November 2023
- Majlis Penghargaan Rakan Industri 2023 (MPRI 2023)
  14 Disember 2023

Program Malim Industri

Bagi memperkasa hubungan universiti-industri, UMT telah melantik 21 orang tokoh tempatan dalam pelbagai bidang sebagai Malim Industri bagi membantu melonjakkan citra UMT di peringkat nasional dan global. Malim Industri yang dilantik berperanan sebagai penasihat berkenaan hala tuju dan perancangan strategik antara UMT dengan industri, menyediakan bimbingan dan khidmat nasihat kepada pensyarah/penyelidik dalam meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk inovasi dan penyelidikan UMT serta membantu memantapkan jaringan UMT bersama agensi dan industri.

Majlis Penghargaan Rakan Industri (MPRI'23)

MPRI'23 telah diadakan pada 14 Disember 2023 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) bagi menghargai lebih 130 pemain industri yang telah menyumbang kepada pembangunan dan pencapaian universiti. Program ini diadakan setiap dua tahun bagi mengukuh jalinan kerjasama antara pemain industri dan UMT.

Pada majlis ini, sebanyak tiga kategori anugerah iaitu Anugerah Rakan Indusri, Anugerah Projek Industri dan Anugerah Akademia-Industri telah disampaikan kepada 43 orang pemenang. Manakala seramai empat orang CEO@Faculty UMT turut diberikan penghargaan berdasarkan sumbangan mereka kepada UMT. Selain itu, majlis turut menyaksikan pertukaran MoU, MoA dan Letter of Intent (LoI) antara UMT dan enam industri serta pelancaran Program SiswaMall UMT.



Sorotan Aktiviti Jaringan Industri





Kunjungan Hormat Naib Canselor UMT Ke Pejabat CEO CelcomDigi Berhad
7 April 2023 | Ibu Pejabat CelcomDigi Berhad

Majlis Pertukaran MoU/ MoA Sempena Pameran Antarabangsa Maritim Langkawi (LIMA)
23-27 Mei 2023 | Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi, Kedah





Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman – UMT dan SME Corporation Berhad
13 Julai 2023 | Pusat Komunikasi Strategik UMT, Putrajaya

Kunjungan Hormat Naib Canselor UMT ke Pejabat CEO Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.
14 Julai 2023 | Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor





Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian – UMT dan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.
14 Julai 2023 | Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor

Kunjungan Hormat CEO@ Faculty Programme 1.0: Learn from The Pros ke Naib Canselor UMT
9 Ogos 2023 | Pejabat Naib Canselor UMT





Perbincangan antara Ahli Akademik UMT bersama CEO@Faculty Programme 1.0: Learn from The Pros
9 Ogos 2023 | UMT

Sesi Perkongsian antara pelajar (MPP, JPKK dan JPLK) bersama CEO@ Faculty Programme 1.0: Learn from The Pros
9 Ogos 2023 | UMT





Perasmian Penjana KPT-CAP UMT PKT Logistics
15 Ogos 2023 | The Ship Campus, Batu Kawan, Pulau Pinang



Malaysia International Marine Expo 2023 (MIMEX 2023)
14-15 November 2023 | Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

1st National ICoE Colloquium
20 November 2023 | UMT





Perbincangan Meja Bulat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)-Universiti-Industri Zon Timur
27 November 2023 | Zenith Hotel, Kuantan

KESIMPULAN

Pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan pemindahan ilmu, jaringan industri dan tanggungjawab sosial universiti kepada masyarakat umum sentiasa diperkasa dari semasa ke semasa melalui peranan yang dimainkan oleh UMT sebagai penghubung di antara universiti dengan komuniti dan industri. Kolaborasi yang mantap antara ketiga-tiga pihak ini akan membawa perubahan dan kemajuan dari sudut ekonomi dan sosial di samping meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat khususnya.

FAKTA DAN ANGKA

21
Program Pemindahan Ilmu

933
Peserta

RM1,295,700.00
Dana Program Pemindahan Ilmu

20
Program SULAM

981
Pelajar

1,237
Ahli Komuniti

4
Program USR

668
Peserta

35
MoU/MoA

3
CEO@Faculty

21
Malim Ilmu



KETERLIHATAN GLOBAL




KETERLIBATAN
GLOBAL


PENGENALAN

Keunggulan global merupakan salah satu lonjakan pemangkin dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Selaras dengan itu juga, Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu (PSUMT) 2023-2027 telah menggariskan pelbagai inisiatif untuk memperkukuhkan keterlihatannya di peringkat antarabangsa bagi mencapai tiga objektif strategi yang ditetapkan iaitu UMT sebagai institusi bertaraf global, memantapkan program mobiliti global dan memperkasa jaringan global.



ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA


Pada tahun 2023, enrolmen pelajar antarabangsa sepenuh masa daripada 43 buah negara adalah seramai 1,202 orang yang terdiri daripada 706 orang pelajar sepenuh masa (bergraduat) dan 496 orang pelajar mobilti inbound berkredit. Daripada jumlah tersebut 61.6% atau 741 orang merupakan pelajar pascasiswazah.




JARINGAN ANTARABANGSA


Sepanjang tahun 2023, UMT telah menjalin hubungan kerjasama dengan universiti luar negara melalui sesi kunjungan hormat ke pejabat kedutaan negara luar di Malaysia seperti Kedutaan Perancis, Kedutaan Kanada, Kedutaan Thailand, Kedutaan Belgium, Kedutaan Australia, Kedutaan Singapura, Kedutaan Taiwan, Kedutaan Iran serta wakil kedutaan Malaysia di luar negara. Inisiatif ini bertujuan untuk mengembangkan kolaborasi UMT dengan institusi luar negara dan meneroka peluang kerjasama yang ditawarkan oleh pihak kedutaan negara luar dalam akademik dan penyelidikan.

Secara kumulatif UMT berjaya memeterai sebanyak 94 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) yang terdiri daripada 69 MoU dan 25 MoA. Sebanyak 157 aktiviti telah dilaksanakan melalui inisiatif MoU dan MoA ini. Selain itu, UMT juga giat dalam agenda memperkasa aspek akademik dan penyelidikan dengan melaksanakan 420 aktiviti bersama organisasi antarabangsa.





Bilangan MoU aktif mengikut negara bagi tahun 2023



Bilangan MoA aktif mengikut negara bagi tahun 2023

MOBILITI PELAJAR

Selepas pemulihan daripada COVID-19, program mobiliti telah dirangka semula bersesuaian dengan kebenaran pelaksanaan semula mobiliti fizikal. Seramai 796 orang pelajar telah menyertai program mobiliti outbound melibatkan 532 orang pelajar bagi program berkredit dan 206 orang pelajar bagi program tidak berkredit. Manakala bagi program mobiliti inbound pula, seramai 1,289 orang pelajar dari luar negara telah menyertai program mobiliti di UMT yang terdiri daripada 496 orang pelajar bagi program berkredit dan 793 orang pelajar bagi program tidak berkredit.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI PERINGKAT ANTARABANGSA

MoU Bersama Enam Universiti di Uzbekistan

Pada Disember 2023, UMT telah menandatangani MoU bersama enam buah universiti di Uzbekistan iaitu National Research University, Oriental University, National University of Uzbekistan, Samarkand State University, Silk Road International University of Tourism dan Tashkent University of Information Technology serta surat niat bersama Andijan State University. Perjanjian kerjasama ini membuka peluang kepada UMT meneroka peluang pengantarabangsaan di Asia Tengah.

Secara umumnya, aktiviti kerjasama yang dijalankan melalui MoU dan surat niat ini merangkumi perancangan untuk program pertukaran pelajar, kolaborasi penyelidikan, penganjuran persidangan dan seminar bersama, serta perkongsian sumber akademik antara UMT dan universiti berkenaan.



Pengukuhan Kerjasama dengan Universiti di China

Bagi memperkukuhkan kerjasama dengan universiti-universiti di China, UMT telah menandatangani MoU dengan Heilongjiang River Fisheries Research Institute (HRFRI) di Harbin. Perjanjian ini lanjutan daripada kerjasama yang telah terjalin antara Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), UMT dan HRFRI sejak tahun 2017.

Melalui MoU berkenaan, kedua-dua pihak bersetuju untuk menubuhkan Makmal Bersama AKUATROP-HRFRI, melaksanakan program pertukaran pensyarah/pelajar, menerbitkan bersama artikel berimpak tinggi berdasarkan penyelidikan yang memfokuskan kepada alam semula jadi kelestarian spesies, perubahan iklim dan keselamatan makanan daripada sumber perikanan dan akuakultur.

UMT juga telah memperbaharui MoU dengan Shantou University (STU). Melalui perjanjian baharu ini, UMT dan STU akan dapat terus bekerjasama dalam menjayakan penyelidikan untuk pemuliharaan ekosistem dan alam sekitar serta pembangunan program keselamatan makanan di negara masing-masing. Selain itu, UMT dan STU telah bersetuju untuk menubuhkan International Joint Research Centre for the Development and Utilization of Important Mariculture Varieties Surrounding the South China Sea Region.



Kerjasama dengan Universiti di Taiwan

UMT menandatangani MoU dengan National Academy of Marine Research (NAMR), Taiwan dan memperbaharui MoU dengan Taiwan's National Sun Yat-Sen University pada 1 November 2023. Melalui MOU yang telah ditandatangani, kedua-dua institusi akan bekerjasama dengan UMT dalam pelbagai aktiviti termasuk pertukaran pelajar dan penyelidik antara kedua-dua institusi bagi memberikan pendedahan kepada persekitaran dan budaya akademik yang berbeza.





TROPIMUNDO 2023

Ijazah Sarjana Bersama Erasmus dalam Program Biodiversiti dan Ekosistem Tropika atau lebih dikenali sebagai TROPIMUNDO adalah program tahunan yang dilaksanakan oleh UMT melalui Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS). Penglibatan UMT dalam TROPIMUNDO telah bermula sejak tahun 2015. TROPIMUNDO edisi kesembilan telah berlangsung dengan jayanya pada bulan Mac hingga September 2023 dengan penyertaan 20 orang pelajar antarabangsa daripada 13 buah negara termasuk Belgium, Perancis, Filipina, Kenya, Amerika Syarikat, Rusia, Colombia, Argentina dan Sepanyol.

Dalam program yang berlangsung selama enam bulan, pelajar mendaftar dalam tujuh kursus termasuk kursus Bahasa Melayu. Semasa mengikuti program di UMT, para pelajar juga berpeluang menjalankan kajian lapangan mengenai paya bakau, penyu dan terumbu karang. Ini adalah sebahagian daripada usaha UMT untuk mengekal dan memulihara biodiversiti marin.





Program Pertukaran Pelajar Bersama Universitas Airlangga

Dalam usaha memperkukuhkan kerjasama akademik dan pertukaran budaya, UMT melalui Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL) telah mengadakan program pertukaran pelajar bersama Universitas Airlangga (UNAIR), Surabaya, Indonesia. Program yang berlangsung pada 31 Julai hingga 14 Ogos 2023 ini melibatkan 37 orang pelajar dan lima kakitangan UNAIR ke UMT.

Program selama 14 hari ini merangkumi aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran pedagogi, memupuk interaksi dan kerjasama dengan masyarakat setempat, merapatkan jurang antara akademik dan industri serta menyemai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.





FTKKI Summer School 2023

FTKKI Summer School 2023 Kali Kelima, anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) telah diadakan pada Ogos 2024. Program yang dianjurkan sejak tahun 2018 ini bertujuan untuk melatih peserta dengan teknik penghasilan multimedia seperti jalan cerita dan penyuntingan video di samping meneroka teori matematik konsep yang berkait dengan warisan tempatan Terengganu. Peserta kemudian menggunakan pengetahuan ini untuk menghasilkan video yang menggambarkan perkaitan antara prinsip matematik, warisan dan budaya serantau.

17 peserta dari tiga institusi antarabangsa iaitu Universitas Komputer Indonesia (UNIKOM), Universitas Ahmad Dahlan (UAD) Indonesia dan Dr. M.G.R. Educational and Research Institute University telah menyertai program yang diadakan selama 14 hari di UMT.





Tropical Coral Reefs Workshop: Monitoring and Management Bersama Heriot-Watt University

Sejak tahun 2015, UMT melalui Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) dan Heriot-Watt University, Scotland telah bekerjasama menjayakan Program Kerjasama Mobiliti Jangka Pendek "Tropical Coral Reefs Workshop: Monitoring and Management" di Kampus UMT. Siri kelima program ini telah diadakan pada 29 April hingga 19 Mei 2023 di UMT dengan penyertaan 26 orang pelajar berserta dua orang fasilitator dan lima orang staf akademik daripada Heriot-Watt University.

Objektif utama program ini adalah untuk melengkapkan kerja lapangan bagi kursus 'A11CR: Tropical Coral Reefs: Monitoring and Management' yang ditawarkan oleh universiti berkenaan. Kursus ini mendedahkan teknik kajian dan pemantauan terumbu karang di samping memahami isu pengurusan persekitaran yang disebabkan oleh aktiviti pelancongan dan pembangunan yang tidak mampan. Teknik pemantauan ekosistem terumbu karang dan pemuliharaan kawasan terumbu karang juga didedahkan kepada pelajar Herriot Watt oleh pensyarah FSSM. Selain pendedahan kepada persekitaran marin, pelajar ini juga turut didedahkan dengan ekosistem paya bakau dan air tawar.



Mobiliti Outbound UMT-UNHAS

Lapan orang pelajar pascasiswazah daripada Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) UMT dan tiga orang kakitangan UMT telah mengikuti program mobiliti outbound di Fakulti Sains Marin dan Perikanan, Universiti Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Indonesia. Program yang berlangsung pada 13-19 Jun 2023 ini adalah satu daripada beberapa aktiviti yang digariskan dalam MoA dan MoU baharu yang ditandatangani semula antara UMT dan UNHAS. Kedua-dua perjanjian ini bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama penyelidikan, memudahkan lebih banyak pertukaran kakitangan dan pelajar serta meningkatkan penerbitan bersama.







UI Create: Mobiliti Outbound Program Sarjana Muda Kimia Analitik dan Persekitaran

Universiti Indonesia (UI) telah melancarkan program khusus mobiliti outbound, UI Create untuk pelajar Program Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) UMT. Melalui program ini, lapan orang pelajar Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) berpeluang meluaskan pengetahuan mereka dalam bidang kimia alam sekitar melalui gabungan kuliah dan kerja kursus secara dalam talian serta kerja lapangan secara bersemuka. Program ini telah ditawarkan dengan tiga jam kredit elektif dan menyediakan peluang kepada pelajar untuk belajar daripada pensyarah UI melalui topik khas dan kerja lapangan dalam analisis alam sekitar.





KESIMPULAN

UMT secara aktif telah melaksanakan inisiatif strategik yang telah digariskan dalam PSUMT 2023-2027 untuk memperkukuhkan keterlihatan UMT dalam akademik dan penyelidikan di persada dunia. Inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 berjaya meningkatkan pencapaian petunjuk prestasi pengantarabangsaan UMT.





FAKTA DAN ANGKA

706
Enrolmen Pelajar Antrabangsa Sepenuh Masa

94
MoU/MoA Aktif

157
Aktiviti bersama Rakan MoU dan MoA

420
Aktiviti bersama Rakan Strategik Antarabangsa

796
Pelajar Mobiliti Outbound

1,289
Pelajar Mobiliti Inbound




PEMANTAPAN CITRA




PEMANTA
CITRA

PENGENALAN

Usaha mengangkat kebitaraan UMT dalam bidang tujahan Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik untuk tempoh lima tahun berikutnya sedang giat dilaksanakan, selari dengan matlamat utama Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu (PSUMT) 2023-2027, iaitu menjadi sebuah Universiti Berfokus Marin Terunggul Dalam Negara dan Disegani di Peringkat Global.



PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Kejayaan yang dicapai membuktikan bahawa UMT berada pada landasan yang kukuh setanding dengan universiti terkemuka lain. Ini dibuktikan melalui pencapaian UMT menerusi pelbagai platform penarafan yang berjaya melonjakkan nama UMT ke peringkat global.

THE World University Rankings

Penarafan oleh Times Higher Education (THE) World University Rankings 2023 adalah melibatkan 1,799 universiti di seluruh dunia merentasi 104 negara dan wilayah.

Dalam penarafan ini, UMT telah tersenarai pada kedudukan 1,000-1,200. Lebih membanggakan apabila UMT turut memperoleh pengiktirafan dalam beberapa subjek iaitu Physical Sciences (tangga 801-1,000), Life Science (tangga 801-1,000), Engineering (tangga 501-600), Business and Economics (tangga 401-500) dan Social Sciences (tangga 801+).

Penyertaan UMT dalam penilaian dan penarafan global turut membawa khabar gembira untuk setiap warganya apabila UMT berada pada kedudukan 401-500. Manakala dalam kategori THE Young University Rankings pula UMT berada pada kedudukan 401-500.














QS World University Ranking

QS World University Ranking 2023 menampilkan 1,500 institusi merentasi 104 lokasi dan merupakan satu-satunya penarafan yang memberi penekanan kepada kebolehpasaran dan kemampanan.

UMT tersenarai dalam QS World University Rankings pada kedudukan 1,001-1,200. Turut membanggakan apabila UMT berjaya mengekalkan kedudukan dalam kelompok 200 universiti terbaik di Asia melalui QS Asian University Rankings. Di samping itu, UMT berada di kedudukan 451-500 dalam QS World University Ranking: Sustainability dan berada di tangga 301-350 bagi QS World University Rankings by Subject: Agriculture and Forestry.

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS ASIA

QS Asia University Rankings

197

UI Greenmetric

UI Greenmetric merupakan satu platform kelestarian universiti. Inisiatif ini meletakkan kedudukan universiti di seluruh dunia berdasarkan komitmen dan tindakan mereka ke arah kelestarian.

UMT telah menyertai penarafan UI Greenmetric sejak 2017 dan berjaya menduduki tangga ke-227 daripada 1,183 penyertaan dari seluruh dunia pada tahun 2023. Walaupun kedudukan pada tahun 2023 ini sedikit menurun berbanding tahun sebelumnya, data semasa menunjukkan jumlah penyertaan penarafan tersebut semakin meningkat.

UI GreenMetric World University Rankings

227

Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMohes)

MyMoheS merupakan satu sistem yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mengumpul data dari semua Universiti Awam berkaitan staf, penyelidikan, pelajar dan maklumat institusi.

Pada tahun 2023, UMT berjaya mencapai penarafan 5 bintang bagi penilaian kualiti data yang menepati kriteria kualiti yang ditetapkan iaitu ketepatan (25%), lengkap (25%), konsisten (20%), kredibiliti (10%) dan kekinian (20%).

MyMohes
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA



Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Universiti Malaysia Terengganu
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Universiti Teknologi Malaysia
Universiti Malaysia Sabah
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



Universiti Malaysia Perlis
Universiti Sains Islam Malaysia
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Teknologi MARA
Universiti Putra Malaysia
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Universiti Utara Malaysia
Universiti Sains Malaysia
Universiti Sultan Zainal Abidin



Universiti Malaysia Kelantan
Universiti Malaya



Pusat Perubatan Unoiversiti Malaya

KETERLIHATAN MELALUI PLATFORM DIGITAL

Media sosial ataupun digital boleh diklasifikasikan sebagai media baharu dalam kehidupan masyarakat masa kini. Seiring dengan keperluan masyarakat dan peredaran maklumat, UMT turut memperkemaskan media sosial dalam meningkatkan citra dan keterlihatan UMT mengikut keperluan semasa.

Media Sosial Rasmi UMT

OFFICIAL UMT	MEDIA UMT	MEDIA KREATIF UMT	TV UMT	KONVO UMT
210,574 LIKERS	3,138 LIKERS	22,257 LIKERS	5,550 LIKERS	3,634 LIKERS
22,974 FOLLOWERS	4,243 FOLLOWERS	6,768 SUBSCRIBERS	3,023 SUBSCRIBERS	9,452 FOLLOWERS



Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

UMT sentiasa proaktif dalam menjalinkan kolaborasi akademik dan penyelidikan di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan bagi meningkat jalinan kerjasama pintar UMT dengan pelbagai agensi. Pada tahun 2023, UMT telah memeterai 23 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan agensi antarabangsa manakala 15 MoU/MoA dengan agensi dalam negara.

MoU/MoA Bersama Organisasi/Agensi Dalam Negara

- Eko Akua PARQ
- Rca-Roma Food Industry Sdn. Bhd.
- Tidal Wave Conservation Management
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Osram Opto Semiconductors (M) Sdn. Bhd.
- National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)
- Kerajaan Malaysia (Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.
- RCA UMK, UTHM, UPSI and Atecnerve Technology Solutions Sdn.Bhd.
- Koperasi Melon Manis Terengganu Berhad (KOPMET)
- PKT Logistics Group Sdn. Bhd.
- Holistics Lab Sdn. Bhd.
- The State Government of Sarawak Represented by The Department of Agriculture Sarawak

MoU/MoA Bersama Organisasi/Agensi Luar Negara

- Opprotunity Biotech Co. Ltd.
- Universiti Hasanuddin, Indonesia
- National Taiwan Ocean Universiti
- Universitas Jabal Ghafur, Indonesia
- Mapua University, Philippines
- Saveetha Institute of Medical and Technical Sciences, India
- Universitas Hasanuddin, Indonesia
- Jiangsu Ocean University, Peoples Republic of China
- Shantou University, China
- Heilongjiang River Fisheries Research Institute, China
- National Academy of Marine Research, Taiwan
- Institut Teknologi Sepuloh Nopember (ITS)
- The Second Institute of Oceanography, Ministry of Natural Resources of The People Republic of China
- Pukyong National University, Republic of Korea
- Universiti Maritim Raja Haji Ali
- Termez State University, The Republic of Uzbekistan
- Samarkand Branch of Tashkent University of Information Technologies Named After Muhammad Al-Khwarizmi, Uzbekistan
- Tashkent Institute of Irrigation and Agricultural Mechanization Engineers-National Research University, Uzbekistan
- Oriental University, Uzbekistan
- Andijan State University Named Zakhiriddin Mukhammad Bobur, Uzbekistan
- Bung Hatta University

LIPUTAN DI MEDIA MASSA


Sepanjang tahun 2023 UMT telah mendapat sebanyak 840 liputan di media massa merangkumi media cetak, elektronik dan dalam talian. Manakala bilangan Advertising Sales Rate (ASR) adalah sebanyak RM8,652,757.86. Pencapaian tahun 2023 memperlihatkan peningkatan 65% bilangan liputan media berbanding hanya 547 pada tahun 2022.


Media UMT

BERITA HARIAN

27 November 2023

Cabaran monsun kembali ke UMT buat kali kelima


Media UMT

Star

21 November 2023

Sungai Pulai mangrove system to be studied

"The research will strive to identify any signs of pollution that the government can promptly address."



PEMANTAPAN CITRA MELALUI PROGRAM BERIMPAK TINGGI

UMT Perkukuhkan Jalinan Kerjasama dengan NRU, Uzbekistan

UMT mencapai kesepakatan melalui jaringan kerjasama perjanjian persefahaman dengan National Research University (NRU, TIIAME), Uzbekistan.

Jalinan kerjasama strategik melibatkan perbezaan budaya itu dimeterai secara rasmi dalam satu majlis di Uzbekistan pada 16 Disember 2023 masing-masing diwakili oleh Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar dan Rektor NRU, Prof. Dr. Bakhadir Suyunovich Mirzaev. Beberapa lokasi yang berpotensi turut ditinjau sebagai persediaan untuk membangunkan Pusat Bahasa Inggeris di Termez University of Uzbekistan.




UMT Simpan Lebih 50,000 Spesimen Marin

Peranan Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RRC) di Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) sebagai muzium sejarah semula jadi marin telah diperkukuhkan bagi memudahkan para penyelidik menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan tanpa perlu turun ke lapangan.

RRC yang ditubuhkan pada 2004 mengumpul kepelbagaian marin yang terdapat di perairan Malaysia (Laut China Selatan dan Selat Melaka). Spesimen ini dikelaskan kepada beberapa kategori seperti biologi, geologi, paleontologi dan genomik. Sehingga kini, lebih 50,000 spesimen marin ditempatkan di RRC. Selain itu, terdapat 70 spesimen yang dikelaskan sebagai 'type' spesimen iaitu spesimen yang digunakan untuk menamakan spesies baharu dalam sains. Anggaran nilai kesemua spesimen ini adalah hampir RM7.5 juta.

Lebih membanggakan, RRC UMT mendapat pengiktirafan kerajaan Malaysia sebagai pusat repositori utama spesimen marin. Manakala di peringkat antarabangsa pula, RRC diperakui oleh kerajaan Australia sebagai pusat pertukaran atau pinjaman spesimen biologi dengan institusi di Australia. Selain itu, RRC juga merupakan penyumbang utama kepada pusat data Sistem Maklumat Biodiversiti Malaysia (MyBIS) dan juga Sistem Maklumat Biodiversiti Lautan (OBIS) negara. Peranan RRC UMT amat besar dalam perkembangan kajian hidupan marin negara.



Jaringan Kerjasama UMT-Petronas Manfaatkan Kebolehpasaran Graduan Universiti Awam Pantai Timur

Hubungan keserakanan di antara universiti dan industri diraikan oleh UMT dengan Petroliam Nasional Berhad atau PETRONAS menerusi penganjuran bersama program PETRONAS BeDIGITAL Bootcamp 2023 Zon Timur.

PETRONAS BeDIGITAL Bootcamp merupakan program jaringan kerjasama PETRONAS bersama universiti-universiti awam di Malaysia yang memfokuskan kepada pengembangan bidang digital dan keusahawanan. Program ini dikendalikan oleh Petronas Digital Sdn. Bhd. serta pelbagai rakan kongsi seperti Microsoft, Seed.Lab dan Petrosains selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu memperkasakan bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik). Menerusi program ini, seramai 50 orang peserta berjaya menerima tawaran kerja bersama pihak PETRONAS usai tamat pengajian di universiti masing-masing.



Teknologi Maritim: PTP, UMT Perkukuh Kerjasama

Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. (PTP), ahli Kumpulan MMC Corporation Berhad telah memperbaharui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UMT untuk meningkatkan kerjasama dalam pembangunan bakat dan penyelidikan.

Perjanjian itu turut membolehkan perkongsian kepakaran dalam teknologi maritim, pengurusan pelabuhan dan bidang lain yang berkaitan sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan sektor maritim di Malaysia. Kerjasama UMT dan PTP merupakan peluang keemasan bagi ahli akademik UMT untuk menerajui teknologi maritim dan pengurusan pelabuhan.

Selain itu, perkongsian kepakaran juga akan diperluaskan untuk tujuan akademik ke arah pembangunan modul latihan berhubung dengan industri pelabuhan.




Perubahan Iklim Global Jadi Isu Utama Penyelidik UMT

UMT dengan kerjasama erat Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) mengambil langkah proaktif dalam meletakkan Malaysia sebagai negara yang turut prihatin terhadap perubahan iklim global dengan menjalankan penyelidikan berkaitan Antartika yang membawa kepada penubuhan Kursi Sains Antartika.

Melalui penubuhan Kursi Sains Antartika, Profesor Dr. Martin J. Siegert dari Imperial College, United Kingdom dilantik sebagai penyandang atas kepakaran beliau berkaitan bidang geologi dan glasiologi. Langkah ini juga merupakan salah satu strategi untuk Malaysia diiktiraf oleh Triti Antartika sebagai salah sebuah negara yang menyumbang secara signifikan dalam penyelidikan sains Antartika.

Selain itu, menerusi Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT, sekumpulan penyelidik telah memperkenalkan Sistem Ramalan Marin Malaysia (MFAST) yang pertama seumpamanya menawarkan ramalan lima hari bagi data arus, gelombang dan suhu lautan untuk kegunaan semua sektor termasuk rekreasi, pelancongan, perikanan, penyelamatan, perkapalan serta industri minyak dan gas.



Sambutan Hari Belangkas Sedunia

Belangkas merupakan haiwan prasejarah atau dikenali sebagai haiwan fosil yang telah wujud sejak 200 juta tahun dahulu dan masih kekal sehingga ke hari ini. Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh sekumpulan penyelidik belangkas UMT dalam usaha melindungi haiwan purba yang diancam kepupusan.

Program ini dijadikan acara tahunan dalam melestarikan populasi belangkas khususnya di Kemaman bagi menyokong sambutan Hari Belangkas Sedunia yang telah ditetapkan pada 20 Jun setiap tahun oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN). Fokus mereka juga adalah untuk melahirkan jurupandu belangkas bermodul. Bagi tujuan itu, seramai 150 warga komuniti dan pelajar sekolah telah dilibatkan untuk diberi pendedahan khusus berkaitan belangkas. Usaha tersebut dibuat bagi memastikan populasi haiwan fosil unik ini semakin bertambah dan kekal wujud di perairan Kemaman khususnya dan Malaysia secara amnya.



UMT Tanam Semula 200 Pokok Bakau

Sebanyak 200 anak pokok bakau jenis brus mata buaya (Bruguiera hainesii) ditanam semula di kawasan Tanah Bencah Setiu (Setiu Wetlands) dalam usaha memulihara kelestarian alam semula jadi. Brus mata buaya dikenal pasti sebagai antara spesies pokok bakau yang berada dalam senarai tumbuhan paling terancam di dunia. Usaha penanaman ini diharap dapat menyumbang kepada proses pemuliharaan ekosistem hutan paya bakau yang berfungsi sebagai benteng pesisiran pantai daripada ancaman hakisan arus ombak.

Projek yang diketuai oleh Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abdul Razak ini turut dilihat sebagai medan terbaik bagi UMT mendidik masyarakat dengan menyebarkan kesedaran kepentingan penjagaan alam semula jadi. Anak benih pokok ditanam di tapak semaian terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke lokasi ditetapkan.

Anak benih pokok brus mata buaya diperoleh menerusi pengumpulan anak benih yang terdampar di pesisir pantai. Projek ini turut mendapat perhatian daripada komuniti setempat serta pembabitan seramai 70 orang pelajar sekolah yang diberi pendedahan berkaitan kepentingan penjagaan alam sekitar serta pemuliharaan paya bakau.



Kepakaran UMT Mampu Tingkatkan Sosioekonomi Sedili

UMT telah berkongsi kepakaran menerusi program Semarak Madani Masyarakat Kota Tinggi. Program ini selari dengan saranan KPT agar setiap hasil penyelidikan dimanfaatkan oleh pemegang taruh merangkumi pelajar, masyarakat dan industri.

Dalam program ini kira-kira 10,000 benih Ketam Nipah dilepaskan di kawasan Sungai Sedili Kecil. Program ini berpotensi meningkatkan hasil tangkapan nelayan tempatan selain membantu meningkatkan populasi Ketam Nipah di kawasan ini selaras dengan hasrat menjadikan populasi ketam kekal lestari pada masa hadapan.

Program tanggungjawab sosial yang dihadiri kira-kira 200 orang komuniti setempat ini merupakan anjuran bersama KPT, UMT dan komuniti.



Projek Perintis MMT Jana Pendapatan Sampingan OKU Penglihatan

Sekumpulan 10 individu Orang Kelainan Upaya (OKU) menerima bantuan peralatan penanaman Melon Manis Terengganu (MMT) selepas berjaya menamatkan kursus pendek anjuran penyelidik UMT. Projek berbentuk pemindahan ilmu ini merupakan usaha berterusan UMT bagi membantu golongan OKU cacat penglihatan menjana pendapatan sampingan.

Selain itu, modul Braille kaedah penanaman MMT turut diperkenalkan bagi memudahkan proses pemindahan ilmu secara teori. Projek rintis ini berjaya mengeluarkan hasil 150 biji MMT dengan anggaran nilai pulangan RM1,500.




Inovasi Pelajar Membantu Komuniti Petani

UMT telah mengadakan Student Research Day 2023 sebagai platform untuk pelajar mempamerkan kreativiti, daya reka cipta, inovasi dan semangat keusahawanan dalam mendepani cabaran Revolusi Industri ke-4 (IR4.0).

Heng Siew Teng, pelajar Program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) berjaya menghasilkan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) bertajuk 'Biochemical Profiling of Halotolerant Plant Growth – Promoting Rhizobacteria (HT-PGPR) Inoculated Rice Cultivated Under Saline Conditions' bagi membantu para petani memperluaskan aktiviti penanaman padi di kawasan tanah masin.

Projek ini dijangka dapat meningkatkan produktiviti padi, mengurangkan penggunaan bahan kimia dalam pertanian dan secara tidak langsung meningkatkan keselamatan makanan di Malaysia.



Sambutan WOW2023@UMT

Sepanjang bulan Jun 2023, sempena World Oceans Day (WOD) yang disambut pada 8 Jun setiap tahun, UMT telah mengadakan kempen kesedaran Hari Lautan Sedunia melalui pengisian pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga lautan. Antaranya program pembersihan pantai, siri seminar interaktif, program pelepasan 15,000 ekor anak udang hatcheri AKUATROP di pesisir pantai UMT, Ocean Art Exhibition anjuran Ocean HOPE UMT, program literasi lautan di sekolah, forum Heart of the Ocean bersama MISC Maritime Services, Ocean Harmoni Marine & Ocean Awareness Week bersama RHB Kuala Lumpur, Run with Turtle 3.0 melibatkan 2,000 peserta larian fizikal dan 4,000 virtual run, program WOW Marine Awareness Program Laguna Redang dan pelbagai lagi.

Selain itu, Karnival World Oceans Week 2023 (WOW 2023) bertemakan "Planet Lautan: Masa untuk Berubah" turut diadakan di Pantai Teluk Ketapang dengan penglibatan pelajar, staf, agensi serta komuniti. Pelbagai aktiviti seperti mencipta model kapal menggunakan bahan kitar semula, WOW Ship, Catch Me If U Can, pertandingan membina istana pasir, pertandingan bola tampar pantai, senamrobik dan pertandingan mewarna hidupan laut telah dijalankan. Program ini merupakan medium untuk berkongsi usaha dan peranan yang dimainkan oleh UMT sebagai sebuah universiti komprehensif yang berfokus dalam bidang sains kelautan dan sumber akuatik.








OfficialUMT


OfficialUMT


OfficialUMT


OfficialUMT




LAUTAN KITA,
DEPAN KITA


OfficialUMT

theSun

UMT volunteers plant Melaleuca trees to boost environmental sustainability



Media UMT

BERITA HARIAN

9 Disember 2023

Kawal aktiviti perikanan elak sumber marin pupus

Media UMT

BERITA HARIAN



UMT terus mantapkan hubungan dengan industri

Media UMT

BERITA HARIAN

27 November 2023

Cabaran monsun kembali ke UMT buat kali kelima

Media UMT

Kosmo!

21 November 2023

Usaha sama PPSB, UMT fokus pada R&D dalam operasi pelabuhan



Media UMT

Kosmo!

UMT bantu orang buta tanam melon

Media UMT

UTUSAN MALAYSIA

21 November 2023

PPSB, UMT bekerjasama mangkin inovasi industri pelabuhan

Malaysian Reserve

Ambitious or achievable? Assessing Malaysia's NETR emissions goals



Media UMT

Star

21 November 2023

Sungai Pulai mangrove system to be studied

"The research will strive to identify any signs of pollution that

Media UMT

BERITA HARIAN

23 Oktober 2023

'UMT kini setanding universiti terkemuka di Malaysia'

THE BORNEO POST

Experts: Ocean acidification may threaten national food security



Media UMT

BERITA HARIAN

Kerja sambilan tidak sekat mahasiswa cemerlang



Media UMT

BERITA HARIAN

6 November 2023

UMT, DBP jayakan program martabat bahasa kebangsaan

Media UMT

BERITA HARIAN

Program baharu UMT pikat pelajar antarabangsa



Media UMT

BERITA HARIAN

UMT lepaskan dua juta benih ketam bakau, udang galah



Media UMT

Kosmo!

Wakil UMT harumkan nama negara



Media UMT

Star

Seafarers, the backbone of maritime trade

Media UMT

UTUSAN MALAYSIA

25 Oktober 2023

UMT perlu cemerlang dalam pengajian Sains Antartika

Media UMT

UTUSAN MALAYSIA

12 Oktober 2023

Memacu kelestarian industri perikanan dan ekonomi masyarakat

Media UMT

BERITA HARIAN

10 Julai 2023

Penganjuran hari penyelidikan serlah inovasi pelajar

Media UMT

BERITA HARIAN

31 Julai 2023



UMT tanam semula 200 pokok bakau

Media UMT

BERITA HARIAN

21 Oktober 2023

Kakitangan awam perlu tangkas capai perkhidmatan 'kelas satu'

Media UMT

UTUSAN MALAYSIA

20 september 2023



UMT perkasa lima Kumpulan Penyelidik Berfokus

Media UMT

osmo!

7 Ogos 2023

UMT komited lakukan penyelidikan di Antartika



Media UMT

UTUSAN MALAYSIA

17 Oktober 2023



UMT teroka kerjasama dengan universiti Uzbekistan

Media UMT

BERITA HARIAN

18 Oktober 2023

UMT, SATU meterai perjanjian fokus kualiti bekalan air bersih



Media UMT

Kosmo!

28 Ogos 202



Mampu tingkat pendapatan cecah RM2,000 sebulan

UMT cipta unjam moden bantu nelayan

Media UMT

Kosmo!

Jadikan kampung tradisional lapangan ujian makmal universiti



Media UMT

NEW STRAITS TIMES

26 September 2023

PARTNERSHIP TO EMPOWER B40 YOUTH IN DIGITAL SPACE

Through SISIR, participants can acquire skills and global certification



Media UMT

BERITA HARIAN

UMT rangkul 3 anugerah di festival tari Bulgaria

Media UMT

Star

28 Julai 2023

Student bags Kazakh award for paper on Maliau Basin

Media UMT

UTUSAN MALAYSIA

25 Ogos 2023

Media UMT

BERITA HARIAN

3 Oktober 2023

Media UMT

Star

29 Ogos 2023

Varsity and group team up to train career ready graduates



Warga UMT sertai kempen kibar Jalur Gemilang

MALAYSIA MADANI



Dasar tiada hutang universiti usah jejas kebajikan pelajar



KESIMPULAN

UMT terus menyerlahkan keunggulannya sebagai sebuah universiti tersohor yang menjuarai ilmu kelautan dan sumber akuatik. Pelbagai pengiktirafan, penarafan dan kejayaan dikecapi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Manakala pelaksanaan pelbagai program dan penyelidikan berimpak tinggi pula telah mendapat liputan meluas daripada media massa dan media sosial hasil aktiviti promosi yang giat dijalankan. Selain itu, jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan mengukuhkan jenama dan citra UMT di mata jagat.



FAKTA DAN ANGKA

197
QS Asia University Rankings

1,001-1,200
QS World University Rankings
The World University Rankings

227
UI Greenmetric World Univerity Rankings

210,574
Likes, Facebook Official UMT

38
MoU/MoA

840
Liputan Media Massa

RM8,652,758
Advertising Sales Rate (ASR)



KELESTARIAN DAN PENDIGITALAN KAMPUS




KELESTARIAN
PENDIDIKAN
KAMPUS

PENGENALAN

Sebagai usaha menyahut agenda kelestarian dan pendigitalan kampus sebagaimana yang digariskan dalam PSUMT 2023-2027, UMT terus memperhebat usaha membangunkan infrastruktur dan infostruktur yang seimbang demi kesejahteraan warganya. Pembangunan ini juga disokong oleh penyediaan khazanah rujukan sumber ilmu dan ekosistem digital yang menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Selain itu, persekitaran kampus yang sihat dan selamat juga menjadi pelengkap dalam mewujudkan sebuah kampus yang kondusif.



PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Penyediaan infrastruktur dan fasiliti terbaik merupakan salah satu fokus UMT bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran serta keseluruhan operasi UMT agar dapat berjalan dengan baik. Justeru, pelbagai projek pembangunan dan penyelenggaraan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 merangkumi Kawasan kampus induk, Kampus Bukit Kor dan stesen-stesen penyelidikan alami.

PROJEK PEMBANGUNAN RMKE-11 DAN RMKE-12

KPT telah meluluskan peruntukan pembangunan lapan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tahun 2016 sehingga 2020 dengan kos keseluruhan berjumlah RM114,554,050.00. Manakala setakat tahun 2023, sebanyak enam projek baharu dan satu projek sambungan RMKe-11 diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi tahun 2021-2025 dengan peruntukan sebanyak RM54,983,100.00. Projek sambungan yang diluluskan di bawah RMKe-12 ialah projek Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai.

Peruntukan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tahun 2016-2020 adalah seperti berikut:

Projek	Peruntukan (RM)	Status
Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	20,000,100.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada 7 Februari 2025
Pembinaan Jalan dan Jambatan untuk Melengkapkan Lingkaran Jalan Kampus	8,112,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2026
Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah	24,999,950.00	Siap sepenuhnya
Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	9,000,000.00	Siap sepenuhnya
Pembinaan Stesen Penyelidikan Luar	3,000,000.00	Siap sepenuhnya
Penggantian Peralatan Makmal Usang	20,000,000.00	Siap sepenuhnya
Pembelian Peralatan Makmal untuk Melengkapkan Bangunan Baharu Makmal Sains Nautika, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	8,600,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2024

Projek	Peruntukan (RM)	Status
Pembelian Peralatan Makmal untuk Melengkapkan Bangunan Baharu Institut Bioteknologi Marin	10,842,000.00	Siap sepenuhnya
Kemudahan Infrastruktur dan Infostruktur UMT IR 4.0	10,000,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada April 2024

Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai

Agensi Pelaksana : Jabatan Pengairan dan Saliran
Kos Projek : RM40,000,000
Tarikh Jangkaan Siap : 7 Februari 2025










Pembinaan Jalan dan Jambatan untuk Melengkapkan Lingkaran Jalan Kampus Pantai

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek : RM 8,112,000.00
Tarikh Jangkaan Siap : Jun 2026




Manakala peruntukan projek di bawah RMKe-12 bagi tahun 2021-2025 (setakat tahun 2023) pula adalah seperti berikut:

Projek	Peruntukan (RM)	Status
Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai (* Projek sambungan RMKe-11)	19,999,900.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada 7 Februari 2025
UMT- Menaiktaraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada disebabkan oleh Mendapan Tanah	6,000,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada 14 Januari 2025

Projek	Peruntukan (RM)	Status
UMT - Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Bangunan Baharu Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah, Setiu	1,600,000.00	Dalam pelaksanaan
UMT – Pembangunan Kompleks Akademia	15,000,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap pada 19 November 2024
UMT - Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur	2,121,200.00	Dalam pelaksanaan
Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	6,262,000.00	Dalam pelaksanaan
UMT – Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor, Marang, Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu	4,000,000.00	Dalam pelaksanaan

UMT- Menaiktaraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah

Agensi Pelaksana : Jabatan Kerja Raya
Kos Projek : RM6,000,000
Tarikh Jangkaan Siap : 14 Januari 2025









UMT – Pembangunan Kompleks Akademia

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek : RM15,000,000
Tarikh Jangkaan Siap : 19 November 2024



EKOSISTEM DIGITAL

UMT sentiasa memberi penekanan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada warga universiti. Ini adalah selaras dengan usaha merealisasikan visi dan misi UMT dalam menjadi pemangkin penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus terbaik serta memenuhi kehendak pelanggan menerusi tadbir urus yang cekap, tepat dan berintegriti.

Menaiktaraf Capaian Internet Jalur Lebar UMT

UMT telah menaiktaraf capaian internet jalur lebar daripada kapasiti 5Gbps kepada 6Gbps. Perkhidmatan kapasiti bandwidth baharu talian akses internet atau *direct internet access* (DIA) & *Point to Point* (p2p) serta peralatan sokongan rangkaian internet merangkumi tiga buah lokasi utama iaitu Kampus Induk UMT, Kampus Bukit Kor dan Pusat Kesinambungan Bencana UMT di Cyberjaya untuk tempoh tiga tahun.

Perkhidmatan	Tahun pertama	Tahun kedua	Tahun ketiga
Bandwith Kampus Utama UMT	6Gbps	8Gbps	10Gbps
Bandwith Kampus UMT Bukit Kor	500Mbps	700Mbps	1Gbps
Talian Akses Point to Point	300Mbps	360Mbps	420Mbps

Projek Perkhidmatan Capaian Internet, Rangkaian Tanpa Wayar dan Sistem Pengkabelan di Stesen Penyelidikan Alami Biodiversiti Kenyir (SPABK) dan Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah (SPATB)

UMT telah menyediakan perkhidmatan capaian internet berkapasiti 30Mbps bagi tempoh tiga tahun dan menaiktaraf perkakasan peralatan tanpa wayar serta Internet Unlimited Broadband dengan 500GB penggunaan quota untuk tempoh sebulan di SPABK dan SPATB. Perkhidmatan ini dilaksanakan bagi membolehkan perkhidmatan rangkaian internet dapat digunakan bagi setiap aktiviti penyelidikan dan pembelajaran termasuk capaian kepada penggunaan aplikasi MyNemo dapat dicapai dengan baik di semua stesen penyelidikan.

Projek Menaiktaraf Capaian Rangkaian Tanpa Wayar dan Sistem Pengkabelan di Zon Kolej Kediaman

UMT telah menaiktaraf infrastruktur fizikal rangkaian tanpa wayar di Zon Kolej Kediaman iaitu Blok Ibnu Jarir, Blok At-Tharmizi, Blok At-Thabrani, Blok B1 dan Blok B2. Pembekalan peralatan yang terlibat adalah *Access Switch 24 port* dan *48 Port* serta *Wireless Access Point* (normal indoor), Penambahan nod *Unshielded Twisted Pair* (UTP) bagi *Access Point* dan *Network Telecommunication Closet*.

Impak utama pelaksanaan aktiviti ini adalah membolehkan kapasiti capaian oleh pengguna WiFi di kolej kediaman meningkat daripada 100Mbps kepada 1,000Mbps bagi rangkaian berwayar dan 54Mbps kepada 1,300Mbps bagi rangkaian tanpa wayar. Di samping itu, ianya bertujuan untuk memperluaskan lagi liputan isyarat rangkaian ke bilik penginapan pelajar yang sebelum ini terlalu perlahan dan lemah.

Penyelenggaraan dan Pelanjutan Jaminan Waranti Peralatan Utama Rangkaian

Aktiviti penyelenggaraan dan pelanjutan jaminan waranti peralatan utama ini melibatkan beberapa kategori peralatan dan sistem seperti berikut :

- Suis utama (core switch)
- Suis pengagihan (distribution switch)
- Suis akses pengguna (user access switch)
- Pengawal LAN titik capaian tanpa wayar (wireless LAN controller)
- Titik akses tanpa wayar (wireless access point)
- Sistem pemantauan rangkaian (network monitoring system)

Objektif utama pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk membolehkan UMT menerima perkhidmatan penyelenggaraan daripada jurutera teknikal rangkaian yang kompeten dan bertauliah serta memastikan keseluruhan peralatan bernilai tinggi terjamin kebolehgunaannya menerusi program insurans peralatan berkenaan. Impak pelaksanaan aktiviti ini membolehkan keseluruhan peralatan rangkaian berkenaan bebas daripada gangguan perkhidmatan kerana mendapat perlindungan 24 jam, tujuh hari seminggu daripada pengeluar produk. Selain itu, penjimatan kepada universiti dapat dilaksanakan berikutan kos penyelenggaraan dan pelanjutan jaminan waranti yang rendah berbanding kos perolehan baharu sekiranya peralatan dan sistem berkenaan mengalami kerosakan.

Pembangunan Sistem Aplikasi Secara Web (*Web Based*)

Penggunaan sistem aplikasi dalam talian adalah sangat penting bagi melancarkan proses kerja dan pengurusan operasi harian. Pelbagai pembangunan aplikasi baharu dan penyelenggaraan ke atas modul-modul sistem telah dilaksanakan selaras dengan keperluan pengguna. Sebanyak 12 sistem dan modul aplikasi baharu telah disiapkan dan 21 sistem dan modul ditambah baik pada tahun 2023.

e-Discovery
Sistem berkaitan pengurusan kapal UMT

Modul Permohonan Tarik Diri Pengajian
Sistem berkaitan permohonan tarik diri pelajar daripada pengajian

Sistem Pengurusan Kualiti (MyQ)
Sistem berkaitan pengurusan kualiti UMT yang terdiri daripada Modul ISMS, QMS, Kualiti Akademik, Modul Objektif Kualiti.

Sistem Mobiliti
Sistem berkaitan program mobiliti bakat UMT merangkumi sangkutan akademik dan bukan akademik, cuti penyelidikan, cuti sabatikal dan program pasca kedoktoran.

Sistem Maklumat STEM
Sistem berkaitan maklumat pelajar program asasi (Modul Peperiksaan)

e-Cuti
Sistem berkaitan pengurusan cuti merangkumi pelbagai jenis cuti

Sistem/Modul Baharu



e-Claim
Sistem berkaitan pengurusan tuntutan perjalanan dalam negeri

Sistem Permohonan Pindah Kredit
Sistem berkaitan pengurusan permohonan pindah kredit dalam pengajian

Sistem Pendaftaran Kursus Luar Tempoh
Sistem berkaitan pendaftaran kursus luar tempoh yang ditetapkan oleh pelajar

Sistem Microcredential
Sistem berkaitan kursus Microcredential Fasa 1 (Modul Admin)

Sistem Pengurusan Penyelidikan
Sistem berkaitan pengurusan penyelidikan Fasa 1 (Modul tadbir urus geran)

Integrasi e-RMS dan SAGA
Mengintegrasi data penyelidikan (e-RMS) dan kewangan (SAGA)

Sistem/Modul Ditambahbaik

- Sistem Pusat Pengurusan Siswazah
- Sistem Penjadualan Waktu Kuliah (SPWK)
- Sistem Maklumat berasaskan Web (SMPWEB)
- Gaji Saraan
- Sistem MyHarta
- Penambahbaikan Modul L.O
- Sistem ePencen
- Modul Permohonan Asrama
- e-Cuti
- Sistem Kewangan Pelajar




- e-Pembekal
- Sistem Maklumat Pelajar (SMP)
- Portal MyNemo ke versi baharu
- MyTime
- Dermasiswa Endowmen
- Penambahbaikan e-Profile
- MyMedic
- i-Akademik
- Sistem Pusat Pengurusan Siswazah
- Sistem e-LNPT
- e-Prestasi




Pembangunan Aplikasi Mudah Alih UMT

Aplikasi mudah alih UMT merupakan inovasi perkhidmatan UMT yang bertujuan untuk mempelbagaikan saluran perkhidmatan melalui peranti pintar. Aplikasi mudah alih UMT boleh dimuat turun melalui Apple Store dan Google Play Store. Pada tahun 2023, sebanyak dua modul dan aplikasi mudah alih telah dibangunkan.



iStaff@UMT

Modul eGigi



iStudent @UMT

- **Modul Kemaskini Maklumat Profil Pelajar**
- **Modul e-Sticker**
- **Modul e-Aduan (Kolej Kediaman)**
- **Modul Akses oleh Pengguna Luar UMT (Guest)**

Hari Ekosistem Digital 2023


Hari Ekosistem Digital 2023 telah dilaksanakan pada 19-20 Disember 2023 di UMT. Program dwi tahunan ini diadakan bertujuan untuk mendampingi masyarakat kampus dengan aktiviti ICT di samping memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada warga UMT. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan merangkumi Technology Talk daripada Huawei Technologies, Polis Diraja Malaysia Terengganu, CyberSecurity Malaysia, Google Malaysia, Cisco Malaysia dan e-Learning UMT.





PENGURUSAN SUMBER ILMU

Koleksi sumber ilmu UMT terus dipertingkat dalam misi menjadikan UMT sebuah gedung ilmu yang mampu meneroka pelbagai pengetahuan dan teknologi baharu. Peningkatan ini adalah bagi memenuhi keperluan sumber maklumat terkini dalam menyokong aspek pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Sepanjang tahun 2023, sejumlah 3,571,961 judul (3,611,746 naskhah) bahan rujukan terdapat dalam koleksi Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), UMT yang terdiri daripada bahan sumber bercetak, bahan sumber tidak bercetak dan bahan sumber dalam talian.



Sumber Bercetak
- 96,509 judul
- 13,404 naskhah

Sumber Tidak Bercetak
- 8,575 judul
- 12,465 naskhah

Sumber dalam Talian
- 8 Pangkalan Data : 3,378,176 judul
- 19 Platform e-Book : 66,588 judul
- Jurnal (Nature): 1 Judul/naskhah
- UMT-IR (Bahan Digital): 22,122 judul/
- naskhah

Selain sumber bercetak dan sumber tidak bercetak, UMT juga mempunyai sebanyak 3.37 juta koleksi dalam talian. Koleksi dalam talian ini terkandung dalam 27 pangkalan data terdiri daripada lima pangkalan data jurnal, satu tool pengkatalogan, 19 platform buku elektronik langganan UMT serta dua pangkalan data langganan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



3.37 juta koleksi
dalam talian
27 pangkalan data

5 Pangkalan Data Langganan UMT
- Science Direct
- ProQuest Dissertation
- Web of Science
- LexisNexis
- Law Net

2 Pangkalan Data Langganan KPT
- Science Direct
- ProQuest Dissertation
- Web of Science
- LexisNexis
- Law Net

1 Tool pengkatalogan
- LC Classification Web

19 Buku Elektronik
- Springer Nature
- EBSCO e-Books
- Info-Sci e-Books
- McGraw e-Books
- Cambridge Books Online
- Oxford Scholarship Online
- CABI E-Books
- Wageningen e-Books
- CRC
- Taylor & Francis e-Books
- Elgar Online e-Books
- Royal Society Chemistry e-Books
- Emerald
- ProQuest
- Science Direct
- Wiley
- IOS Press e-Books
- World Scientific e-Books
- Astral

Pemerkasaan Repositori Institusi (UMT-IR)

Setakat 31 Disember 2023, UMT-IR telah menambah 984 bahan digital dengan peningkatan sebanyak 4.5%. Sepanjang tahun 2023, terdapat 22,112 bahan digital berbanding 21,128 bahan digital pada tahun 2022.

TESIS DIGITAL 1,729	LAPORAN PROJEK 5,165	KOLEKSI ARKIB 1,478	KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN DIGITAL 6,937
KOLEKSI PSNZ 276	KOLEKSI GAMBAR DIGITAL 279	E-BUKU 1,020	KOLEKSI MYRA 4,074
FAIL ARKIB 60	LAPORAN TAHUNAN UMT 36	KOLEKSI UMTAS 1	MINIT MESYUARAT 672
UMT BOOKS PUBLICATION 128	BOOKS DONATION 27	BAHAN PERIKANAN 54	BAHAN SUMBER MEDIA 176

JUMLAH KESELURUHAN

22,112

Perkhidmatan Pengguna

Sepanjang tahun 2023, seramai 74,171 orang pengguna telah mengunjungi perpustakaan UMT secara maya dan 243,336 orang hadir secara fizikal dengan jumlah keseluruhan sebanyak 317,507 orang.

Capaian akses media sosial perpustakaan turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan merekodkan sebanyak 189,917 capaian.

132 Penggunaan Koleksi Khas	4,157 Pinjaman Bahan	767,599 Muat Turun Koleksi Digital
189,917 Capaian Akses Media Sosial	74,171 Kunjungan Maya	243,336 Kunjungan Fizikal

Aktiviti Bersama Pengguna

Pelbagai aktiviti perpustakaan telah diadakan dalam menyokong aspirasi pendidikan negara. Sebanyak 93 kelas pendidikan pelanggan telah dilaksanakan dengan kehadiran seramai 2,192 orang peserta dicatatkan sepanjang tahun 2023. Selain itu, program Sarapan Percuma kepada 100 Pengguna Terawal, Jom Baca Bersama 10 Minit, Program Minggu Bersama Pelajar, PSNZ Open Day, Library Outreach dan Program Promosi Keahlian Luar turut diadakan bagi menggalakkan kehadiran pengguna ke perpustakaan.










UMT
EXTERNAL MEMBERSHIP PSNZ
Enjoy these benefits
1
2
3
4

Aktiviti Perpustakaan Bersama Komuniti

UMT melalui Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) turut melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi memperkasakan perkhidmatan kepada pelanggan serta mengukuhkan jaringan strategik bersama pelbagai organisasi. Program-program berbentuk pemindahan ilmu dan tanggungjawab sosial terutamanya melibatkan sekolah dan pusat sumber telah diadakan.

Bengkel Pemindahan Ilmu : Penyuntingan Video Menggunakan Microsoft Power Point

- 26 Jan 2023
- 3 guru dan 25 pelajar
- SMK Dato' Haji Abbas dan PSNZ UMT

Program Lawatan Transfer Knowledge S-Lib, SMKADHA.

- 10 April 2023
- 2 orang guru dan 1 pembantu operasi dan 1 juruteknik PPD
- SMK Dato' Haji Abbas dan PSNZ UMT

Program Sumbangan Buku SK Pechah Rotan

- 23 Mei 2023
- 78 murid dan 11 guru
- SK Pechah Rotan

Bengkel Pemindahan Ilmu : Asas Pengkatalogan Menggunakan S-LIB

- 7 Jun 2023
- 46 pelajar dan 3 guru
- SMK Dato' Haji Abbas dan PSNZ UMT

Program Lawatan Khidmat Bantu S-LIB HUTEC

- 24 Julai 2023
- 3 orang guru media Kolej Tingkatan Enam Hulu Terengganu
- Kolej Tingkatan Enam Hulu Terengganu (HUTECs) dan PSNZ UMT

Program Resensi Buku Bersama Penulis : Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri "Salam Terakhir"

- 8 Ogos 2023
- 275 peserta
- Dengan kerjasama Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Hari Terbuka Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Nerus Tahun 2023

- 22-23 September 2023
- Seluruh sekolah daerah Kuala Nerus
- Anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Nerus

Program Literasi Maklumat dalam Nilam SMK Sultan Ahmad

- 15 September 2022
- 32 peserta
- SMK Sultan Ahmad dan PSNZ UMT

Majlis Penyerahan Perabot/ Peralatan /Buku Sumbangan Etiqa General Takaful Berhad

- 19 November 2023
- SK Lubuk Periuk, SK Betong, SK Duyong, SMK Dato' Haji Mohamad Said
- 21 peserta
- Kerjasama Etiqa General takaful Berhad dan PSNZ UMT









LAWATAN BERMAKLUMAT KE PERPUSTAKAAN

Sepanjang tahun 2023, aktiviti lawatan bermaklumat khususnya ke PSNZ UMT turut menjadi tumpuan dengan kehadiran seramai 1,182 orang pelawat daripada 13 buah agensi kerajaan dan swasta serta 22 buah sekolah dari dalam dan luar negara. Program ini membolehkan peserta menimba dan berkongsi ilmu pengetahuan baharu di samping berkongsi pengalaman pengurusan perpustakaan yang lebih berkesan dan bermakna. Para pelawat turut diberikan taklimat berkenaan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pengguna serta merasai pengalaman menggunakan kemudahan yang disediakan.

Lawatan Bermaklumat

1182 Peserta **13** Agensi **22** Sekolah







AKTIVITI BERIMPAK PERPUSTAKAAN

LOI Antara Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah UMT dan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah UniSZA serta Perasmian Book Café

Pada 8 Oktober 2023, permeteraian Surat Niat (LOI) melibatkan PSNZ UMT dan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah dilaksanakan bertempat di Ruang Pameran, Aras 1 PSNZ. Majlis ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMT dan UniSZA serta dihadiri seramai 40 orang staf dari kedua-dua universiti. Kerjasama ini membolehkan UMT dan UniSZA menganjurkan pelbagai aktiviti secara bersama.

Pada majlis yang sama, turut dilancarkan sudut infra baharu PSNZ yang dikenali sebagai Book Cafe. Ia merupakan satu pendekatan baharu bagi menarik minat warga UMT berkunjung ke perpustakaan, menikmati kopi di Book Cafe di samping membaca buku, menelaah pelajaran mahupun bersosial bersama rakan-rakan di waktu yang terluang. Inisiatif ini merupakan salah satu citra dalam mencapai sebahagian komponen pendigitalan kampus sepertimana termaktub dalam PSUMT 2023-2027. Bukan sekadar kafe, malah ia menerapkan elemen digitalisasi melalui penawaran perkhidmatan sehinggalah kaedah bayaran.



Program latihan dan sangkutan staf | Program USR | Perkongsian maklumat dan fasiliti | Perkongsian amalan terbaik | Promosi bersama | Program kebajikan, sukan dan rekreasi | Peluang kemampanan kewangan





PENGANJURAN SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANTU PUSTAKAWAN 2023

UMT melalui PSNZ telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Pembantu Pustakawan pada 22-23 Ogos 2023 secara hibrid bertempat di Auditorium PSNZ. Seminar ini merupakan program dwitahunan khusus untuk membentuk kompetensi Pembantu Pustakawan serta menjadi wadah untuk berkongsi pengalaman, inovasi dan perkongsian pengetahuan oleh institusi terlibat.

Seramai 304 orang Pembantu Pustakawan dari 63 buah agensi awam dan swasta dengan komposisi seramai 79 peserta hadir secara fizikal dan 225 secara dalam talian. Program ini turut disertai peserta dari Sabah dan Sarawak serta enam orang staf Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam dan seorang staf dari Universitas Pendidikan Indonesia.

Bertemakan "Literasi Digital Pemangkin Profesionalisme Pembantu Pustakawan Nusantara", seramai 12 orang penceramah dari Semenanjung Malaysia, Sarawak, Indonesia dan Brunei telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan dapatan mereka.

Program ini bermatlamat untuk menghasilkan resolusi bagi penambahbaikan profesion Pembantu Pustakawan dalam aspek kemajuan kerjaya, prestasi perkhidmatan serta memberi nafas baharu terhadap peranan sebenar Pembantu Pustakawan dalam menyokong kecemerlangan organisasi.







PERSEKITARAN SIHAT DAN SELAMAT


Kesihatan dan keselamatan warga kampus sentiasa diberi perhatian dalam memastikan kesejahteraan warga dan mewujudkan budaya kerja yang kondusif. Pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Bahagian Keselamatan bagi memastikan kelestarian dari sudut kesihatan dan keselamatan warga.

UMT melalui PKU berperanan dalam menyediakan rawatan yang cekap dan berkesan serta memupuk budaya gaya hidup dan minda sihat kepada semua warga staf dan pelajar UMT.

Selain daripada perkhidmatan pesakit luar, perubatan dan pergigian, PKU turut menyediakan perkhidmatan klinik diet, klinik terapi berat badan, klinik berhenti merokok dan program Jom Sihat UMT yang melibatkan ceramah kesihatan dan aktiviti fizikal. Saringan pemeriksaan kesihatan berjadual kepada 718 orang staf yang berusia 40 tahun dan ke atas turut diadakan bagi memastikan kesihatan warga UMT di tahap yang baik.

Komitmen dan kecaknaan yang tinggi terhadap persekitaran yang sihat telah membawa UMT memenangi tempat ketiga dalam pertandingan Anugerah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan Tahun 2023. Selain itu, UMT turut dinobatkan sebagai penyumbang aktif Program Derma Darah Tahun 2023 peringkat negeri Terengganu.

PERATUS PELANGGAN UNIT PESAKIT LUAR PKU MENGIKUT KATEGORI















Perkhidmatan keselamatan pula tertumpu kepada beberapa aspek seperti ancaman manusia, kawalan perimeter kampus, rondaan keselamatan, kawalan lalu lintas, siasatan dan sebagainya. Selain itu, beberapa cabaran unik lain turut dihadapi seperti ancaman binatang berbisa dan buas terutamanya di kampus luar dan stesen penyelidikan seperti di Bukit Kor dan Tasik Kenyir.

Dalam tempoh tiga tahun kebelakang, peratusan laporan jenayah kampus menunjukkan trend menurun. Pada tahun 2021 terdapat 12 kes dilaporkan manakala tahun 2022 dan 2023 masing-masing sebanyak 10 dan sembilan kes dilaporkan. Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan untuk mengekang jenayah kampus. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 34 operasi khas telah dilaksanakan bagi memastikan peraturan-peraturan keselamatan sentiasa dipatuhi oleh warga kampus.

Ops Tebuk	Ops Roda	Ops Kad	Ops Tapis	Ops kunci
8 kali	8 kali	12 kali	3 kali	3 kali

Kepekaan warga terhadap kepentingan keselamatan juga sentiasa dipupuk melalui pelbagai hebahan, perkongsian dan panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, sebanyak 61 siri Info Keselamatan dikongsi kepada warga sepanjang tahun 2023 yang lalu.



KESIMPULAN

Persekitaran kampus yang lestari dan selamat serta dilengkapi pelbagai kemudahan dan teknologi berciri IR4.0 menjadikan UMT sebuah kampus yang kondusif khususnya dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Usaha ke arah memantapkan UMT sebagai sebuah kampus digital pula akan meningkatkan kualiti penyampaian dan perkhidmatan tanpa sempadan dan lebih efektif seiring dengan kemajuan teknologi.

FAKTA DAN ANGKA

7
Projek RMKe-12

RM54,983,100
Nilai Projek RMKe-12

12
Pembangunan Sistem dan Modul Aplikasi Baharu

21
Sistem dan Modul Ditambahbaik

3,571961
Judul

3,611,746
Naskhah Koleksi Rujukan PSNZ

22,112
Bahan Digital


718
Orang Staf Mengikuti Program Saringan Kesihatan

34
Operasi Khas Keselamatan Kampus



KELESTARIAN KEWANGAN




KELESTARI
KEWANGA

PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan keseluruhan kumpulan UMT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berjumlah RM277.88 juta berbanding RM285.37 juta pada tahun 2022 dengan penurunan sebanyak 2.62% (RM7.49 juta).

Manakala perbelanjaan keseluruhan kumpulan UMT pada tahun 2023 ialah sebanyak RM298.95 juta berbanding RM283.03 juta pada tahun 2022 yang mencatatkan peningkatan sebanyak 5.62% (RM15.92 juta).

	2023 RM' juta	2022 RM' juta	Peningkatan / (Penurunan) (%)
Pendapatan	277.88	285.37	(2.62)
Perbelanjaan	298.95	283.03	5.62


Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2023 dan 2022

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UMT bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga 2023 adalah sepertimana berikut:


	2023 RM' juta	2022 RM' juta	2021 RM' juta	2020 RM' juta	2019 RM' juta
Pendapatan	277.88	285.37	260.41	251.94	248.75
Perbelanjaan	298.95	283.03	246.27	247.86	244.02
Surplus/ (Defisit)	21.07	2.34	14.14	4.08	4.73

Pendapatan

Pendapatan keseluruhan kumpulan UMT pada tahun 2023 ialah sebanyak RM277.88 juta. Daripada jumlah pendapatan ini sebanyak RM228.01 juta (82.05%) merupakan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran yang terdiri daripada pemberian geran mengurus kerajaan, geran tertunda direalisasi, pemberian sumbangan lain serta denda. Manakala sejumlah RM48.90 juta (17.60%) merupakan hasil daripada urus niaga pertukaran yang terdiri daripada yuran pengajian, faedah simpanan tetap, hasil sewaan, jualan produk dan perkhidmatan serta hasil pelbagai dan sebanyak RM0.97 juta (0.35%) pula hasil daripada pendapatan operasi lain.



Kedudukan Pendapatan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2023 dan 2022




Komponen Pendapatan Universiti Bagi Tahun 2023 dan 2022

Berdasarkan jumlah pendapatan kumpulan UMT pada tahun 2023, sumber pendapatan utama merupakan pemberian kerajaan sebanyak RM181.63 juta (65.36%). Komponen kedua adalah pendapatan yuran berjumlah RM27.66 juta (9.95%), seterusnya geran tertunda direalisasi berjumlah RM35.00 juta (12.60%) dan pendapatan lain yang terdiri daripada pelbagai kategori pendapatan seperti faedah pelaburan, hasil sewaan, hasil aktiviti universiti dan sumbangan daripada individu serta agensi luar berjumlah RM33.59 juta (12.09%).

Perbelanjaan

Perbelanjaan Kumpulan UMT pada tahun 2023 berjumlah RM298.95 juta. Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM151.10 juta (50.54%) adalah untuk perbelanjaan emolumen yang merupakan perbelanjaan utama universiti diikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM112.20 juta (37.53%). Manakala belanja susut nilai berjumlah RM26.12 juta (8.74%), pemberian dan kenaan tetap direkod sebanyak RM3.35 juta (1.12%) dan RM6.18 juta (2.07%) adalah untuk perbelanjaan lain.



Komponen Perbelanjaan Universiti Bagi Tahun 2023 dan 2022


Aset dan Liabiliti

Nilai keseluruhan Aset kumpulan UMT pada tahun 2023 adalah RM 704.21 juta. Jumlah ini menurun sebanyak 0.04% (RM27.36 juta) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM731.57 juta. Manakala Liabiliti UMT adalah sebanyak RM112.60 juta menurun sebanyak 0.06% (RM7.0 juta) berbanding RM119.61 juta pada tahun 2022. Secara keseluruhan, jumlah aset bersih UMT menurun sebanyak 0.03% atau RM20.35 juta pada tahun 2023 berbanding tahun 2022.


	2023 RM' juta	2022 RM' juta	Peningkatan / (Penurunan) (%)
Aset	704.21	731.57	(0.04)
Libiliti	112.60	119.61	(0.04)
Aset bersih	591.61	611.96	(0.03)

Kedudukan Aset dan Liabiliti UMT pada Tahun 2023 dan 2022


Perbandingan kedudukan aset dan liabiliti serta aset bersih UMT bagi tempoh lima tahun dari tahun 2019 sehingga 2023 adalah sepertimana berikut:



Kedudukan komponen aset dan liabiliti pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 adalah sepertimana berikut:



Komponen Aset pada Tahun 2023 dan 2022



Komponen Liabiliti pada Tahun 2023 dan 2022

Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus

Pendapatan mengurus UMT bagi tahun 2023 berjumlah RM209.44 juta, menurun sebanyak RM15.50 juta (6.89%) berbanding RM224.95 juta pada tahun 2022. Daripada jumlah ini, RM180.90 juta adalah Pemberian Kerajaan dan selebihnya RM20.59 juta daripada Pendapatan Yuran dan RM7.96 juta adalah Pendapatan Lain.

Komponen Pendapatan	2023		2022	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	180,898,400	86.37	192,349,500	85.51
Yuran	20,587,446	9.83	19,584,154	8.70
Pendapatan Lain	7,959,969	3.8	13,016,484	5.79
Jumlah	**209,445,815**	**100.00**	**224,950,138**	**100.00**

Pendapatan Mengurus Tahun 2023 dan 2022

Manakala perbelanjaan mengurus bagi tahun 2023 berjumlah RM238.85 juta, meningkat sebanyak RM16.41 juta (7.38%) berbanding RM222.44 juta tahun 2022. Perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan tertinggi yang berjumlah RM150.06 juta (62.84%).

Komponen Perbelanjaan	2023		2022	
	RM	%	RM	%
Emolumen	150,062,649	62.83	140,971,401	63.38
Perkhidmatan & Bekalan	76,672,950	32.10	66,807,768	30.03
Pemberian & Kenaan	2,008,062	0.84	2,680,880	1.20
Susut Nilai	5,715,701	2.39	5,397,449	2.43
Perbelanjaan Lain	4,391,428	1.84	6,580,218	2.96
Jumlah	**238,850,790**	**100.00**	**222,437,716**	**100.00**

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023 dan 2022

Pendapatan dan Perbelanjaan Pembangunan

Pemberian kerajaan untuk belanja pembangunan bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM16.32 juta meningkat sebanyak 20.04% (RM2.72 juta) berbanding RM13.6 juta pada tahun 2022. Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM22.64 juta bertambah sebanyak 37.91% (RM6.22 juta) berbanding tahun sebelumnya iaitu RM16.42 juta. Perbelanjaan pembangunan mengikut projek tahun 2023 dan 2022 dipaparkan sebagaimana jadual berikut:

Projek	2023		2022	
	RM	%	RM	%
RMKe-12				
Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor, Marang, Terengganu	482,899.90	2.13	-	-
Menaik Taraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah	685,501.30	3.03	-	-
Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	476,669.70	2.10	9,875	0.06
Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur	386,594.40	1.71	1,249,326	7.61
Pembangunan Kompleks Akademia	2,648,887.21	11.70	233,216	1.42
Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Bangunan Baharu Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah, Setiu	973,101.00	4.30	229,666	1.40
RMKe-11				
UMT - Pembinaan Stesen Penyelidikan Luar	-	-	179,687	1.09
UMT - Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah	2,394,234.94	10.57	8,726,881	53.15
UMT - Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, PPSPA	25,868.35	0.11	-	-
UMT - Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	7,273,343.60	32.12	381,756	2.32
UMT - Penggantian Peralatan Makmal Usang	200,837.66	0.89	2,481,327	15.11
UMT - Kemudahan Infrastruktur dan Infostruktur IR 4.0 (Redesigning UMT'S Eduction for Industry 4.0)	8,440.00	0.04	546,292	3.32
UMT - Pembelian Peralatan Makmal untuk Kelengkapan Bangunan Baru IMB	35,000.00	0.16	2,099,324	12.79

Projek	2023		2022	
	RM	%	RM	%
UMT - Pembelian Peralatan Makmal Sains Nautika, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	1,829,799.45	8.08	241,286	1.47
RMKe-10				
Pakej 2B (Bangunan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Pusat Pengajian Siswazah)	-	-	12,380	0.07
Pakej 2D (Bangunan Pusat Islam)	67,986.62	0.30	-	-
Perolehan Peralatan Makmal, Pengajaran dan ICT	-	-	26,670	0.18
Pembinaan Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	-	-	1,175	0.01
Baki/Penjimatan DE Projek RMLT	2,358,090.00	10.41	-	-
Projek Penyelenggaraan Fasiliti Universiti Awam RP3 Tahun 2023	2,795,765.30	12.35	-	-
Jumlah	**22,643,019.43**	**100.00**	**16,418,861**	**100.00**

Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Projek Tahun 2023 dan 2022



KELESTARIAN KEWANGAN

Kelestarian kewangan merupakan tunjang utama dalam mendokong hasrat kerajaan mewujudkan sistem kewangan yang mampan untuk pendidikan tinggi Malaysia dan memastikan visi universiti tercapai. Strategi yang telah dilaksanakan untuk melestarikan kewangan dirangka dengan menumpukan kepada pemerkasaan penjanaan pendapatan dan pengurusan kewangan berhemah.

Inisiatif Penjanaan

Penjanaan pendapatan universiti dilaksanakan melalui pengukuhan anak syarikat dan mengoptimumkan penjanaan hasil melalui aset dan fasiliti yang dimiliki oleh universiti. Beberapa program inisiatif penjanaan telah dilaksanakan pada tahun 2023.







Penjanaan melalui penyediaan latihan dan pembangunan bertujuan untuk meningkatkan prestasi kerja dalam kepelbagaian tenaga kerja dan membantu perkembangan kerjaya individu/organisasi.



Penjanaan melalui sewaan dan pelbagai pakej program menggunakan fasiliti universiti





Bantuan Kewangan Pelajar


UMT sentiasa cakna dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar terpelihara. Pelbagai usaha dan saluran bantuan kewangan kepada pelajar UMT telah disediakan.

Dermasiswa Endowmen UMT 2023

Dermasiswa Endowmen UMT merupakan salah satu kategori penajaan dana endowmen UMT berbentuk bantuan kewangan minimum sebanyak RM3,000.00 setahun. Bantuan ini ditawarkan kepada pelajar yang layak, bertujuan untuk membantu meringankan keperluan pembelajaran dan sara hidup pelajar sepanjang tempoh pengajian. Sumber kewangan dermasiswa ini adalah hasil sumbangan staf UMT yang prihatin dengan kesusahan yang dialami oleh segolongan pelajar kurang berkemampuan. Selain daripada staf, UMT juga menerima sumbangan dana daripada institusi kewangan dan perbankan serta sumbangan individu luar.

Bagi sesi 2023/2024, jumlah tawaran dana dermasiswa endowmen adalah sebanyak RM169,500.00 yang dimanfaatkan oleh 22 orang pelajar. Jumlah keseluruhan Dermasiswa Endowmen UMT yang telah diagihkan kepada pelajar adalah sebanyak RM1.239 juta.





Zakat

Pada tahun 2023, sejumlah RM1,985,586.41 sumbangan zakat telah diterima oleh UMT. Antara penyumbang utama ialah Bank Pembangunan Malaysia Berhad sebanyak RM479,720.00, Etiqa Family Takaful Berhad sebanyak RM432,900.00, Lembaga Tabung Haji sebanyak RM350,000.00 dan Maybank Islamic Berhad sebanyak RM180,000.00. Manakala hasil daripada Pulangan 2/8 Zakat Pendapatan Staf UMT melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) pula berjumlah RM266,411.00.

RM1,985,586.41
Sumbangan zakat yang telah diterima oleh pihak UMT. Peningkatan **81%** berbanding tahun 2022

13
Agensi termasuk sumbangan 2/8 bahagian zakat pendapatan staf UMT dan individu







2587
Jumlah pelajar yang menerima manfaat.
Peningkatan **47%** berbanding 2022

RM1,379,320.00
Jumlah dana yang telah disalurkan melalui 40 kali sesi agihan

13
Jumlah penyumbang

Senarai Agihan

Dermasiswa Al-Islah TH dan MAIDAM (Bantuan Yuran)
RM156,000.00

Dermasiswa Al-Falah Kinrara dan TH (Pelajar Cemerlang)
RM60,500.00

Dermasiswa Muallaf Kinrara (Saudara Baharu)
RM1,400.00

Dermasiswa Al-Amin TH, Etiqa, MAIDAM dan Ambank (Sara Hidup)
RM360,000.00

Dermasiswa Al-Ikhlas MIDAM, Etiqa, BIMB, Bank Rakyat (Pelajar Baharu
RM313,500.00

Bantuan Bencana Banjir Etiqa
RM78,500.00

Asnaf Plus Etiqa dan Takaful Malaysia (Asnaf Crew)
RM185,900.00

Asnaf Plus TH, MAIDAM (Cakna Asnaf)
RM11,000.00

Asnaf Pro MAIDAM, BPMB (Biasiswa Al-Idrisi UMT)
RM212,5200.00

Wakaf

Bagi memperkasakan agenda wakaf negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah memperuntukkan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 bahawa sumbangan wakaf tunai layak diberi potongan cukai. Wakaf Tunai UMT layak mendapat kelulusan Tolakan Cukai bagi Wakaf di bawah subsyeksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 1 oktober 2023 yang lalu.

Kejayaan UMT sebagai salah sebuah UA terawal mendapat kelulusan ini telah diumumkan dalam Majlis Perasmian Program Kelestarian Pendapatan Universiti Melalui Integrasi Zakat, Wakaf Dan Endowmen (Izawen) Pada 7 November 2023 yang disempurnakan oleh Y.A.M. Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, Tunku Besar Seri Menanti, Negeri Sembilan.





KESIMPULAN

Pendapatan keseluruhan kumpulan UMT pada tahun 2023 mencatatkan penurunan sebanyak 2.62% manakala perbelanjaan keseluruhan pula meningkat sebanyak 5.62% berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, nilai keseluruhan aset kumpulan UMT dan liabiliti turut menurun masing-masing sebanyak 0.04% dan 0.06%. Bagi terus menyokong operasi dan kelestarian kewangan universiti, UMT memperhebat usaha penjanaan pendapatan serta mengamalkan langkah-langkah penjimatan. Di samping itu, kebajikan pemegang taruh utama iaitu para pelajar sentiasa diberi perhatian melalui pelbagai inisiatif seperti dermasiswa, zakat dan wakaf.

FAKTA DAN ANGKA

RM277.88 juta
Jumlah Pendapatan

RM298.95 juta
Jumlah Perbelanjaan

RM704.21 juta
Nilai Asset

RM1.239 juta
Agihan Manfaat Dermasiswa Endowmen

RM1.986 juta
Sumbangan Zakat



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 44.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
18 JULAI 2024

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **PROFESOR DR. MOHAMAD SALMI BIN MOHD SOHOD** dan **PROFESOR DATO' DR. MAZLAN BIN ABD GHAFFAR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **MOHAMAD SALMI BIN MOHD SOHOD**

GELARAN : **PROFESOR DR.**

TARIKH : 27 FEB 2024

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **MAZLAN BIN ABD GHAFFAR**

GELARAN : **PROFESOR DATO' DR.**

TARIKH : 27 FEB 2024

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Saya, **AZIZAH BINTI HASAN (No.KP: 770401-11-5732)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
AZIZAH BINTI HASAN
di Kuala Terengganu } .....
di Negeri Terengganu
pada 26 FEB 2024 ..... } **BENDAHARI**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
T 094
ROSLINA BINTI GHAZALI
PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
1.12.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN 2023 RM	KUMPULAN 2022 RM	UNIVERSITI 2023 RM	UNIVERSITI 2022 RM
ASET					
Aset Semasa					
Tunai di tangan dan di bank	4	9,270,346	33,432,445	8,360,160	31,253,022
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	5	230,750,799	245,500,629	230,750,799	245,500,629
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	6	9,926,449	6,937,387	7,163,027	5,797,013
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	7	2,244,063	707,351	2,244,063	707,351
Lain-Lain Belum Terima	8	900,369	996,146	900,369	996,146
Wang Cagaran dan Prabayar	9	1,904,849	540,455	1,660,136	347,021
Percukaian		-	69,235	-	-
Jumlah Aset Semasa		**254,996,875**	**288,183,648**	**251,078,554**	**284,601,182**
Aset Bukan Semasa					
Aset Cukai Tertunda	10	263,520	144,056	-	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	7	9,621,905	9,645,121	9,621,905	9,645,121
Lain-Lain Belum Terima	8	1,974,000	1,986,280	1,974,000	1,986,280
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	11	-	-	1,125,674	1,962,042
Saham Keutamaan Boleh Tebus	12	-	-	400,000	400,000
Pelaburan Lain	13	117,356	110,396	-	-
Hartanah, Loji Dan Peralatan	14	409,610,358	398,623,092	406,113,582	395,066,341
Aset Tak Ketara	15	5,375,599	6,968,303	5,373,030	6,964,396
Pembinaan Dalam Kemajuan	16	22,256,751	25,911,892	22,256,751	25,911,892
Jumlah Aset Bukan Semasa		**449,219,489**	**443,389,140**	**446,864,942**	**441,936,072**
JUMLAH ASET		**704,216,364**	**731,572,788**	**697,943,496**	**726,537,254**
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	17	11,571,810	9,992,784	7,455,138	7,449,754
Lain-Lain Belum Bayar	18	3,670,517	1,914,910	3,670,517	1,914,910
Percukaian		-	233,006	-	-
Pinjaman Bank	19	99,262	99,262	-	-
Manfaat Pekerja	20	1,112,663	1,336,433	1,112,663	1,336,433
Jumlah Liabiliti Semasa		**16,454,252**	**13,576,395**	**12,238,318**	**10,701,097**
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Bank	19	2,054,365	2,153,462	-	-
Manfaat Pekerja	20	7,506,119	5,703,787	7,506,119	5,703,787
Geran Tertunda	21	86,588,589	98,176,124	86,588,589	98,176,124
Liabiliti Cukai Tertunda	10	-	2,867	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**96,149,073**	**106,036,240**	**94,094,708**	**103,879,911**
JUMLAH LIABILITI		**112,603,325**	**119,612,635**	**106,333,026**	**114,581,008**
ASET BERSIH		**591,613,039**	**611,960,153**	**591,610,470**	**611,956,246**
ASET BERSIH/EKUITI					
Kumpulan Wang	22	594,184,796	613,694,204	591,610,470	611,956,246
Lebihan Terkumpul Entiti Yang Dikawal		(2,571,757)	(1,734,051)	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		**591,613,039**	**611,960,153**	**591,610,470**	**611,956,246**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN 2023	KUMPULAN 2022	UNIVERSITI 2023	UNIVERSITI 2022
PENDAPATAN		RM	RM	RM	RM
Urus Niaga Pertukaran	23	48,899,562	47,918,900	44,498,745	39,321,249
Urus Niaga Bukan Pertukaran	24	228,005,950	236,525,859	228,005,950	236,525,859
Lain-lain Pendapatan	25	970,391	922,355	985,829	1,466,866
JUMLAH PENDAPATAN		277,875,903	285,367,114	273,490,524	277,313,974
PERBELANJAAN					
Emolumen	26	151,101,433	141,784,865	150,063,816	140,971,401
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	27	42,404,018	38,990,029	42,462,600	39,056,890
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		13,858,150	10,191,112	13,841,913	10,169,258
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	28	55,934,342	54,767,759	51,928,065	47,991,553
Biasiswa dan Dermasiswa		2,713,988	3,235,863	2,713,988	3,235,863
Pemberian Bantuan Aktiviti Pelajar		638,470	1,170,660	638,470	1,170,660
Ganjaran		52,468	-	52,468	-
Gantian Cuti rehat		2,984,006	4,827,055	2,984,006	4,827,055
Bayar Balik dan Hapus Kira		863,786	1,307,942	863,786	1,307,942
Kenaan Cukai dan Duti		613,549	452,895	591,946	449,240
Perbelanjaan Lain		1,508,959	1,291,542	1,291,157	1,159,634
Susut Nilai dan Pelunasan	14 & 15	26,117,093	24,788,240	26,059,439	24,741,229
Hutang Ragu	6	124,383	187,204	114,383	121,831
Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		-	1,326	-	-
Kerugian Atas Pelaburan Anak Syarikat	11	-	-	836,368	-
Kerugian Atas Penilaian Hartanah Pelaburan	14	35,620	34,450	-	-
JUMLAH PEBELANJAAN		298,950,265	283,030,942	294,442,405	275,202,556
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(21,074,362)	2,336,172	(20,951,881)	2,111,418
Percukaian	29	121,143	(226,453)	-	-
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		**(20,953,219)**	**2,109,719**	**(20,951,881)**	**2,111,418**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN

		Kumpulan Wang							
		Mengurus	Pembangunan	Penyelidikan	Khas	Amanah dan Endowmen	Kolej Kediaman	Syarikat Subsidiari	Jumlah
2023		RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM
Pada 1 Januari 2023		39,863,556	379,662,600	14,749,804	126,849,356	44,939,910	7,628,978	(1,734,051)	611,960,153
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(29,404,975)	1,317,287	203,909	9,129,132	(1,485,046)	124,180	(837,706)	(20,953,219)
Pelarasan Dalam Tahun	31	800	-	605,305	-	-	-	-	606,105
Pindahan Antara Kumpulan Wang		12,278,778	-	2,700,000	(28,888,152)	1,503,374	12,406,000	-	-
Baki Pada 31 Disember 2023		**22,738,159**	**380,979,887**	**18,259,018**	**107,090,336**	**44,958,238**	**20,159,158**	**(2,571,757)**	**591,613,039**
2022									
Pada 1 Januari 2022		33,935,610	382,931,302	15,217,146	128,092,953	45,328,468	7,858,083	(2,312,679)	611,050,883
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		2,512,422	(1,896,857)	(2,914,637)	6,493,560	(2,403,292)	(260,105)	578,628	2,109,719
Pelarasan Dalam Tahun		183,940	(1,371,845)	(12,542)	-	(2)	-	-	(1,200,449)
Pindahan Antara Kumpulan Wang		3,231,584	-	2,459,837	(7,737,157)	2,014,736	31,000	-	-
Baki Pada 31 Disember 2022		**39,863,556**	**379,662,600**	**14,749,804**	**126,849,356**	**44,939,910**	**7,628,978**	**(1,734,051)**	**611,960,153**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

UNIVERSITI

		Kumpulan Wang						
		Mengurus	Pembangunan	Penyelidikan	Khas	Amanah dan Endowmen	Kolej Kediaman	Jumlah
2023		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2023		39,863,556	379,662,600	14,749,804	125,111,398	44,939,910	7,628,978	611,956,246
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(29,404,975)	1,317,287	203,909	8,292,764	(1,485,046)	124,180	(20,951,881)
Pelarasan Dalam Tahun	31	800	-	605,305	-	-	-	606,105
Pindahan Antara Kumpulan Wang		12,278,778	-	2,700,000	(28,888,152)	1,503,374	12,406,000	-
Baki Pada 31 Disember 2023		**22,738,159**	**380,979,887**	**18,259,018**	**104,516,010**	**44,958,238**	**20,159,158**	**591,610,470**
2022								
Pada 1 Januari 2022		33,935,610	382,931,302	15,217,146	125,774,668	45,328,468	7,858,083	611,045,277
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		2,512,422	(1,896,857)	(2,914,637)	7,073,887	(2,403,292)	(260,105)	2,111,418
Pelarasan Dalam Tahun		183,940	(1,371,845)	(12,542)	-	(2)	-	(1,200,449)
Pindahan Antara Kumpulan Wang		3,231,584	-	2,459,837	(7,737,157)	2,014,736	31,000	-
Baki Pada 31 Disember 2022		**39,863,556**	**379,662,600**	**14,749,804**	**125,111,398**	**44,939,910**	**7,628,978**	**611,956,246**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	KUMPULAN 2023 RM	KUMPULAN 2022 RM	UNIVERSITI 2023 RM	UNIVERSITI 2022 RM
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
(Kurangan)/Lebihan sebelum cukai		(21,074,362)	2,336,172	(20,951,881)	2,111,418
Pelarasan bukan tunai :					
Hasil daripada Geran	24	(181,633,018)	(192,826,868)	(181,633,018)	(192,826,868)
Pelunasan Geran/Pemberian Modal Direalisasi	24	(34,998,914)	(29,023,855)	(34,998,914)	(29,023,855)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	14	24,316,654	22,913,235	24,260,338	22,867,923
Susutnilai Aset Tak Ketara	15	1,800,439	1,875,005	1,799,101	1,873,306
Rosotnilai/Penjejasan nilai hartanah,loji dan peralatan		-	1,326	-	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara		3,585,856	(6,760,614)	3,585,856	(6,760,614)
(Pemulihan)/Rosotnilai Pelaburan dalam Anak Syarikat		-	-	836,368	(580,327)
Kerugian Pelarasan Nilai Saksama Hartanah Pelaburan		35,620	34,450	-	-
Untung Pelaburan Lain		(2,070)	(1,609)		
Untung jualan hartanah, loji dan peralatan		(629)	-	-	-
Peruntukan Hutang Ragu		10,000	65,373	-	-
Faedah diterima		(10,171,231)	(7,052,064)	(10,166,341)	(7,050,939)
Belanja Faedah		104,165	89,658	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang		1,802,332	1,231,527	1,802,332	1,231,527
(Untung)/Rugi daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara		31,948	4,142	31,948	4,142
(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(216,193,210)	(207,114,122)	(215,434,211)	(208,154,287)
Perubahan Modal Kerja :		-			
Pergerakan Bersih dalam Belum Terima		(5,713,747)	359,456	(4,084,567)	237,186
Pergerakan Bersih dalam Belum Bayar		3,110,863	263,568	1,537,220	(109,851)
Cukai yang dibayar		(220,106)	(54,848)	-	-
Aliran Tunai Digunakan Bagi Aktiviti Operasi		**(219,016,200)**	**(206,545,946)**	**(217,981,558)**	**(208,026,952)**
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(6,990,200)	(6,619,169)	(6,958,868)	(6,554,997)
Tambahan Pembinaan Dalam Kemajuan		(27,705,270)	(16,014,813)	(27,705,270)	(16,014,813)
Pembelian Aset Tak Ketara		(207,735)	(696,520)	(207,735)	(696,520)
Faedah Diterima		10,166,341	7,050,939	10,166,341	7,050,939
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan		**(24,736,864)**	**(16,279,563)**	**(24,705,532)**	**(16,215,391)**
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Terimaan Geran		205,044,398	216,786,384	205,044,398	216,786,384
Pinjaman Bank		(99,098)	(98,906)	-	-
Belanja Faedah		(104,165)	(89,658)	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan		**204,841,135**	**216,597,820**	**205,044,398**	**216,786,384**
(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		(38,911,929)	(6,227,689)	(37,642,692)	(7,455,959)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		278,933,074	285,160,763	276,753,651	284,209,610
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		**240,021,145**	**278,933,074**	**239,110,959**	**276,753,651**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:					
Tunai Di tangan dan di bank	4	9,270,346	33,432,445	8,360,160	31,253,022
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	5	230,750,799	245,500,629	230,750,799	245,500,629
		240,021,145	**278,933,074**	**239,110,959**	**276,753,651**

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERBANDINGAN BAJET & AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Jumlah Bajet (RM)		Amaun Sebenar	Varian	
	Asal	Akhir	RM	RM	%
	a	b	c	d=b-c	e=(d/b*100)
Penerimaan					
Pemberian Kerajaan	182,198,400	184,198,400	180,898,400	3,300,000	1.79%
Yuran	25,732,600	25,732,600	18,604,507	7,128,093	27.70%
Faedah	4,000,000	4,000,000	2,509,040	1,490,960	37.27%
Lain-lain Hasil	7,435,000	7,435,000	19,562,881	(12,127,881)	-163.12%
Jumlah Penerimaan	**219,366,000**	**221,366,000**	**221,574,828**	**(208,828)**	**-0.09%**
Perbelanjaan					
Gaji & Upahan	104,149,800	104,149,800	101,616,781	2,533,019	2.43%
Elaun Tetap	24,383,000	24,383,000	24,134,256	248,744	1.02%
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	16,392,000	16,392,000	17,521,472	(1,129,472)	-6.89%
Elaun Lebih Masa	2,000,000	2,000,000	3,418,628	(1,418,628)	-70.93%
Faedah Kewangan	1,640,000	1,640,000	2,382,454	(742,454)	-45.27%
Bayaran Khas Kewangan	1,942,200	1,942,200	2,446,400	(504,200)	-25.96%
Jumlah Emolumen	**150,507,000**	**150,507,000**	**151,519,991**	**(1,012,991)**	**-0.67%**
Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup	3,000,000	3,000,000	3,087,659	(87,659)	-2.92%
Pengangkutan Barang-Barang	20,000	20,000	12,906	7,094	35.47%
Perhubungan & Utiliti	10,630,000	10,630,000	9,257,510	1,372,490	12.91%
Sewaan	5,200,000	5,200,000	5,929,918	(729,918)	-14.04%
Bekalan Bahan Mentah & Bahan Untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	1,600,000	1,600,000	1,314,233	285,767	17.86%
Bekalan & Bahan-Bahan Lain	6,600,000	6,600,000	6,938,729	(338,729)	-5.13%
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	7,200,000	9,200,000	9,129,343	70,657	0.77%
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	26,813,000	26,813,000	29,135,549	(2,322,549)	-8.66%
Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	**61,063,000**	**63,063,000**	**64,805,847**	**(1,742,847)**	**-2.76%**
Harta Modal	**1,500,000**	**1,500,000**	**1,427,518**	**72,482**	**4.83%**
Biasiswa, Dermasiswa & Bantuan Pelajaran	1,300,000	1,300,000	788,745	511,255	39.33%
Pemberian Dalam Negeri	550,000	550,000	602,805	(52,805)	-9.60%
Jumlah Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	**1,850,000**	**1,850,000**	**1,391,550**	**458,450**	**24.78%**
Bayaran-bayaran Lain	**4,446,000**	**4,446,000**	**2,951,818**	**1,494,182**	**33.61%**
Jumlah Perbelanjaan	**219,366,000**	**221,366,000**	**222,096,724**	**(730,724)**	**-0.33%**

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERBANDINGAN BAJET & AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Bajet UMT telah diluluskan atas asas tunai bagi tempoh kewangan daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2023. Bajet asal telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 7 Oktober 2022 merangkumi geran kerajaan yang telah diluluskan selepas pembentangan bajet negara di Parlimen serta anggaran sumber dalaman yang disasarkan bagi tahun 2023. Manakala bajet tambahan merangkumi geran tambahan yang diterima daripada Kementerian Pengajian Tinggi sepanjang tahun kewangan.

Bajet dan penyata kewangan UMT disediakan menggunakan asas yang berlainan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan. Jumlah sebenar di dalam penyata kewangan telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet universiti hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet & Sebenar dan jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti di bawah:

Perkara	Operasi RM	Pembiayaan RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	(180,338,774)	180,898,400	(1,081,522)	**(521,896)**
Perbezaan masa	-	-	-	-
Perbezaan asas	(37,642,784)	24,145,998	(23,624,010)	**(37,120,795)**
Perbezaan entiti	-	-	-	-
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	**(217,981,558)**	**205,044,398**	**(24,705,532)**	**(37,642,691)**

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012).

b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.

c. Pada 31 Disember 2023, UMT mempunyai kakitangan berjumlah 1,864 orang manakala jumlah enrolmen pelajar ialah seramai 11,241 yang terdiri daripada 1,453 pelajar ijazah lanjutan, 9,343 pelajar ijazah pertama, 191 pelajar diploma dan 254 pelajar asasi.

d. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 27 Februari 2024.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS).*

b. Mata Wang

Penyata Kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah.

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan UMT dan entiti yang dikawalnya. Entiti yang dikawal adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka. Entiti yang dikawal disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan entiti yang dikawal yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata prestasi kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh kuat kuasa pelupusan mengikut kesesuaian. Aset-aset dan liabiliti entiti yang dikawal dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih entiti yang dikawal yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul dalam penyatuan.

Urus niaga antara Kumpulan, baki serta keuntungan tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan dan penyatuan penyata kewangan mencerminkan urus niaga luaran sahaja. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tidak boleh diperoleh semula.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan entiti yang dikawal adalah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersih beserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran.

Kepentingan minoriti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan terdiri daripada minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti yang diperoleh pada tarikh pengambilalihan bahagian minoriti dalam perubahan ekuiti entiti yang dikawal sejak itu.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama kecuali yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan.

c. Piawaian Yang Belum Berkuatkuasa Dan Tidak Digunapakai Awal

Tiada piawaian yang belum berkuatkuasa dan tidak digunapakai awal di dalam penyata kewangan ini yang akan memberi kesan kepada dasar-dasar perakaunan sedia ada yang digunapakai oleh UMT.

d. Pengiktirafan Pendapatan

<u>Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran</u>

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

i) Yuran pengajian diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai hasil.

ii) Faedah simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut.

iii) Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan akruan.

iv) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan.

Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

ii) Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang UMT.

iii) Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima kecuali terdapat keperluan untuk diiktiraf sebaliknya.

e. Penghutang

i. Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.

ii. Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut.

iii. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

iv. Hutang lapuk dihapuskira setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

f. Hartanah, Loji dan Peralatan

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai, jika ada. Didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan dan bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

ii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

iii. Hartanah, Loji dan Peralatan akan dinyah iktiraf apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan

kepada UMT. Sebarang kerugian atau keuntungan daripada pelupusan aset-aset tersebut dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara hasil jualan dan nilai dibawa.

g. Aset Tak Ketara

i. Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti dan mempunyai nilai RM3,000 atau lebih. Pemerolehan aset tak ketara yang boleh dikenalpasti melalui hak penggunaan tanah dan harta intelektual, termasuk yang diperolehi melalui penggabungan perniagaan, adalah diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada.

ii. Aset tak ketara akan dinyah iktiraf apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan kepada UMT. Sebarang kerugian atau keuntungan daripada pelupusan aset-aset tersebut dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara hasil jualan dan nilai dibawa.

h. Pelunasan/Susut nilai

i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.

ii. Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

Aset	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20-25
Kenderaan	5-20
Kemudahan/Infrastruktur	5
Aset Tetap Lain	20
Peralatan Kolam	10

iii. Pelunasan bagi aset tidak ketara adalah menggunakan kaedah garis lurus atau berdasarkan kepada anggaran tempoh yang dinyatakan secara perundangan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

Jenis Harta	(%)
Perisian	20
Paten	5

iv. Kaedah susutnilai yang diguna pakai akan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tahun kewangan dan, jika terdapat perubahan signifikan dalam jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dalam aset tersebut.

i. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

j. Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa inventori. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

k. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

l. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak berbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Syarikat mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

m. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Kumpulan dan Universiti menggunakan kaedah tidak langsung di dalam menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

n. Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:-

i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

ii) Pembayaran tertunggak;

iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

o. Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Bayar

